


***Kampung Haji Salleh dan
Madrasah Saadiah-Salihah
1914-1959***



SIRI KAJIAN SEJARAH SETEMPAT

***Kampung Haji Salleh dan
Madrasah Saadiyah-Salihiah
1914-1959***

BADRIYAH HAJI SALLEH

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1984**

KK. 391 - 2877 0101

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

© Hakcipta Badriyah Haji Salleh, (1984)
Cetakan Pertama 1984

M
959.5114
BAD

588575

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.
\$7.50

- 2 JAN 1993
Percetakan Negeri

PRAKATA

Dalam tradisi penulisan sejarah Malaysia, sehingga kini, kecenderungan adalah untuk pengkaji memberi tumpuan kepada tajuk yang lebih luas dan pengkajian tentang satu-satu komuniti yang kecil seperti yang lebih biasa diselenggarakan oleh para sarjana dalam bidang sosiologi atau antropologi sosial. Tambahan pula ahli sejarah lebih cenderung kepada penggunaan dokumen bertulis dan merasa tidak senang jika sekiranya mereka harus menggunakan bahan-bahan lisan.

Dilihat dari perspektif yang tersebut di atas, kajian ini adalah satu penyimpangan daripada tradisi yang agak ternyata. Akan tetapi hal ini sebenarnya merupakan suatu contoh yang baik tentang usaha-usaha yang sedang dijalankan, guna untuk menulis kembali sejarah Malaysia. Perkara ini sudah banyak diperkatakan; hanya biasanya mereka yang meminta supaya sejarah negara ini ditulis kembali cuma mengharapkan kajian-kajian yang dapat menunjukkan bahawa orang tempatan lebih unggul daripada orang Barat tanpa memberi perhatian kepada soal apakah yang sepatutnya menjadi tema pokok satu-satu kajian yang baharu itu.

Pengkajian kembali sejarah Malaysia seharusnya mempunyai perspektif yang lebih positif — yang perlu diteliti bukan hanya kepada perkara yang telah banyak diutarakan tetapi juga kepada perkara yang kurang diutamakan. Dengan kata lain, pengkajian tersebut bukan hanya suatu tafsiran baharu yang berhubungan dengan kehendak zaman sekarang tetapi terdapat juga jurang-jurang yang mesti diisi.

Kajian ini mempunyai dua bahagian yang sesungguhnya berintegrasi. Satu memberi tumpuan kepada sejarah pembukaan kampung serta perkembangan yang berlaku pada suatu komuniti, iaitu penduduk kawasan Temoh, Perak. Sebahagian lagi memperkatakan tentang pendidikan agama Islam. Kajian yang begitu lengkap tentang perkembangan di suatu kawasan kecil ini, membuktikan bahawa pengajian sejarah setempat bukanlah suatu tugas yang mustahil. Apa yang dilakukan oleh Badriyah dapat dilakukan juga oleh penuntut sejarah lain mengenai kawasan yang lain-lain pula. Apa yang penting hanyalah ia sepatutnya mempunyai per tanggapan yang betul tentang pengertian sejarah.

Penulis buku ini, Badriyah bt. Haji Salleh, adalah seorang penuntut yang berkebolehan dan sesungguhnya telah dianugerah ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Kelas I). Beliau mempunyai banyak pengalaman sebagai guru sebelum memasuki universiti dan selain daripada penguasaan Bahasa Malaysia juga mahir dalam bahasa Inggeris dan fasih dalam bahasa Jerman. Beliau sedang melanjutkan pelajarannya di peringkat lepas-ijazah di Columbia University, New York.

Walaupun pada asalnya kajian ini diajukan untuk ijazah Sarjana Muda Sastera, mutunya lebih tinggi daripada mutu kajian yang biasa diselenggarakan oleh prasiswazah lain. Maka kajian ini bukan hanya penting dari segi isi kandungannya sahaja tetapi juga sebagai suatu contoh bagi bimbingan mahasiswa lain; mudah-mudahan kajian ini akan memberi perangsang kepada mereka supaya memberi tumpuan kepada kajian ilmiah yang bernilai dan dapat memperkayakan lagi bidang persejarahan Malaysia. Penulisan kembali sejarah Malaysia tidak semestinya dilakukan oleh para sejarawan yang lebih tinggi kelayakannya. Namun sumbangan daripada berbagai pihak amatlah dihargai kerana, di antara lain, apa yang seharusnya ditimbulkan pada zaman ini ialah suatu tradisi ilmiah yang tinggi. Nasionalisme sahaja tidak akan membawa makna yang konkrit jika setiap warganegara Malaysia masih tertinggal dalam bidang ilmiah terutamanya dalam bidang pengajian Malaysia.

Jun 1981

Khoo Kay Kim
Profesor Sejarah Malaysia
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Prof. Khoo Kay Kim, Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya, yang telah memberikan keyakinan kepada saya untuk membuat satu kajian tentang perkembangan pengajian Islam di Temoh, Perak; juga tentang pembukaan perkampungan di situ.

Saya juga sangat terhutang budi kepada En. Abd. Aziz b. Mat Ton, persyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya, yang telah membimbing saya dan memberikan idea-idea yang sangat berkesan, hinggalah selesainya kajian ini.

Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada Ustaz Mokhtar Shafie, pensyarah di Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, yang telah menyemak Bab 3 kajian ini. Juga kepada Ustaz Haji Zawawi b. Haji Salleh, Nazir sekolah Agama Rakyat Negeri Perak yang telah membenarkan saya menggunakan beberapa fail jabatannya. Saya tidak melupakan jasa Tuan Haji Hashim bin Haji Salleh, Ketua Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak, yang telah banyak memberikan penerangan mengenai pembukaan dan perkembangan kampung tersebut. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Ustaz Haji Mohd. Surur Hassan dan Ustaz Haji Salleh Ali, kedua-duanya bekas mudir Madrasah Saadiah-Salihiah, yang telah memberikan kerjasama untuk kajian ini. Kepada Ustaz Busro Haji Annuar, Puan Hajah Rusiatun Haji Othman, Puan Hajah Hafsatun bt. Haji Salleh, Puan Hajah Fatimah bt. Haji Salleh, dan tiap-tiap orang yang telah bekerjasama dengan saya dalam menyelesaikan kajian ini juga diucapkan terima kasih.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, kepada Pejabat Tanah Daerah Batang Padang, Tapah, Perak, dan kepada rakan-rakan saya yang telah memberikan galakan kepada saya untuk mewujudkan kajian ini.

Terima kasih.

Badriyah bt. Haji Salleh

Disember 1977


KANDUNGAN

Muka surat

PRAKATA	v
PENGHARGAAN	vii
SENARAI KEPENDEKAN	xiii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI RAJAH, JADUAL DAN PETA	xiv
PENDAHULUAN	xv
LATAR BELAKANG: PERKEMBANGAN ISLAM DAN PENUBUHAN SEKOLAH-SEKOLAH PONDOK DAN MADRASAH DI PERAK ...	xxi
BAB 1: PEMBUKAAN KAMPUNG HAJI SALLEH DAN PENUBUHAN MADRASAH SAADI- AH-SALIHIAH TEMOH, PERAK	1
Kiyai Haji Salleh bin Haji Abdul Rahman ...	1
Penubuhan Institusi Pengajian Agama Islam ..	6
Perkembangan Perkampungan di Temoh, Perak.....	10
Pengasas Sebagai Ketua Kaum	13
Pengasas Sebagai Ketua Agama	14
Pengasas Sebagai Ahli Masyarakat yang lebih Besar	15
	ix

BAB 2: PENTADBIRAN DAN KEGIATAN MAD-	
RASAH	19
Madrasah Saadiyah-Salihiah Sebelum 1934.....	19
Pengelolaan	20
Guru-guru	20
Cara Mengajar	24
Murid-murid	25
Pelajaran	26
Waktu Belajar	27
Sumber Kewangan	28
Kegiatan di Luar Bilik Pelajaran	28
Madrasah Saadiyah-Salihiah Selepas 1934	29
Pengelolaan	30
Guru-guru	35
Cara Mengajar	40
Murid-murid	43
Waktu Belajar	46
Sumber Kewangan	48
Kegiatan di Luar Bilik Darjah	49
BAB 3: MATA PELAJARAN.....	59
Tauhid	60
Fiqh	65
Usul-ul-Fiqh	68
Hadis	70
Musthalah-ul-Hadis	72
Al-Quran	74
Tafsir al-Quran	76
Tasawuf	78
Tajwid	81
Faraid	83
Mata Pelajaran Bahasa Arab	89
Mata Pelajaran 'Am	92

BAB 4: MAJLIS AGAMA DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERAK DAN PERKEMBANGAN MADRASAH SAADIAH-SALIHIAH.....	95
Sebab Campur Tangan	95
Bantuan Kewangan	98
Sukatan Pelajaran Jabatan Hal-Ehwal Agama ..	99
Matlamat Jabatan Hal-Ehwal Agama Dalam .. Perkembangan Pelajaran Agama Islam	102
PENUTUP	107
BIBLIOGRAFI	115
ORANG-ORANG YANG DITEMURAMAH	117
LAMPIRAN:	127
A. Surat Kebenaran pergi ke Tanah Jawa	127
B. Contoh (cara memberi makna di bawah per- kataan-perkataan).	129
C. Senarai Kitab	130
D. 'Trustee' pewakaf 1931	133
E. 'Trustee' pewakaf Indonesia.	134
F. Senarai orang-orang yang berwakaf	135
G. Surat wasiat	136
H. Senarai guru-guru Madrasah Saadiah-Salihi- ah	137
I. Contoh Sijil Madrasah Saadiah-Salihiah Te- moh, Perak	140



SENARAI KEPENDEKAN

- PAS — Parti Islam Se-Malaya
PPIS — Persatuan Pembantu Pelajar-Pelajar Islam
PPSST — Persatuan Pelajar-Pelajar
Sa'adiyah-Salihiah Temoh
s.a.w. — Sa'llallahu 'alaihi wasallam
s.w.t. — Subhanahu wa ta'ala
UMNO — United Malays National Organization
(Pertubuhan Kebangsaan Melayu Ber-
sa tu)

SENARAI GAMBAR

- Gambar 1: Kiyai Haji Salleh bin Haji Abd. Rahman,
J.P. (1865-1961) 2
- Gambar 2: Madrasah Al-Umumiah Al-Jawawiah, Te-
moh (1918), (sebelum menjadi Madrasah-
Sa'adiyah-Salihiah) 21
- Gambar 3: Bangunan Awal Madrasah Sa'adiyah, dan
pengambilan pertama murid-murid pe-
rempuan 31
- Gambar 4: Madrasah Sa'adiyah dan Majlis Ulama
ca wangan Batang Padang Utara 21.3.1950
..... 34
- Gambar 5: Madrasah Salihiah dan Murid-murid pe-
rempuan 1954 36
- Gambar 6: Sebahagian dari guru lelaki Madrasah
Sa'adiyah-Salihiah 39
- Gambar 7: Sebahagian dari guru perempuan Madrasah
Sa'adiyah-Salihiah 41

SENARAI RAJAH, JADUAL DAN PETA

1. Rajah

Rajah 1: Rajah Sistem Persekolahan dan Pelajaran Agama Negeri Perak.....	105
Rajah 2: Rajah Sistem Peperiksaan Sijil-sijil Sekolah-Sekolah Agama Perak	106

2. Jadual

Jadual 1: Jadual Waktu Pelajaran (1914 — 1934).....	27
Jadual 2: Jadual Waktu Pelajaran (1934—1959)	47
Jadual 3: Pembahagian Harta Mengikut Faraid Jika simati itu (lelaki/perempuan) dan meninggalkan hanya seorang waris	87
Jadual 4: Jika simati itu (lelaki/perempuan) meninggalkan waris-waris	88

3. Peta

i Peta Negeri Perak	xx
ii Peta Kawasan Temoh Perak.....	5

PENDAHULUAN

Sebelum Perang Dunia Kedua, penulisan tentang sejarah Malaysia telah dimonopoli oleh penulis-penulis Barat. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa orang tempatan yang cuba menulis tentang sejarah suatu seperti (Wan) Mohd. Amin b. Wan Mohd. Saad, *Kenang-kenangan Selangor*, disunting oleh Abdul Samad b. Ahmad, Klang, 1933; Mohd. b. Dato' Muda, *Tarikh Surat Khabar*, Bukit Mertajam, 1940; Mohd. b. Haji Alias, *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor*, Johore Bahru, 1928; Mohd. Hassan, *Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Penang, 1928; Mohd. Said b. Haji Sulaiman, *Malaya - iaitu Negeri-Negeri Dalam Tanah Melayu Dan Yang Berkenaan*, Singapore, 1939; namun hanya mulai 1949, dengan adanya Jabatan Sejarah di Universiti Malaya Singapura, baharulah para mahasiswa mula digalakkan menulis secara ilmiah tentang sejarah negara mereka sendiri. Dan sejak 1959 hingga sekarang, apabila Jabatan Sejarah Universiti Malaya ditubuhkan di Kuala Lumpur, penulisan tentang penulisan sejarah tempatan makin meluas. Walaupun demikian, dalam jangka masa yang hanya lebih kurang 31 tahun itu, masih belum mungkin penulis-penulis sejarah tempatan dapat memenuhi segala kekosongan yang masih luas itu.

Bidang sejarah tidak meliputi lapangan-lapangan tertentu sahaja sebagaimana yang telah disalahertikan oleh ramai orang. Ia merujuk kepada keseluruhan yang telah berlalu.¹ Dengan itu penulis

¹Khoo Kay Kim, *Persejaraan Malaysia*, Siri syarahan Tun Sri Lanang, Kuching 1975.

berasa yakin bahawa kajiannya ini meliputi sebahagian dari pengkajian sejarah juga.

Kajian ini meliputi dua aspek tentang sejarah sosial.² Pertama, ditumpukan kepada pembukaan sebuah kampung yang masih hutan belantara, yang terdapat di Temoh, Perak. Pembukaan tersebut dilakukan oleh sekumpulan orang-orang dari suku Jawa yang baharu menetap di kawasan itu. Mereka telah sampai pada awal abad ke-20, semasa Tanah Melayu sedang pesat didatangi oleh kaum-kaum imigran lain dari Cina dan juga dari India. Kajian ini akan menampakkan betapa imigran seperti mereka, telah sama-sama memainkan peranan penting dalam perkembangan perkampungan di negara ini. Setelah menetap, mereka telah berjaya pula menyesuaikan diri di negara yang baru mereka akui ini, dan turut mengambil bahagian dalam kemajuan pelajaran agama pula. Inilah aspek kedua kajian ini.

Perhatian yang lebih khusus ditumpukan kepada peranan Madrasah Saadiyah-Salihiah yang telah dibina oleh Kiyai Haji Salleh, ketua imigran Jawa ini. Pada awal abad ke-20 ini, peranan sekolah-sekolah pondok dan madrasah-madrasah³ sangat penting dalam perkembangan pelajaran di Tanah Melayu. Institusi-institusi seperti ini telah membantu membuka mata masyarakat daripada buta huruf, dan telah berjaya mengeluarkan golongan yang digelar ulama⁴. Ramai juga dari golongan ini yang menjadi pejuang nasionalis.

Penulis berharap supaya bahan kajian yang akan dibentangkan ini dapat menjadi sumber bagi kajian-kajian lanjut mengenai sejarah sosial di negara ini.

Penulis memulakan kajiannya dengan memberikan penerangan ringkas mengenai latar belakang penubuhan sekolah-sekolah pondok dan madrasah-madrasah di negeri Perak secara umum. Ini ada persamaannya dengan perkembangan yang dialami oleh Madrasah

²Sosial dalam ertikata yang luas merangkumi bidang-bidang masyarakat termasuk ekonomi dan juga politik. Ini telah diterangkan oleh Prof. Khoo Kay Kim dalam siri kuliahnya bagi disiplin sejarah (kaedah sejarah) di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/77.

³Madrasah diambil dari perkataan Bahasa Arab. Ia membawa erti sekolah, yang sistem pengajarannya adalah formal, iaitu menggunakan papan hitam, buku, pensil dan lain-lain.

⁴Lihat 'Lidah Pengarang' majalah *Pengasuh*, Oktober 1958 seperti yang dipetik oleh akhbar *Utusan Melayu*, 21.1.1959.

Saadiah-Salihiah di Temoh. Kemudian kajian ini akan memberikan tumpuannya pula kepada pembukaan Kampung Temoh, Perak, yang kemudian diberikan nama Kampung Haji Salleh, Temoh - sempena nama penerokanya.

Perkembangan pelajaran agama Islam yang dipusatkan di Madrasah Saadiah-Salihiah ini, akan dibincangkan dalam bab-bab 2, 3 dan 4. Dalam bab-bab ini penulis akan menerangkan tentang penubuhannya dari institusi yang bersistem pondok hingga ia menjadi sebuah institusi pengajian yang bersistem persekolahan moden. Ia akan menerangkan juga mengenai mata pelajaran yang diajarkan di situ, satu persatu. Dengan ini dapatlah sesuatu kesimpulan dibuat tentang nilai pelajaran yang diajarkan.

Kajian ini akan terus mengikut perkembangan Madrasah Saadiah-Salihiah hinggalah Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu Perak campur tangan dalam pentadbiran madrasah ini. Ini akan dapat memberikan penerangan tentang peranan dan tujuan jabatan ini dalam percubaannya menyelaraskan semua sekolah pondok atau madrasah-madrasah yang dibina secara berseorangan oleh orang-orang perseorangan di Negeri Perak.

Penulis menutup kajiannya dengan membuat kesimpulan-kesimpulannya sendiri terhadap sejarah masyarakat yang telah ditinjaunya.

Penulis membuat kajian mengenai pembukaan Kampung Haji Salleh, Temoh, berdasarkan kepada temuramah-temuramah yang dilakukannya dengan beberapa orang keluarga pengasas, terutama sekali yang telah mengalaminya bersama-sama. Untuk mengesahkan kebenaran kenyataan-kenyataan yang diberi, penulis telah membandingkannya dengan keterangan-keterangan yang diperolehi dari fail-fail Pejabat Tanah Batang Padang di Tapah. Ia telah juga membuat perbandingan dengan butir-butir yang diperolehi dari kajian-kajian ahli-ahli sejarah ahli ekonomi yang sudah membukukan pendapat mereka, terutama sekali mengenai kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20 ini.

Soalan-soalan penulis semasa menemuramah *responden* dibuat secara tidak formal sahaja. Dengan ini kerjasama dari mereka dapat diperolehi dengan senang dan tidak terkongkong dengan bentuk-bentuk soalan yang ketat. Rujukan silang selalu juga dibuat bagi mengesahkan sesuatu kenyataan yang kurang terang atau meragukan.

Bahan-bahan yang lain yang digunakan juga oleh penulis

merupakan buku-buku laporan sekolah, risalah-risalah, buku-buku rekod murid dan guru, fail-fail Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Perak, dan juga kertas-kertas kerja yang dihasilkan oleh konvensyen sekolah-sekolah agama yang pernah diadakan di Perak, serta rumusan ahli-ahli jawatankuasa rancangan kursus metrikulasi (sains) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beberapa buah kajian ilmiah yang berkaitan dengan kajian penulis telah juga digunakan, kadar untuk dijadikan rujukan perbandingan atau persamaan. Penulis juga telah menggunakan beberapa pucuk surat yang ditulisnya kepada orang-orang yang jauh, tetapi difikirkan dapat memberikan penerangan yang berguna bagi kajian ini. Penulis juga dapat mengumpulkan beberapa buah catatan harian yang dipunyai oleh orang-orang yang berkaitan, dan dokumen-dokumen seperti surat-surat *Trustee*.

Tidak ketinggalan juga, penulis telah menggunakan bahan-bahan dari beberapa buah buku yang berguna bagi sesuatu penerangan lanjut.

Dalam menemuramah *responden*, penulis tidak menemui masalah yang rumit. Ini disebabkan penulis sangat kenal dengan mereka secara peribadi. Penulis mempunyai kaitan keluarga dengan pengasasnya (salah orang dari anak-anak pengasas sendiri) dan dengan para *mudir*⁵ atau penolong-penolong *mudir* Madrasah Saadiah-Salihiah, yang menjadi sanak saudaranya sendiri. Orang-orang lain yang tidak berapa dalam lingkungan kekeluargaannya adalah sahabat-sahabat keluarganya.


Walau bagaimanapun penulis tidak terlepas juga dari menghadapi beberapa masalah. Pertama, pondok dan madrasah ini tidak menyimpan rekod-rekod dan laporan-laporan secara teratur dan lengkap, terutama mengenai hal-hal yang sudah lama, seperti semasa sebelum Perang Dunia Kedua. Kedua, pada tahun 1959, pelajar-pelajar Madrasah Saadiah-Salihiah telah melancarkan satu tunjuk perasaan menentang pentadbiran madrasah.⁶ Mereka telah membakar segala rekod-rekod mengenai Persatuan Pelajar-pelajar Saadiah-Salihiah. Oleh itu, penulis terpaksa menghubungi bekas presiden persatuan tersebut secara surat sahaja, dan mendapatkan butir-butir mengenai persatuan tersebut melalui ingatannya sahaja.

⁵ *Mudir* - Bahasa Arab, bererti Guru Besar/Ketua.

⁶ Lihat Bab Kedua kajian ini, hal. 56.

Ketiga, orang-orang yang ditemuramah mengenai asal pembukaan kampung dan perkembangan Madrasah Saadiyah-Salihiah, memberi keterangan mengikut daya peringatan mereka juga. Oleh itu penulis terpaksa membuat banyak 'rujukan silang' dengan menemuramah lebih ramai lagi *responden*.

Akhirnya, ramai bekas guru dan pelajar yang mungkin mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai institusi ini, tidak diketahui alamatnya untuk dihubungi. Walau bagaimanapun penulis akan cuba sedaya upayanya untuk menjadikan kajian ilmiahnya ini selengkap dan sesempurna yang boleh.



PETA NEGERI PERAK

LATAR BELAKANG

PERKEMBANGAN ISLAM DAN PENUBUHAN SEKOLAH-SEKOLAH PONDOK DAN MADRASAH DI PERAK

Islam telah pun wujud di Tanah Melayu pada awal abad yang ke-14. Ia mula berkembang dengan pesatnya pada abad yang ke-15, apabila sultan-sultan Melaka dan lain-lain negeri Melayu yang bersangkutan dengannya menganut agama tersebut.

Di negeri Perak, sebagaimana di negeri-negeri Melayu yang lain, pada awalnya, Islam disebarluaskan secara tidak formal. Ia diajar oleh ulama-ulama yang memberi syarahan-syarahan atau ceramah-ceramah mengenai sejarah kebesaran Islam, mengenai tokoh-tokoh pahlawan Islam, seperti dalam Hikayat Ali Hanafiah dan Hikayat Amir Hamzah yang telah dibacakan kepada askar-askar Melayu Melaka sebelum serangan orang Portugis pada 1511.¹ Cerita tentang nabi-nabi dan wali Allah adalah antara yang paling digemari di kalangan para pengembang Islam.

Pengajaran agama Islam selalunya dijalankan di surau-surau atau masjid-masjid sahaja. Surau-surau ini biasanya didirikan di tanah-tanah wakaf yang diamanahkan oleh seorang ketua kampung atau mukim, dengan bantuan penduduk kampungnya. Mereka pula bertanggungjawab menjaga dan memperbaiki surau ini. Sembahyang terawih dan sembahyang berjemaah yang lain selalu dijalankan di sini. Di sinilah selalunya seorang guru agama mengajarkan pelajaran agama Islam yang asas, misalnya, mengenai rukun Iman, rukun Islam, cara-cara beribadah, membaca Quran, dan lain-lain.

¹Shellabear, W.G., (Ed.), Sejarah Melayu, Singapura, Malaya Publishing House, hal. 297.

Guru ini jugalah yang selalu mengepalai upacara-upacara agama seperti membaca tahlil.²

Di masjid-masjid juga diajarkan pelajaran agama Islam. Tetapi pada umumnya, masjid-masjid hanya digunakan sepenuhnya untuk sembahyang Juma'at dan sembahyang Hari Raya Puasa dan sembahyang Hari Raya Haji.³

Selain dari melalui kedua-dua institusi tersebut di atas, kelas-kelas Quran juga diadakan di merata-rata tempat. Pendek kata, di mana ada kampung yang mempunyai lebih dari tiga atau empat buah rumah, di situ terdapat seorang yang mengerjakan Quran kepada anak-anak kampung tersebut. Malahan jika jiran tetangga atau guru itu jauh, maka siibu atau sibapa anak itu akan mengajar sendiri anaknya membaca Quran. Ajaran ini hanya dihadkan kepada kepandaian membaca sahaja, seboleh-bolehnya mengikut *tajwid*⁴ yang betul, sedangkan maknanya tidak diberatkan.⁵

Ajaran-ajaran secara tidak formal tadi berjalan serentak dan pesat terutama sebelum Perang Dunia Kedua. Dan kepesatan perkembangan ini mungkin juga kerana takutkan pengaruh agama Kristian yang makin meluas itu.

*"The fact that every Malay is now a Muslim may not have been accidental."*⁶

Di Perak, cara pengajaran di suraulah yang lebih menarik perhatian masyarakat Melayu umumnya. Orang-orang dari luar kampung yang tiada guru mula datang untuk berguru di tempat-tempat di mana ada tok guru yang dikatakan terkenal atau banyak pengaruh. Penuntut-penuntut ini mula membuat pondok-pondok⁷ sebagai tempat tinggal mereka. Pondok-pondok itu tidak lengkap. Pondok-pondok ini selalunya dibuat daripada papan, kayu-kayu

²Rauf, M.A., *Islamic Education in Malaya, Intisari*, Vol. 11, Part 1, hal. 16.

³*Ibid*, hal 17.

⁴*Tajwid* perkataan Arab, bererti pelajaran tentang cara-cara membaca lafaz Quran dengan betul dan tepat. Lihat Bab 3 kajian ini, di bawah tajuk Mata Pelajaran.

⁵Kamaruzzaman b. Abd. Hamid, "Pendidikan Islam di Kalangan Masyarakat Melayu Kampung Sungai Sumun", Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, K.L., (tidak bercetak) 1966, hal. 69.

⁶M.A. Rauf, *op. Cit.*, hal. 16.

⁷*Pondok* berasal dari perkataan Bahasa Arab '*fundug*', iaitu tempat kediaman sementara. Di Indonesia, institusi-institusi pondok ini digelar 'pesantren' terjadi dari perkataan 'santri' bererti pelajar-pelajar agama. Lihat juga, Aboebakar, *Sedjarah Masjid*, N.V. Visser & Co. Jakarta 1955, hal. 411.

hutan dan beratapkan rembia atau nipah.⁸ Ia dibina oleh ibu bapa penuntut atau diupahkan pada orang lain untuk membuatnya. Pondok-pondok ini pula didirikan berdekatan dengan tempat pengajian mereka yang digelar madrasah. Institusi-institusi seperti ini sangat popular sebelum Perang Dunia Kedua di kalangan masyarakat Melayu.⁹

Beberapa orang pengkaji mengenai institusi pondok ini mempunyai pendapat yang berbeza mengenai dari manakah datangnya pengaruh ini. Ada yang mengatakan bahawa pondok-pondok mula-mula sekali timbul di Kedah. Pengaruhnya pula dibawa oleh ulama-ulama dari Sumatra. Apabila pengaruh sistem ini sudah berkembang, ramailah anak-anak Melayu dari Pantai dan Kelantan yang berhijrah ke sana untuk menuntut agama Islam. Kemudian pengaruh ini mula menjalar ke Patani selepas murid-murid balik ke sana dari Kedah. Selepas ini barulah pengaruh ini berkembang pula ke Kelantan.¹⁰ Walau bagaimanapun di utara Tanah Melayu, bukti-bukti memang banyak mengatakan bahawa pengaruh Patani lebih kuat dari pengaruh Sumatra. Misalnya kitab-kitab yang digunakan oleh penuntut-penuntut dan guru-guru di pondok-pondok di Kedah atau Kelantan kebanyakannya ditulis oleh ulama-ulama dari Patani, seperti Sheikh Daud al Fatani.¹¹ Juga, kerana negeri-negeri Patani, Kelantan, Kedah dan Perlis adalah di bawah naungan kerajaan Siam hingga 1899. Oleh itu perhubungan antara penduduk-penduduk di negeri-negeri tersebut adalah mudah. Hingga sekarang masih ada penuntut institusi pondok dari Patani yang belajar di Kelantan, yang mendapat gelaran 'serambi Mekah'.

Bagi negeri-negeri di utara Tanah Melayu, penulis lebih bersetuju dengan pendapat bahawa pengaruh sistem institusi pondok ini berasal dari Patani. Tetapi ini tidak pula boleh diumumkan bagi semua negeri-negeri yang lain. Di negeri Perak, pergolakan sejarah-

⁸Nabir b. Hj. Abdullah, *Maahad 11 Ihya Assayariff Gunung Semanggul 1934-1959*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, K.L. 1976 hal. 52.

⁹Rozhan Kuntum, *A General Survey of Muslim Religious Schools*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Singapore, (tidak tercetak) hal. 18.

¹⁰Hasan Hanafi, "Pondok di dalam Negeri Kedah", Latihan Ilmiah, Kolej Islam Malaya, Klang, (tidak tercetak), 1958, hal. 15.

¹¹Abd. Rashid b. Hj. Ahmad, "Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Kelantan", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, (tidak tercetak), 1966 hal. 33. Lihat juga, Rozan Kuntum, *op. cit.*, hal. 18, dan Khairiah bt. Bahari, "Madrasah Al-Taufikiah Al Khairiah Al Halimiah", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, (tidak tercetak), 1976/77, hal. 11.

nya berbeza. Institusi pondok di negeri ini bukan sahaja dipengaruhi oleh Patani tetapi lebih besar kemungkinan bahawa ia mendapat pengaruh dari Indonesia. Penulis membuat kesimpulan ini atas beberapa faktor.

Pertama, Perak dalam erti kata yang sebenarnya, tidak pernah terletak di bawah pemerintahan Siam. Perhubungan antara keduanya tidak licin. Peperangan selalu berlaku di antara keduanya secara langsung atau melalui negeri naungannya, Kedah. Misalnya, pada tahun 1817, Kedah atas arahan Siam, telah menyerang Perak. Akibatnya Perak terpaksa menghantar Bunga Mas ke Siam. Pada tahun 1822, Selangor telah membantu Perak menghalau kuncu-kuncu Siam yang ada di Perak. Ini telah membawa kepada campur tangan Inggeris pula. Oleh sebab itu tidaklah hairan jika tidak ramai penuntut-penuntut yang belajar agama Islam dari Perak pergi ke Patani atau Kelantan dan sebaliknya.

Pengajian agama Islam telah mula dikenali di Perak sejak pertengahan kurun ke-16 Masihi lagi. Satu rombongan dari Sumatra telah mengiringi Sultan Muzzafar Shah, sultan Perak yang pertama ke Bandar, sebuah tempat di Kuala Sungai Perak. Di antara rombongan itu terdapat seorang guru agama bernama Sheikh Ibrahim b. Mahmud. Ia berasal dari Kampar, Sumatra. Dari situ mereka menyusur ke hulu Perak dan menetap di Bota Kanan, di kawasan Parit, Perak. Di situ Sheikh Ibrahim telah diberi izin oleh sultan untuk mendirikan sebuah surau di mana ia telah memulakan ajaran Islam yang asas.¹² Cara mengajarnya ialah dengan memberikan syarahan-syarahan, cerita-cerita kisah wali-wali Allah, dan lain-lain. Walaupun tempat ini belum boleh dikatakan sebuah pusat pendidikan Islam yang sangat berpengaruh namun tidak pula dinafikan bahawa peranannya juga penting. Apabila Tuan Sheikh Ibrahim meninggal dunia, tempat ini dinamakan Padang Marhum oleh orang-orang di situ. Maksudnya, tempat inilah tempat almarhum Tok Guru yang mereka sifatkan sebagai keramat,¹³ hingga hari ini.

Pada awal kurun yang ke-19 pula, seorang ulama lain dari Sumatera, Sheikh Tuan Haji Junus telah membuka sebuah institusi pondok. Tarikh yang sebenarnya tidak diketahui tetapi kesan

¹²Perak Religious Department 160/52.

¹³Kamus Dewan mengertikan keramat sebagai seorang atau tempat yang suci di sisi Tuhan dan mendatangkan hikmat.

pondoknya masih ada hingga sekarang ini.¹⁴ Yang lain telah dirobohkan oleh syarikat perlombongan. Tempatnya ialah di Batu Hampar dekat Malim Nawar. Sheikh Tuan Haji Junus telah berpindah ke Tanjung Tualang Sekah, Malim Nawar. Dia telah tinggal menetap di situ dan mengajar agama secara pondok hinggalah meninggal dunia.

Ketiga, kepesatan perkembangan sistem pondok di Perak, adalah juga kerana pengaruh imigran-imigran dari Tanah Jawa yang telah berhijrah ke Perak dan menetap di situ. Kebanyakan mereka yang pernah mendapat didikan di sekolah pondok yang sudah meluas di negeri asal mereka, telah mendirikan sekolah-sekolah pondok dan madrasah sebaik sahaja mereka dapat menetap. Di antara mereka ini ialah *Kiyai*¹⁵ Haji Salleh bin Abdul Rahman. Beliau telah membuat surau dan madrasah di Temoh, Perak pada tahun 1912. Sebelum beliau mendirikan madrasah ini di situ, beliau adalah orang yang mula-mula membuka Kampung Haji Salleh.

Contoh pengaruh dari imigran Indonesia ini terdapat juga di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar. Pada tahun 1926, seorang ulama dari Sumatera, Tuan Haji Sheikh Idris al-Marbawi telah mendirikan sebuah institusi pondok di situ.¹⁶

Pada tahun 1930-an pula terdiri dua buah pondok di utara Perak. Kedua-dua ini didirikan oleh orang Banjar yang baru datang dari Kalimantan.¹⁷ Kedua-dua institusi tersebut telah didirikan di Kuala Kurau dan Tanjung Piandang. Kebanyakan guru-guru yang datang ke situ adalah orang-orang dari suku Banjar yang berpendidikan dari Mekah.¹⁸

Pada tahun 1932 pula tertubuh lagi sebuah institusi pondok di Kampung Lalang, Padang Rengas. Institusi ini diketuai oleh Tuan

¹⁴Perak Religious Department 160/52.

¹⁵*Kiyai* berasal dari Bahasa Jawa, bererti seorang yang alim dalam agama Islam. Kebanyakan dari mereka menumpukan masa mereka sebagai guru agama. Ada juga yang memfiskan mereka sebagai dukun yang mengajar beberapa amalan yang dikaitkan dengan ubat-mengubat. *Kiyai* hanya digunakan di kalangan orang-orang Jawa sahaja. Lihat juga Deliar Noer, *The Modernist Moslem Movement in Indonesia 1900-1942*, London, Oxford University Press, 1973, hal. 8.

¹⁶Perak Religious Department 160/52.

¹⁷Selmiah Mat Isa, *Sejarah Penempatan dan Kehidupan Sosial Orang-orang Banjar di Jajahan Krian*. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, K.L. (tidak tercetak) 1975/76, hal. 6.

¹⁸Keterangan dari Tuan Haji Zawawi b. Hj. Salleh, Nazir sekolah-sekolah Agama Rakyat Perak, pada 23.5.1977.

Sheikh Junid Tola dari Mendiling, Sumatera. Beliau telah mendapat didikan dan ijazah dari Universiti al-Azhar di Kahirah. Beliaulah orang yang pertama di Perak yang telah menerima didikan dari Mesir, dan beliau juga termasuk dalam golongan beberapa orang *reformist* dalam perkembangan pelajaran Islam bersama-sama dengan Tuan Sheikh Tahir Jalaluddin dan Tuan Wan Ahmad.¹⁹ Di sini Tuan Sheikh Junid telah memperkenalkan mata pelajaran vokasional. Misalnya beliau telah mengajar membuat sabun, mengecap kain, membuat terompah kayu dan kasut. Beliau juga yang telah mula-mula menunjukkan cara menjalankan kincir padi dengan menggunakan kuasa air.²⁰ Perkembangan institusi ini sungguh pesat hingga ia telah mengeluarkan tokoh-tokoh politik hari ini seperti Dato' Md. Asri b. Haji Muda salah seorang tokoh politik tanahair yang pernah menjadi Menteri Tanah dan Galian dan Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am.

Pada masa yang sama, seorang ulama yang lain, juga dari Tanah Jawa, Tuan Sheikh Abd. Rahman, telah datang ke Gunung Semangul di daerah Larut dan Matang. Beliau telah memelopori bangunan Maahad Il Al-Ihya Assyariff, iaitu sebuah madrasah pusat pendidikan bersistem pondok. Pada tahun 1932, Madrasah ini telah mengalami perkembangan yang pesat di bawah tadbiran Uztaz Abu Bakar Bakir. Keluarganya juga dari Tanah Jawa.²¹ Beliau telah memperkenalkan pelajaran-pelajaran akademik yang lain ke dalam sistem pendidikannya, selain dari pelajaran agama. Sekarang *maahad* ini telah dipilih oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu Perak sebagai salah sebuah madrasah yang akan menyediakan pelajaran untuk kelas-kelas metrikulasi.²² Kelas-kelas tersebut adalah bagi tujuan hendak memberikan persediaan kepada pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di dalam atau di luar negeri.

Dengan alasan-alasan di atas jelaslah bahawa penubuhan sekolah-sekolah pondok dan madrasah yang ada di Perak banyak menerima pengaruh dari Indonesia. Tetapi tidak pula boleh dinafikan sama sekali kemungkinan pengaruh dari Patani juga ada,

¹⁹Religious Department Perak, 160/52.

²⁰Keterangan dari Datin Hajah Sakinah Hj. Junid, anak perempuan Tuan Sheikh Junid, dalam suratnya kepada penulis pada 23.6.1977.

²¹Nabir b. Hj. Abdullah, *op. cit.*, hal. 37.

²²Perak Religious Department 160/52.

walaupun kemungkinan ini sangat kecil. Buktinya, Tuan Sheikh Junid Tola yang telah memelopori pondok di Padang Rengas telah diambil sebagai anak menantu oleh seorang ulama tempatan iaitu, Tuan Haji Said Fatani. Beliaulah yang telah menghantarkan Tuan Sheikh Junid ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran.²³ Gelaran 'Fatani' yang terdapat di hujung namanya itu mungkin menunjukkan bahawa beliau menerima pendidikan dari Patani. Ini menjadi satu kebiasaan bagi orang-orang pada masa itu. Misalnya, seorang penulis yang bahan tulisannya menjadi buku-buku teks di sekolah-sekolah pondok di Kedah dan Kelantan ialah Sheikh Daud Al-Fatani.²⁴ Kemungkinan kedua ialah bahawa tuan Haji Said sendiri adalah berasal dari Patani. Walau bagaimanapun orang yang memperkembangkan sistem pondok di situ ialah Tuan Sheikh Junid tadi yang telah mendapat didikan dari Sumatera, di sekolah pondok Bukit Mertajam dan pelajaran lanjutan di Mesir.

Faktor lain yang memesatkan juga sistem pondok dan madrasah di Perak ialah perkembangan sistem pelajaran yang dikenalkan oleh pihak pentadbiran Inggeris. Orang Melayu umumnya, dan orang Islam khususnya, merasai bahawa pendidikan untuk mereka tidak diberatkan. Sungguhpun cara pendekatan Inggeris terhadap pendidikan orang Melayu adalah atas dasar unsur peri kemanusiaan,²⁵ yang ingin melindungi orang Melayu dari tekanan Imigran-imigran (maksudnya imigran yang datang dari lain-lain negeri ke arah Indonesia), tetapi orang Melayu masih sangsi. Sekolah-sekolah Melayu yang telah didirikan di kampung-kampung hanya menampung pelajaran hingga ke peringkat rendah sahaja. Dan amat sedikit orang-orang yang lepasan dari sini yang dapat kerja dengan kerajaan. Sekolah-sekolah Inggeris pula terletak di bandar-bandar, di mana orang Melayu tidak ramai. Sekolah-sekolah itu pula sama ada 'free schools' yang ditaja oleh kerajaan atau 'mission schools' yang dibiayai oleh badan-badan pengembang agama Kristian. Jadi tidak hairan kalau orang Melayu pada masa itu tidak berkeyakinan terhadap sekolah-sekolah tersebut, kerana terdapat tanggapan "*The Muslim pupils instead of learning the Quran in Arabic were reading*

²³Keterangan dibuat oleh Datin Hajah Sakinah Hj. Junid, dalam suratnya pada penulis pada 23.6.1977.

²⁴Lihat kajian ini, hal.xxi.

²⁵Wong Hoy Kee, Francis, & Be Tiang Hong, *Education in Malaya*, KL. Heinemann, 1967, hal. 11.

Scriptures".²⁶ Idea mengenai pelajaran-pelajaran yang dikatakan sekular yang dibawa oleh pentadbiran Inggeris merupakan satu fenomena yang masih baru. Pada umumnya orang Melayu masih belum nampak apakah faedahnya pelajaran itu kepada mereka. Di sekolah pondok, pengetahuan agama Islam diterima oleh orang Melayu. Oleh itu tidaklah menjadi tanda tanya kenapa orang Melayu lebih suka menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah pondok, walaupun lebih jauh tempatnya.²⁷

Selain dari sebab-sebab di atas, kepesatan sistem pondok di Perak adalah timbul dari galakan Sultan Iskandar sendiri ketika itu. Pada 1922, sebuah yayasan agama yang moden, yang mengikut sistem persekolahan yang betul (ada kelas-kelas, kerusi meja, papan hitam, dan lain-lain), telah ditubuhkan.²⁸ Sekolah ini adalah sebuah sekolah agama diraja yang diwakafkan oleh almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri. Sekolah tersebut diberi nama Al-Madrasah Al-Idrisiah, Kuala Kangsar sempena nama ayahandanya, Sultan Idris. Sayogia dimaklumkan bahawa baginda adalah salah seorang sultan yang paling progresif. Semasa pemerintahannya, telah terdiri dua buah institusi yang sangat penting dalam perkembangan intelektual orang Melayu. Institusi-institusi tersebut ialah Maktab Melayu Kuala Kangsar (1905) dan Maktab Perguruan Sultan Idris untuk melatih guru-guru Melayu di Tanjung Malim (1922).

Mudir al-Madrasah al-Idrisiah yang pertama ialah seorang ulama dan tokoh pengarang di Tanah Melayu, Tuan Sheikh Abdullah Maghribi.²⁹ Berbeza dengan cara pengambilan murid-murid di Maktab Melayu Kuala Kangsar, yang dikhaskan untuk anak orang-orang bangsawan sahaja, madrasah ini membukakan pintu kepada anak sesiapa sahaja yang mampu membayar yuran yang sederhana. Di antara murid-murid itu terdapat anak-anak dan

²⁶Rauf, M.A., op. cit. hal. 19.

²⁷Banyak contoh tentang tak percaya rakyat kepada pelajaran anjuran Inggeris terdapat dalam 'Monthly Report on Lower Perak dan Batang Padang' dalam *Perak Govt. Gazette*, 15 March 1895, dan *Quarterly Report on Education* dalam penerbitan yang sama, 11 Mei 1894. Di dalamnya dinyatakan bahawa untuk mengatasi tentang mereka maka "darjah-darjah membaca Quran di sekolah-sekolah Melayu sama pentingnya dengan padang-padang permainan di sekolah-sekolah Inggeris."

²⁸Perak Religious Department, 160/52.

²⁹*Ibid.*

cucu Kiyai Haji Salleh bin Haji Abd. Rahman yang telah mengasaskan Madrasah Saadiyah-Salihiah di Temoh.³⁰ Mereka inilah kemudiannya yang sama-sama memodenkan sistem pondok yang ada di situ.

³⁰ Anak-anak Kiyai Haji Salleh yang belajar di situ ialah: 1) Hj. Hashim b. Hj. Salleh, JP (sekarang menjadi ketua Kampung Haji Salleh, Temoh) Hj. Nor b. Hj. Salleh sekarang mudir madrasah Saadiyah-Salihiah dan ahli mubaligh Perak), 3) Hj. Ghazali b. Hj. Salleh (telah meninggal dunia pada 1957), 4) Hj. Zawawi b. Hj. Salleh (sekarang nazir sekolah-sekolah Agama Rakyat, Perak). Antara cucunya ialah: 1) Hj. Abdullah b. Hj. Anwar (sekarang guru agama di Sekolah Menengah Horley Methodist, Teluk Anson) dan 2) Haji Nahravi b. Hj. Anwar (sekarang bekerja sendiri).



BAB

1

PEMBUKAAN KAMPUNG HAJI SALLEH DAN PENUBUHAN MADRASAH SAADIAH-SALIHIAH, TEMOH, PERAK

Kiyai Haji Salleh bin Haji Abd. Rahman

Pengasas Madrasah Saadiah-Salihiah, Temoh, Perak, adalah seorang yang berasal dari Poerworedjo, Jawa Tengah, Indonesia. Beliau adalah Kiyai Haji Salleh bin Haji Abd. Rahman yang telah dilahirkan kira-kira pada tahun 1865. Kiyai Haji Salleh telah menerima didikan agama dari beberapa buah sekolah pondok di Tanah Jawa, seperti di Tebuireng, dan di Pesantren Djombang.¹

Tanah Jawa sejak abad ke-16 sudah masyhur dengan pengembangan agama Islam melalui wali-wali. Yang paling terkenal di antara mereka ialah kumpulan Wali Songo.² Dan pada abad ke-17, Tanah Jawa di zaman Mataram, merupakan zaman keemasan bagi pendidikan dan pengajaran agama Islam, kerana pada masa itu, pendidikan dan pengajaran Islam telah mempunyai organisasi yang teratur dalam pemerintahan negara Islam.³ Pada masa pemerintahan Belanda hinggalah ke awal abad ke-20, pengembangan pendidikan Islam telah cuba ditindas oleh Belanda, tetapi pesanteren-pesanteren sudah terlalu banyak. Indonesia telah pun masyhur dengan ulama-ulama seperti Syech Ahmad Chatib Minangkabau; Syech Hawawi Banten; dan Syech Bandjari.⁴

¹Penerangan lebih lanjut mengenai perjalanan sekolah pondok di Jawa, lihat Mahmud Junus, *Sedjarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Pustaka Mahmudiah, Jakarta, 1960, hal. 204 & 214.

²*Ibid.*, hal. 189.

³*Ibid.*, hal. 198.

⁴*Ibid.*, hal. 45



**Kiyai Haji Salleh Bin Haji Abd. Rahman, JP.
(1865-1961)**

Pada awal abad ke-20, Indonesia, terutama di Tanah Jawa, sedang mengalami tekanan ekonomi oleh pemerintah Belanda. Kebetulan pula Tanah Melayu sedang menghendaki pekerja-pekerja buruh yang ramai untuk estet-estet getah yang sedang pesat perkembangannya. Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) bersedia.

"To do what lies in its power to encourage this additional and useful source of labour supply and it proposes to depute a former chairman of the United Planters' Association to proceed to Java to make enquiries on the spot".⁵

Oleh sebab-sebab di atas dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh kedua-dua pihak; Belanda di Indonesia, dan Inggeris di Tanah Melayu, Kiyai Haji Salleh telah datang ke Tanah Melayu untuk mencuba nasibnya. Beliau sampai di Kuala Langat, Selangor, pada tahun 1907. Di situ beliau telah mendapatinya tidak sesuai dan telah berhijrah pula ke Batu Gajah, Perak. Beliau telah berkenalan dengan beberapa orang imigran Jawa yang lain dan telah mengikuti mereka ke Chenderiang, sebuah kawasan ladang getah yang terletak kira-kira 30 batu ke selatan bandar Ipoh. Di situ, beliau telah berjumpa dengan seorang pengurus estet Jong Landor,⁶ Tuan Panel. Daripadanya, beliau telah mendapat kerja. Kiyai Haji Salleh telah ditugaskan untuk mencari pekerja-pekerja lain, walaupun dari Tanah Jawa sendiri. Atas dasar kepercayaan ini sahaja, Kiyai Haji Salleh telah diberi wang sebanyak \$500/- bagi menanggung perbelanjaan mencari dan mendapatkan pekerja-pekerja tadi.⁷ Ini bertepatan dengan polisi pengambilan pekerja-pekerja imigran oleh pentadbiran Inggeris, yang menguntungkan tuan punya estet-estet di Tanah Melayu.

"If the labourers could encourage their friends to come to Malaya, then the passage costs to employers of these independent or non-recruited immigrants was about half the cost of immigrants obtained through the recruiting firm".⁸

⁵Federated Malay States Resident Generals' Annual Report for the Year 1903, hal. 15.

⁶Estet ini telah dibuka pada 1909. Lihat Registration of Titles Index Grant 6373, Pejabat Tanah Batang Padang, Tapah, Perak.

⁷Temuramah dengan Haji Hashim b. Haji Salleh, pada 27.5.1977. Beliau ialah anak lelaki pengasas dan Ketua Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

⁸Parmer, J.N., *Colonial Labour Policy and Administration: a history of labour in*

Kiyai Haji Salleh telah kembali semula ke Chenderiang dengan membawa bersama-samanya 30 orang pekerja. Mereka ini terus bekerja di Jong Landor Estate secara ikatan perjanjian. Sebenarnya pengambilan pekerja ini ada dua cara. Pertama secara bebas, iaitu mereka tidak menandatangani apa-apa perjanjian dan bebas pada bila-bila masa pun untuk keluar dari kerja itu dengan memberi notis yang singkat. Kedua, ialah dengan cara perjanjian atau kontrak. Orang-orang ini mesti menandatangani satu perjanjian selama mana yang telah dipersetujui antara majikan dan pekerja. Mereka tidak boleh berhenti dari kerja dengan tiada kebenaran atau kelulusan majikan atau penguasa buruh, walaupun mereka telah memberikan notis yang cukup.⁹ Dari sinilah timbulnya istilah Jawa Kontrak atau *orang Greemen*,¹⁰ (Agreement men).

Sejak dari masa itu Kiyai Haji Salleh telah dilantik oleh pengurus ladang tersebut sebagai seorang mandur. Beliau telah berulang-alik ke Tanah Jawa untuk mendapatkan pekerja-pekerja yang lain hingga jumlah orang yang telah dibawanya masuk ke Tanah Melayu lebih kurang 200 orang.¹¹

Semasa bertugas sebagai seorang mandur inilah Haji Salleh telah mula berkenalan dengan orang-orang tempatan yang lain seperti Yang Mulia Raja Sulaiman,¹² penghulu Mukim Chenderiang. Pada masa itu seorang penghulu masih dipandang tinggi kedudukannya oleh masyarakat. Dan sahabat-sahabatnya demikian juga. Dengan itu Kiyai Haji Salleh juga disegani oleh ketua-ketua kaum yang lain di Mukim Chenderiang ini. Atas ketekunannya dan perkenalannya dengan orang-orang seperti tersebut tadi, beliau telah berjaya membeli beberapa ekar tanah paya dan hutan di Temoh, iaitu sebuah kawasan lebih kurang enam batu dari pekan Chenderiang. Pada ketika itu di Temoh hanya ada beberapa buah keluarga sahaja. Walaupun demikian ia telah mempunyai sebuah sekolah Melayu yang boleh memuatkan kira-kira 20 orang murid.

Sejak tahun 1912 dan 1913, Haji Salleh telah berulang-alik pula


the rubber plantation industry in Malaya c. 1910 — 41, Coast Valley, New York, published for the Association for Asian Studies, by J.J. Augustin, (1960), hal. 112-113.

⁹Shamsul Bahrain, Tengku, Indonesian Labour in Malaya', dalam *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. 2, 1965, hal. 61.

¹⁰Ramsay, A. B., Indonesian in Malaya, *JMBRAS*, Vol. 1, 29, Part 1, 1956, hal. 121.

¹¹Temuramah dengan Haji Hashim b. Haji Salleh pada 25.5.1977.

¹²*Ibid.*



PETA KAWASAN TEMOH

antara Chenderiang dan Temoh. Beliau bersahabat dengan orang-orang di Temoh. Menerusi persahabatan ini beliau telah berjaya mengajak mereka bekerjasama dan bergotong-royong dari segi kewangan dan tenaga untuk mendirikan sebuah masjid di Temoh. Masjid ini diberi nama Masjid Jame'. Kayu-kayan yang telah digunakan bagi pembinaannya diambil dari kayu-kayu jenis meranti yang ditebang dari tanah kepunyaan Kiyai Haji Salleh.¹³ Masjid ini juga telah dapat bantuan dari pejabat penghulu Raja Sulaiman. Pembinaannya telah siap dibuat pada tahun 1913. Masjid ini masih dalam keadaan baik dan masih digunakan oleh penduduk Temoh hingga sekarang ini (1977).

Kebetulan pula kontrak kerja Kiyai Haji Salleh dengan estret Jong Landor telah tamat. Beliau terus membuat keputusan untuk menetap di Temoh. Pemberhentian beliau telah dituruti oleh pekerja-pekerja yang datang dari Tanah Jawa bersama-samanya. Pada masa ini Kiyai Haji Salleh telah dianggap oleh mereka sebagai ketua bagi semua pendatang Jawa. Pada tahun 1914, Haji Salleh telah membuat sebuah rumah yang agak besar di Temoh. Rumah ini lebih besar dari Masjid Jame' yang telah dibuat secara bergotong-royong itu. Di keliling rumahnya itu, beliau telah membenarkan pengikut-pengikut membina rumah-rumah yang kecil sebagai tempat tinggal mereka dan keluarga mereka. Seyogianya diingatkan bahawa setelah mereka menetap di sini mereka telah mengambil keluarga mereka dari Tanah Jawa. Kiyai Haji Salleh sendiri telah membawa isteri dan anaknya seramai dua orang.¹⁴

Kiyai Haji Salleh tidak berhenti bekerja untuk menambahkan milik tanahnya yang bertambah hingga lebih dari seratus ekar terletak di kawasan daerah Batang Padang, Hilir Perak dan Ulu Selangor. Pada masa yang sama beliau telah juga mengembangkan pengajaran agama Islam yang pada awalnya telah diajar olehnya sendiri.

Penubuhan Institusi Pengajaran Agama Islam

Di belakang rumah beliau, Kiyai Haji Salleh telah membina sebuah surau. Tujuan utamanya ialah untuk mengajar pelajaran as

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Mereka ialah Hajah Fatimah dan Hajah Rokiah, kedua-duanya sekarang tinggal di kampung Haji Salleh, Temoh.

agama kepada pengikut-pengikutnya dan keluarga mereka. Pelajaran-pelajaran itu adalah seperti pelajaran ilmu Fiqh, Quran dan Hadith. Kebetulan pada masa ini juga telah datang ke tempat Kiyai Haji Salleh seorang ulama keturunan Arab, Syeh Radhi.¹⁵ Kiyai Haji Salleh lantas menjemputnya supaya tinggal di situ dan mengajar pelajaran agama Islam secara lebih pesat kepada orang-orangnya. Syeh Radhi bertugas bukan atas dasar makan gaji tetapi atas dasar 'sabil-lil-Lah', iaitu bertugas atas jalan Allah. Haji Salleh hanya memberikannya makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Dengan kehadiran Syeh Radhi ini, bertambah terkenallah nama Kiyai Haji Salleh dan tempat pengajaran agama Islamnya.

Pada tahun 1918 Kiyai Haji Salleh telah didatangi oleh dua orang guru agama lain dari Indonesia. Mereka ialah Kiyai Annuar b. Abd. Wahid dan Kiyai Yahaya b. Haji. Salleh. Kedua-dua mereka juga dijemput oleh Kiyai Haji Salleh supaya dapat menjadi guru di situ. Kedua-dua mereka telah diberi tempat tinggal dan ditanggung segala perbelanjaan mereka sehari-hari. Mereka juga tidak bertugas makan gaji.

Di daerah Batang Padang ini, Temoh merupakan sebuah tempat pengajian agama Islam yang terawal; dan sebuah institusi agama Islam yang pertama dipunyai oleh seorang dari keturunan Jawa di negeri Perak. Oleh itu ia telah dapat sambutan yang sangat menggalakkan, terutama dari kalangan orang Jawa yang lain yang telah menetap di Tanah Melayu ini. Ini jelas terbukti apabila ramai pelajar-pelajar yang kemudian digelar '*anak-anak santri*', kesemuanya dari keturunan Jawa, mula datang untuk 'memondok' di Temoh ini. Jelas juga bahawa surau yang mula-mula telah dibuat oleh Kiyai Haji Salleh tidak dapat lagi memuatkan '*anak-anak santri*' ini. Oleh itu beliau telah membina sebuah bangunan yang panjangnya kira-kira 100 x 30 kaki bagi keperluan penempatan pelajar-pelajar itu. Jadi 'pondok' yang dibina oleh Kiyai Haji Salleh ini tidaklah sama keadaannya dengan pondok-pondok yang lain, seperti yang terdapat di Maahad 11 Ihya al-Syariff di Gunung Semanggul,¹⁶ atau di pondok-pondok di Kelantan,¹⁷ atau di Kedah.¹⁸

Selain dari sebuah asrama yang boleh memuatkan lebih kurang

¹⁵Keterangan dari Tuan Hj. Hashim b. Haji Salleh pada 27.4.1977. Penerangan lanjut mengenai Syeh Radhi tidak dapat diperolehi.

¹⁶Nabir b. Hj. Abdullah, *op. cit.*, hal. 52.

¹⁷Abd. Rashid b. Hj. Ahmad, *op. cit.*, hal. 18.

¹⁸Khairiah bte. Bahari, *op. cit.*, hal. 9.

100 orang 'anak-anak santri', Kiyai Haji Salleh telah membina pula sebuah madrasah yang digelar secara mudah sebagai al-Madrasah al-Arabiah. Ini dibuat selepas Perang Dunia Pertama.¹⁹ Dengan adanya kemudahan ini lebih ramai pula pelajar-pelajar yang datang. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja datang dari kawasan yang berdekatan, tetapi juga dari negeri-negeri lain seperti dari Selangor (kawasan Sabak Bernam, Ulu Langat, Kelang, Jeram, Kajang — yang jadi tumpuan imigran-imigran Jawa)²⁰... juga dari negeri Johor (kawasan Muar, Batu Pahat); Melaka dan Negeri Sembilan (Port Dickson). Pelajar-pelajar dari negeri Perak sendiri ramai yang datang dari daerah Hilir Perak, iaitu dari Bagan Datok, Teluk Anson, Sungai Sumun, Chenderong Balai, Changkat Petai, Sungai Manik, Tanjung Malim, Slim, Tapah, dan lain-lain dari kawasan selatan.

Dari utara pula, pelajar-pelajar tidak ramai sebagaimana dari selatan. Beberapa orang telah datang dari Kuala Kangsar, Parit dan Malim Nawar. Pelajar-pelajar dari utara Tanah Melayu boleh dikatakan tiada langsung. Mungkin ini disebabkan telah adanya institusi-institusi pondok, seperti yang telah ada di Kedah dan di Bukit Mertajam, di Pulau Pinang. Mungkin juga kerana kurangnya imigran-imigran Jawa di kawasan-kawasan tersebut.

Pada tahun 1930, Kiyai Haji Salleh telah membina pula sebuah madrasah yang lebih besar yang dinamakan *al-Madrasah al-Jawawiah*. Ia ditempatkan di sebelah bangunan *Madrasah al-Arabiah*, juga berdekatan dengan rumahnya. Madrasah yang kedua ini jelas bererti sekolah umum bagi orang Jawa. Mungkin ini juga merupakan sebuah sekolah kaum atau suku Jawa yang pertama yang pernah terdiri di Tanah Melayu. Sebab, sungguhpun ia adalah sebuah sekolah agama, tetapi bahasa pengantarnya adalah Jawa asli, iaitu *Kromo Inggil*.²¹ Pada masa ini jumlah *anak-anak santrinya* adalah lebih kurang 350 hingga 400 orang.²²

Perkembangan *Madrasah al-Umumiah al-Jawawiah* melangkah setapak lagi ke hadapan apabila pada tahun 1934 satu tambahan bangunan yang lebih besar telah dibuat. Bangunan ini dibuat dua

¹⁹Tarikh yang sebenarnya tidak dapat diperolehi.

²⁰Temuramah dengan Haji Hashim b. Haji Salleh pada 27.4.1977. Ini bertepatan juga dengan tulisan A. B. Ramsay, *op. cit.*, hal. 121.

²¹*Kromo Inggil* ialah Bahasa Jawa halus yang digunakan di kalangan orang Jawa yang dewasa, dan bagi penggunaan rasmi.

²²Keterangan ini didapati dari buku catatan Kiyai Haji Annuar b. Haji Abd. Wahid.

lapis. Yang sebelah atas dijadikan sebagai asrama, dan yang di sebelah bawah pula dijalankan kelas-kelas untuk pembahagian murid-murid, mengikut tinggi rendah pengetahuan mereka, diadakan. Ini juga merupakan satu perkembangan baru bagi sejarah sekolah pondok ini, kerana pengajaran secara yang lebih formal mula dijalankan. Bangunan yang baru ini dinamakan *al-Madrasah al-Saadiah, Temoh*. Nama ini diambil sempena nama isteri Kiyai Haji Salleh, Nyai Hajah Saadiah, yang telah mewakafkan bangunan tersebut bagi kegunaan pendidikan Islam yang makin berkembang di situ. Nama ini juga adalah sempena untuk memperingati *Nyai*²³ tersebut yang telah meninggal dunia pada tahun ini juga.

Pada tahun 1949, memandangkan kepada pesatnya perkembangan Madrasah Saadiah itu. Kiyai Haji Salleh telah membenarkan tertubuhnya sebuah lembaga pentadbir bagi melicinkan pentadbiran. Mereka telah dibenarkan mengumpulkan wang secara meminta derma dari orang ramai bagi membuat sebuah bangunan yang lain yang lebih elok dan sesuai sebagai sebuah sekolah. Pada tahun itu juga satu bangunan tambahan telah didirikan. Bangunan ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Orang Besar Jajahan Batang Padang, Yang Berbahagia Datok Mior Haji Hashim. Bangunan ini boleh memuatkan 7 buah bilik darjah dengan lebih kurang 350 orang murid. Seyogianya dimaklumkan bahawa selama ini pelajaran secara pondok masih tetap dijalankan di *Madrasah al-Umumiah al-Jawawiah* di bawah kelolaan Kiyai Haji Annuar. Tetapi pentadbiran kedua-dua madrasah tersebut dibuat dari satu pusat sahaja, iaitu di bawah kelolaan Kiyai Haji Salleh. Oleh kerana tumpuan lebih diberikan kepada perkembangan al-Madrasah Saadiah, maka lama-kelamaan nama *al-Madrasah al-Umumiah al-Jawawiah* itu hilang dan disebut juga al-Madrasah Saadiah.

Al-Madrasah Saadiah mula mengambil murid-murid perempuan. Setelah lebih enam tahun penubuhannya, jumlah murid-murid perempuan meningkat hingga kira-kira 60 orang. Dan ini telah menyebabkan Kiyai Haji Salleh mendirikan sebuah lagi bangunan yang berasingan, yang letaknya hanya kira-kira 20 ela sahaja di belakang bangunan baru al-Madrasah Saadiah. Pada tahun 1955 pembukaan rasminya ialah dibuat oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak sekarang Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak,

²³ 'Nyal' dari bahasa Jawa bererti isteri seorang Kiyai.

Sultan Idris ibni almarhum Sultan Iskandar Shah.²⁴ Bangunan dikhaskan untuk pelajar perempuan sahaja. Ia diberi nama *al-Madrasah al-Salihiah, Temoh*, diambil dari nama Kiyai Haji Salleh sendiri. Jadi, walaupun *al-Madrasah Saadiyah dan Salihiah* ini merupakan dua bangunan yang berasingan, tetapi pada hakikatnya ia adalah sebuah institusi agama yang ditadbirkan oleh satu lembaga pentadbir. Madrasah Salihiah ini juga mempunyai sebuah asrama untuk murid-murid yang datang dari jauh. Pada tahun itu juga seramai 150 orang murid perempuan dari kawasan luar Temoh telah memasukinya.²⁵ Di antara mereka ada yang datang dari Selangor, Negeri Sembilan, dan di tempat-tempat lain di negeri Perak sendiri. Selain dari murid-murid 'boarding' ini (demikianlah panggilan terhadap mereka), terdapat juga murid-murid dari kampung sendiri. Kali ini perbezaan suku-suku bangsa tiada, kerana sudah didapati murid-murid dari suku Melayu Mendeling, Banjar, Jawa, Rawa dan lain-lain. Keadaan seperti ini terdapat juga di *al-Madrasah Saadiyah*, iaitu di bahagian lelaki. Tahun inilah yang menunjukkan perkembangan Madrasah Saadiyah-Salihiah yang paling kemuncak sekali. Jumlah murid dari kedua-dua tempat ini ada lebih kurang 700 orang. Kejayaan ini bergantung besar kepada sifat keperibadian pengasas itu sendiri.

Perkembangan Perkampungan di Temoh, Perak

Dari awal lagi telah diterangkan bahawa Kiyai Haji Salleh telah bertanggungjawab membawa masuk ke Tanah Melayu ini seramai lebih kurang 200 orang pekerja kontrak dari Tanah Jawa. Mereka ini telah bekerja bersama-sama di Ladang Jong Landor di Chenderiang. Setelah ikatan perjanjian antara mereka tamat, mereka telah mengikut Kiyai Haji Salleh ke Temoh, enam batu dari Chenderiang, dan menetap di situ.²⁶

Temoh adalah satu kawasan perkampungan yang luasnya kira-kira 12 batu persegi. Temoh letaknya di tengah-tengah kawasan lombong bijih timah dan ladang getah dalam mukim Chenderiang di

²⁴Penulis sendiri telah menyertai upacara pembukaan ini sebagai seorang pelajarnya.

²⁵Diambil dari buku daftar kedatangan murid-murid perempuan tahun 1955.

²⁶Keterangan ini diberi oleh Hajah Fatimah Haji Salleh, anak perempuan pengasas yang telah bersama-sama tinggal di Chenderiang dan berhijrah ke Temoh bersama-sama keluarga dan pekerja-pekerja dari Tanah Jawa. Keterangan diberi di rumahnya pada 31.3.1977.

Daerah Batang Padang, di selatan Perak. Enam batu ke selatan Temoh ialah bandar Tapah, ibu daerah Batang Padang; dan enam batu ke utara ialah bandar Kampar, sebuah kawasan perlombongan di daerah Kinta yang terkaya dengan bijih timah. Ia dihubungkan dengan kawasan-kawasan lain dengan dua perantaraan, iaitu melalui jalan raya yang melewati pekan Temoh ke Tapah dan semua bandar-bandar lain ke utara. Ia juga dihubungkan dengan jalan keretapi melalui kawasan Temoh Stesen (mendapat nama kerana adanya stesen keretapi di situ) ke Tapah Road Kuala Lumpur dan lain-lain bandar ke selatan tanahair yang boleh dihubungi dengan jalan keretapi; serta ke Teluk Anson di daerah Hilir Perak (lihat peta di sebelah).

Pentadbiran di kawasan pekan Temoh, terletak di bawah arahan Majlis Bandaran Temoh. Tetapi kawasan stesyen Temoh terbahagi kepada beberapa buah kampung yang kecil. Kampung yang berdekatan sekali dengan perhentian keretapi itu digelar Kampung Temoh Stesen, dan yang dekat dengan Masjid Jame' digelar Kampung Masjid Temoh. Kedua-duanya terletak di sebelah timur landasan keretapi; atau kalau seorang itu berjalan dengan keretapi menuju ke utara, kawasan ini adalah di sebelah kanannya. Di sebelah baratnya, atau di sebelah kiri landasan keretapi ini, terdapat beberapa buah kampung yang lain, iaitu kampung Perak. Ia berdekatan sekali dengan landasan keretapi. Penduduk yang paling ramai di kawasan ini adalah orang Melayu Perak (mereka menganggap bahawa merekalah orang yang paling asli di negeri Perak. Loghat percakapan mereka berlainan dari orang Melayu di kawasan lain di Tanah Melayu ini, apatah lagi dengan orang Melayu dari Indonesia). Berdekatan dengan kampung ini adalah kawasan yang diduduki oleh orang-orang dari suku Jawa. Kawasan inilah yang digelar Kampung Temoh. Sejak tahun 1950-an ia diberi nama Kampung Haji Salleh, diambil dari nama Kiyai Haji Salleh. Orang-orang yang tinggal di kawasan majlis bandaran pula terdiri dari orang Cina, beberapa orang India dan juga orang Melayu.

Kiyai Haji Salleh telah menetap di Temoh pada tahun 1912. Dalam masa 5 tahun sahaja ia telah menukarkan kawasan hutan paya itu menjadi sebuah kawasan perkampungan yang mempunyai suraunya sendiri. Pada tahun 1919, Haji Salleh telah mengarahkan salah seorang dari pengikutnya supaya membuka satu kawasan lain yang berdekatan, dijadikan kawasan perkampungan. Kawasan ini juga adalah tanah yang dipunyai oleh Kiyai Haji Salleh. Orang yang

telah diarahkannya ialah Tuan Haji Ariff.²⁷ Sekarang kawasan ini dikenali dengan nama Kampung Haji Ariff. Di situ, sebuah surau telah didirikan pula sebab surau yang ada di Kampung Haji Salleh itu sudah terlalu kecil untuk penduduk-penduduknya. Di surau inilah pelajaran agama diajarkan oleh Kiyai Haji Annuar b. Abd. Wahid dan Kiyai Yahaya b. Haji Salleh, yang ditanggung oleh Kiyai Haji Salleh dan tinggal di rumahnya. Mereka mengajar di sini secara bergilir-gilir, sebanyak tiga kali dalam seminggu. Ini berbeza dengan pendidikan agama Islam yang diajar di surau Kampung Haji Salleh yang dibuat pada tiap-tiap hari. Dengan cara menghantarkan guru-guru agama ke kampung yang berdekatan ini, berkembanglah pelajaran agama Islam, walaupun pendidikan yang diajar adalah pendidikan yang asas sahaja.

Dari tahun ketahun bilangan imigran-imigran yang datang dari Tanah Jawa ke Temoh ini bertambah ramai. Mereka ini sama ada anak, isteri atau ibu bapa mereka. Kedatangan mereka ke sini selalunya mendapat jaminan dari Kiyai Haji Salleh yang sering berulang-alik dari Tanah Melayu ke Tanah Jawa.²⁸ Anak-anak beliau sendiri telah belajar di sekolah agama di sana.

Pada tahun 1937, tiga tahun setelah isteri beliau meninggal dunia, Haji Salleh telah berkahwin lagi dengan seorang gadis dari kampungnya di Tanah Jawa Nyai Rusiatun bt. Haji Othman. Nyai Rusiatun ini adalah orang yang berpelajaran moden. Beliau telah tamat sekolah Rakyat di sana dan telah melanjutkan pelajaran di Sekolah Belanda, sampai di peringkat menengah.²⁹ Walaupun persekolahannya di sini tidak dapat diteruskan, kerana beliau terpaksa berkahwin, namun latar belakang pendidikannya ini ada juga membawa pengaruh kepada pendidikan anak-anak Kiyai Haji Salleh yang kemudian kelak. Mereka ini pula seterusnya akan mempengaruhi perkembangan Madrasah Saadiah dan Salihiah.

Dengan bertambahnya bilangan imigran-imigran dari Jawa ini, bertambah kembanglah perkampungan orang-orang suku Jawa di sini. Oleh itu pada tahun 1927, sebuah kawasan lain yang berdekatan dengan Kampung Haji Ariff telah dibuka pula. Ini juga adalah

²⁷Keterangan diberi oleh Haji Hashim b. Haji Salleh Ketua Kampung Temoh sekarang (1977) di rumahnya pada 17.4.1977.

²⁸Lihat lampiran A. Beliau hanya, menggunakan surat-surat dari Konsul Jeneral Belanda di Singapura untuk perjalanan ke Tanah Jawa.

²⁹Temuramah dengan Hajah Rusiatun bt. Haji Othman, isteri kedua Kiyai Haji Salleh, pada 27.6.1977 di rumahnya.

arahan dari Kiyai Haji Salleh. Orang yang disuruh mengetuai pembukaan kawasan ini ialah Tuan Haji Dahalan. Oleh sebab itu kawasan ini hingga sekarang (1977) dinamai Kampung Haji Dahalan Temoh.³⁰ Sebagaimana yang terdahulu darinya, pembukaan sebuah kampung diikuti dengan penubuhan sebuah surau. Surau ini juga telah dibuat secara bergotong-royong. Di sini juga telah dijalankan ajaran-ajaran agama Islam yang telah dikendalikan oleh Kiyai Haji Annuar b. Abd. Wahid dan Kiyai Yahaya b. Haji Salleh. Sebagaimana di Kampung Haji Ariff, mereka bertugas secara bergilir-gilir, sebanyak tiga kali dalam seminggu.

Perkampungan orang Jawa di Temoh ini ditambah lagi dengan pembukaan sebuah kawasan yang lain pula, yang sekarang digelar Kampung Tengah Sungai Lesong. Kampung ini terletak dua batu jauhnya dari Kampung Haji Salleh, menuju ke arah Telok Anson. Pembukaan kawasan ini diketuai oleh Tuan Haji Ridzuan.³¹ Di sini juga telah didirikan sebuah surau. Dan seperti di kawasan-kawasan yang lainnya, di sini juga telah diajarkan pelajaran agama Islam, oleh guru-guru yang sama.

Pengasas Sebagai Ketua Kaum

Dari perkembangan kawasan-kawasan perkampungan di atas, tanggungjawab Kiyai Haji Salleh sebagai seorang ketua kaum suku Jawa ini semakin bertambah. Beliau juga adalah orang perantara antara mereka dan pihak-pihak yang berkuasa mengenai surat-surat imigrasi, atau surat-surat kuasa yang lain, seperti surat pembelian tanah, surat amanah, dan lain-lain. Jadi tidaklah hairan kalau beliau telah dilantik dengan rasminya sebagai ketua Kampung Temoh (ini meliputi semua kawasan perkampungan Jawa) oleh Pegawai Daerah Batang Padang, En. Mustapha Albakri pada tahun 1947.³²

Kiyai Haji Salleh juga adalah tempat kepercayaan orang-orangnya. Mereka lebih suka mengamanahkan wang simpanan mereka kepadanya daripada menyimpan di rumah, di bank atau di pejabat pos yang telah pun ada di Temoh. Kebanyakan orang-orang yang menyimpangkan wang dengannya itu adalah kerana hendak menjadikannya sebagai tabungan untuk pergi ke Mekah, menunai-

³⁰Temuramah dengan Haji Hashim Haji Salleh, di rumahnya pada 17.4.1977.

³¹Beberapa orang anak dan cucu Tuan Haji Ridzuan masih tinggal di Temoh sekarang. Di antaranya Puan Khadijah Hj. Ridzuan dan Encik Yunus Haji Ridzuan.

³²Daftar Rumah kerajaan Tapah, Pejabat Tanah Tapah, Perak.

kan fardu haji. Contohnya, satu catatan Kiyai Haji Salleh ada menulis:

"Saya Haji Salleh telah menerima amanah dari Wak Galio sebanyak \$3,000/- pada hari Sabtu tarikh 10 Muharam 1370 kerana mahu membuat belanja menunaikan fardu haji ke Mekatul Mukarramah. Dan jika saya meninggal dunia wajib dikembalikan pada yang empunya."³³

Pada tahun yang sama ada enam orang lain yang telah menyimpan wang dengan beliau. Paling sedikit seorang itu mengamanahkan wangnya ialah \$600/-. Jumlah wang yang diamanahkan oleh orang pada tahun itu ialah \$10,800/-. Wang sejumlah ini sangatlah besar nilainya pada masa itu.

Oleh kerana kepercayaan yang penuh kepada Haji Salleh maka ramai dermawan-dermawan dari suku Jawa juga telah mewakafkan beberapa ekar tanah kepadanya untuk membiayai perjalanan madrasah-madrasah yang dikelolakan oleh beliau. Dan oleh kerana Haji Salleh sendiri suka mendermakan wang untuk kebajikan keagamaan, maka tidak pula beliau sunyi dari berderma kepada madrasah-madrasah lain yang meminta kepadanya. Misalnya, beliau telah menderma sebanyak \$600/- kepada Madrasah al-Misriah Bukit Mertajam pada tahun 1950.³⁴ Haji Salleh selalu dikunjungi oleh rombongan dari institusi-institusi pendidikan Islam yang lain dengan tujuan yang sama misalnya, rombongan yang diketuai oleh Ustazah Halimah Noor, Pengetua Taman Pendidikan Islam, Kuala Lumpur, semasa dalam kegiatannya untuk mendirikan sekolah tersebut. Beliau juga telah memberikan derma dan wakaf bagi penubuhan masjid-masjid, seperti Masjid Simpang Empat Kampar, Perak dan masjid di Parit 5, Sungai Manik. Semua ini menolong mengharumkan nama Kiyai Hj. Salleh, dan memesatkan perkembangan madrasah-madrasah dan kampungnya.

Pengasas Sebagai Ketua Agama

Bila memperkatakan pengasas sebagai seorang ketua agama, bukan bermaksud, sebagai kepala sebuah masjid seperti bagi orang Kristian 'Head of a church'. Di sini maksudnya, Haji Salleh telah

³³Kenyataan ini didapati dalam catatan persendirian Kiyai Haji Salleh yang ada dalam simpanan isterinya Nyai Hajah Rusiatun bt. Hj. Othman.

³⁴Temuramah dengan Haji Mohd. Surur b. Haji Hassan, bekas Mudir Madrasah Saadiyah-Salihiah, pada 2.6.1977.

dianggap sebagai seorang yang autoriti dalam hal-hal agama. Hal ini terjadi demikian sebab orang-orang yang tinggal di kawasan dan di sekitarnya, serta di kalangan orang-orang yang mengenalinya, menganggap Haji Salleh seperti demikian. Jadi beliau sentiasa sahaja diminta nasihat mengenai hal-hal perkahwinan, perceraian, harta pusaka, perkara-perkara yang dikatakan *bid'ah*³⁵ atau tidak, dan lain-lain hal yang bersangkutan dengan agama. Di kampungnya, beliau diangkat sebagai seorang kadhi kerana beliaulah yang menikahkan orang-orang. Beliau juga selalu mengepalai upacara-upacara *tahlil*,³⁶ jenazah dan sebagainya. Tidak kurang juga beliau selalu dipinta nasihat dalam pertelingkahan antara suami isteri, atau antara orang-orang yang berselisih faham dalam hal-hal biasa.

Sebagai seorang guru agama dan sebagai seorang imam dalam upacara sembahyang berjemaah, dan sembahyang Jumaat serta sembahyang terawih, beliau juga adalah orang yang suka mengumpulkan ulama-ulama dari seluruh tanahair dalam majlis-majlis *Maulud*³⁷ dan *Mikraj*³⁸ yang diadakan di madrasahnyanya. Contoh ulama-ulama yang pernah diundang olehnya ialah Tuan Haji Ahmad Badawi dari Kepala Batas Seberang Prai, yang terkenal dengan madrasah Daeratul Ma'arif; Ustaz Abu Bakar Bakir dari Maahad II Ihya al-Syariff Gunung Semanggul, Perak; Ustaz Taqyuddin al-Qendil, Mudir al-Madrasatul Alawiah, Arau, Perlis; dan lain-lain.³⁹ Dengan ini masyarakat di Temoh itu tidak sunyi dari perkembangan pengetahuan agama Islam.

Kadang-kadang Haji Salleh dipanggil juga oleh anggota-anggota masyarakatnya untuk mengubati orang-orang yang sakit dengan memberikan air yang telah dijampinya dengan ayat-ayat Quran.

Pengasas Sebagai Ahli Masyarakat yang Lebih Besar

Sungguhpun Kiyai Haji Salleh adalah seorang imigran, dan menjadi ketua kepada kaumnya sendiri di Temoh, namun beliau tidak mengasingkan diri dari masyarakat di luar kawasannya. Beliau

³⁵*Bid'ah* diambil dari Bahasa Arab, bererti ajaran yang bersalahan dengan ajaran agama Islam.

³⁶*Tahlil* diambil dari Bahasa Arab, bererti memberi puji-pujian kepada Allah. Tahlil boleh dijalankan secara bersendirian atau beramai-ramai.

³⁷*Maulud* ialah hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w.

³⁸*Mi'raj* ialah peristiwa perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekah ke Baitul Muqaddis. Lihat Surah al-Asro, dalam al-Quran.

³⁹Temuramah dengan Haji Salleh Ali, bekas Mudir Madrasah Saadiyah-Salibiah, pada 3.6.1977.

telah bersahabat dengan ketua-ketua kampung yang lain di kawasan Temoh, seperti ketua Kampung Perak, Encik Anjang Ahmad; Encik Wan Ahmad Wan Ngah, ketua Kampung Temoh Stesen. Hal ini perlu disebut kerana pada awal tahun 1900-an perhubungan antara kaum-kaum pendatang dengan orang-orang tempatan tidaklah rapat. Selalu didapati orang Jawa, orang Mendiling, orang Rawa, orang Banjar dan suku-suku kaum yang lain tidak atau jarang bercampur gaul kecuali di kalangan suku mereka sahaja. Apatah lagi perhubungan mereka dengan orang Cina atau India.

Peranan Kiyai Haji Salleh dalam merapatkan keadaan ini sangatlah penting. Ini dapat dilihat dari perkembangan Madrasah Saadiyah-Salibiah sendiri. Pada mulanya ia didirikan, hinggalah selewat-lewatnya pada awal tahun 1950-an, tiada seorang pun pelajar yang datang dari keturunan orang Melayu, walaupun dari Temoh sendiri, apatah lagi dari kawasan yang lebih jauh.⁴⁰ Tetapi selepas 1950-an, bilangan pelajar Melayu hampir 40 peratus dari jumlah keseluruhannya.⁴¹

Perhubungan Kiyai Haji Salleh dengan kaum-kaum yang lain juga baik, kerana beliau mempunyai hubungan perniagaan dengan mereka. Beliau telah membuka sebuah kedai membeli getah pada 1937. Beliau juga mempunyai saham perlombongan dalam syarikat perlombongan Cina di Kampar.

Perhubungan Haji Salleh dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Sultan Iskandar Shah (1918-1938)⁴² adalah baik. Perhubungan yang sedemikian berterusan dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Mohd. Yusoff Izuddin Shah, telah menganugerahkannya dengan pingat Jaksa Pendamai.

Haji Salleh mempunyai hubungan yang baik dengan ahli-ahli politik tempatan. Beliau selalu dikunjungi oleh tokoh-tokoh UMNO⁴³ dan juga tokoh PAS;⁴⁴ terutama sekali semasa Tanah Melayu sedang dalam wabak nasionalisnya dan pilihanraya. Mungkin tujuan mereka ialah hendak mempengaruhi Kiyai Haji Salleh supaya

⁴⁰Keterangan ini didapati dari buku catatan Kiyai Haji Annuar b. Abd. Wahid, yang ada dalam simpanan anaknya, Ustaz Busro.

⁴¹Buku Daftar Madrasah Saadiyah-Salibiah 1955.


⁴²Raja Lob Ahmad b. Raja Mohd. Ali, (Penyusun), *Riwayat Pertabalan*, Kuala Kangsar, Baitul Annuar, 1940, hal. 41.

⁴³Antara tokoh-tokoh UMNO yang selalu mengunjunginya ialah Saadon Jubir (bekas Gabenor Pulau Pinang).

⁴⁴Antara tokoh PAS yang mengunjunginya ialah Dr. Burhanuddin Al-Hilmi, Presiden PAS sendiri.

menjadi ahli Parti Politik mereka. Mana-mana parti yang akan dianggotainya mungkin akan mendapat sokongan ramai dari orang Jawa di Temoh. Tetapi Kiyai Haji Salleh tidak menjadi ahli mana-mana parti politik pun. Walau bagaimanapun Haji Salleh tidak pula menyekat anggota-anggota keluarganya atau orang-orang di kampungnya dari menjadi ahli-ahli politik yang cergas. Misalnya, anak-anak dan menantu beliau telah menjadi ahli-ahli UMNO dan juga PAS⁴⁵. Tetapi semua ini tidak mengganggu perjalanan Madrasah Saadiyah-Salihiah kerana Kiyai Haji Salleh sendiri tidak suka pergelakan politik dibawa ke madrasahnyanya.

⁴⁵Dari mudir Madrasah Saadiyah Salihiah yang aktif dalam pergerakan UMNO, sebagai ahli Jawatankuasanya ialah Haji Salleh Ali (menantu Kiyai Haji Salleh) dan juga Haji Mohd. Surur b. Hassan (juga menantu Kiyai Haji Salleh). Haji Hashim b. Haji Salleh, anak lelakinya sendiri menjadi ahli PAS, dan menjadi calon pilihanraya 1957 bagi kawasan Batang Padang Utara.



BAB

2

PENTADBIRAN DAN KEGIATAN MADRASAH

Perkembangan perkampungan Jawa di Temoh boleh digambarkan dengan kegiatan yang berlaku di sekitar Madrasah Saadiyah-Salihiah. Orang-orang di sini mengambil berat tentang apa-apa yang berlaku yang hendak dilakukan. Mereka kuat bergotong-royong untuk membaiki bangunan sekolah atau madrasah, atau membersihkan kawasan; atau membina bangunan tambahan, jika didapati perlu. 'Upah' bagi mereka hanya minuman dan makanan yang disediakan oleh pengasas, Kiyai Haji Salleh. Aktiviti-aktiviti kampung adalah aktiviti-aktiviti madrasah ini. Kalau orang-orang tuanya menyediakan keperluan-keperluan fizikal, anak-anak mereka pula yang memenuhi keperluan tadi, menjadi pelajar dan mengembangkan pengetahuan agama Islam melalui kiyai-kiyai mereka. Oleh itu eloklah jika cara pentadbiran dan kegiatan-kegiatan Madrasah Saadiyah-Salihiah dikaji satu persatu.

Pentadbiran Madrasah Saadiyah-Salihiah mengalami perubahan yang berlainan di antara sebelum dan sesudah tahun 1934. Tahun 1934 ini boleh dijadikan sebagai garis perubahan kerana tahun ini merupakan tahun pergolakan antara pentadbir-pentadbir yang muda dan yang tua. Oleh itu eloklah jika keseluruhannya dibahagikan kepada dua tahap, iaitu pentadbiran dan kegiatan sebelum tahun 1934, dan sesudah tahun 1934.

Madrasah Saadiyah-Salihiah Sebelum 1934

Pentadbiran Madrasah Saadiyah-Salihiah ini akan diletakkan di bawah beberapa tajuk-tajuk kecil.

Pengelolaan

Tempat yang mula-mula didirikan oleh Kiyai Haji Salleh, sebagai tempat pengajaran Islam kepada penduduk-penduduk di Kampung Temoh, hanya merupakan sebuah surau yang dapat memuatkan hanya lebih kurang 20 hingga 30 orang sahaja. Pengelolaan surau ini dijalankan oleh pengasas sendiri. Empat tahun kemudian, iaitu pada tahun 1918, sambutan dari orang ramai sangat menggalakkan. Bilangan pelajar meningkat hingga lebih kurang 10 orang.¹ Oleh itu pengelolaan bukan hanya dijalankan oleh pengasas sahaja, tetapi juga oleh guru-guru agama yang telah dijemput oleh Kiyai Haji Salleh. Mereka terdiri dari Syeh Radhi, seorang Arab; dan Kiyai Haji Annuar b. Abd. Wahid, serta Kiyai Yahaya dari Tanah Jawa. Latar belakang ketiga-tiga guru ini telah mempengaruhi cara pengelolaan dan pentadbiran institusi tersebut. Tempat pengajaran bukan sahaja di surau, tetapi juga di sebuah bangunan yang lebih besar, yang boleh dipanggil sebuah madrasah. Di bawah pengelolaan mereka termasuk juga pentadbiran tiga buah surau yang didirikan di Kampung Haji Ariff, di Kampung Haji Dahalan dan di Kampung Sungai Lesong. Apabila Madrasah al Umumiah al Jawa didirikan, pengelolaan dijalankan oleh Haji Salleh, Haji Annuar dan Haji Yahaya kerana Syeh Radhi telah pulang ke Mekah.


Guru-guru

Pada permulaannya guru yang mengajar hanya pengasas sahaja. Tetapi apabila sambutan mulai bertambah baik maka pengasas telah menjemput guru-guru yang tersebut di atas. Pengasas mereka hanya berdasarkan atas tugas '*sabil-il-Llah*'² sahaja dan tidak diberi gaji, hanya diberi tempat tinggal, pakaian, dan keperluan-keperluan yang paling asas sahaja. Mereka merupakan guru agama yang paling asas sahaja. Mereka tertentu. Syeh Radhi, misalnya telah dipelawa sebagai guru dalam perjalanan untuk memberi ceramah-ceramah agama di tempat ke satu tempat yang lainnya. Kiyai Haji Salleh memujuknya supaya dapat menetap di Temoh untuk mengajar. Demikian juga halnya dengan Kiyai Annuar b. Abd. Wahid. Beliau adalah seorang yang baharu sahaja sampai dari Tegal, Jawa

¹ Temuramah dengan Tuan Hj. Hashim b. Hj. Salleh pada 17.4.1977.
para pelajar pada tahun itu tidak ada.

² '*sabil-il-Llah*' bererti 'atas jalan Allah'

MADRASAH AL-UMUMIAH AL-JAWAWIAH, TEMOH (1918)
(SEBELUM MENJADI MADRASAH SAADIAH-SALIHIAH).



Kiyai Haji Annuar datang ke Tanah Melayu ini adalah untuk mengubah nasib sambil mengajar pelajaran agama Islam, kerana beliau telah mendengar bahawa di Temoh ada seorang Kiyai dan peneroka dari suku Jawa juga. Dengan itu beliau mengambil keputusan untuk mencuba nasibnya di sana. Orang yang mula-mula dikenalnya adalah seorang yang pernah dikenalnya di Tanah Jawa dulu. Beliaulah yang telah memperkenalkan Haji Annuar kepada Kiyai Haji Salleh. Pengasas ini terus menjemputnya supaya tinggal dengannya dan menolongnya mengajar di situ. Setelah beberapa lama dilihatnya bahawa Haji Annuar adalah seorang yang bersungguh-sungguh dalam mengendalikan tugasnya. Kiyai Haji Salleh telah membuatnya sebuah bangunan khas (selain dari surau) sebagai tempat pengajarannya. Untuk menarik Haji Annuar supaya menetap di Temoh dan meneruskan tugasnya sebagai guru, Haji Salleh telah memujuknya supaya mengahwini anak perempuannya, Rokiah bt. Haji Salleh. Pelawaannya dipersetujui oleh Kiyai Haji Annuar.³ Setelah menjadi menantunya, Haji Salleh telah membuatnya, sebuah rumah yang berdekatan dan mewakafkan kepadanya tiga ekar tanah sebagai pencariannya.

Pada masa yang sama Kiyai Yahaya bin Haji Salleh menantu kepada Kiyai Haji Salleh telah sampai dari Tanah Jawa. Beliau adalah juga lepasan beberapa institusi pondok di Jawa. Kedatangan Kiyai Haji Yahaya sangat dialu-alukan oleh Kiyai Haji Salleh kerana dapat membantunya juga dalam mengajar agama Islam di situ. Dan untuk mengikatnya di situ, beliau telah dipujuk pula untuk mengambil anak perempuan Haji Salleh yang pertama, Fatimah, sebagai isterinya.⁴ Pelawaannya juga telah diterima. Dengan persetujuan ini Haji Yahaya telah diberi sebuah rumah dan diberi tiga ekar tanah getah sebagai mata pencariannya.

Selain dari cara mengambil guru-guru sebagai menantunya, Kiyai Haji Salleh juga telah bercita-cita untuk mengembangkan sekolah pondoknya dengan mengambil lebih banyak guru-guru secara jangka masa panjang. Dengan tertubuhnya Madrasah al-Umumiah al-Jawawiah, ramailah pelajar yang datang dari kawasan-kawasan lain untuk belajar di situ. Kiyai Haji Salleh, dengan

³Keterangan diberi sendiri oleh isteri Haji Annuar, Hajah Rokiah bt. Haji Salleh di rumahnya pada 15.4.1977.

⁴Keterangan diberi sendiri oleh isteri Haji Yahaya Hajah Fatimah bt. Hj. Salleh di rumahnya pada 16.7.1977.

bantuan Kiyai Annuar dan Kiyai Yahaya, telah 'melihat-lihat' siapakah pelajar yang cergas dan mempunyai harapan boleh dijadikan guru di situ. Di antara mereka adalah Md. Surur b. Haji Hassan dari Parit, Perak dan Salleh b. Ali dari Temoh. Kedua-duanya telah ditawarkan oleh Kiyai Haji Salleh biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Tanah Jawa.⁵ Tawaran ini telah diterima oleh mereka tetapi sebelum mereka pergi, mereka telah dipertunangkan kepada seorang lagi anak perempuan Kiyai Haji Salleh yang lain; Md. Surur ditunangkan dengan Hafsatun dan Salleh Ali dengan Khadijah.

Kedua-dua pelajar yang terpilih itu telah mendapat didikan di tempat yang hampir sama di Tanah Jawa. Mereka telah bersekolah di Tegal tempat Kiyai Annuar pernah belajar, di Solo tempat Kiyai Yahaya pernah belajar), di Tebuireng Djombang, di Madura dan di Sampang. Institusi-institusi tersebut telah pun mengalami perubahan-perubahan pemodenan yang pesat. Satu-satunya itu telah mempunyai murid paling sedikitnya 700 orang, sedangkan Pondok di Tebuireng mempunyai kira-kira 2,000 orang pelajar.⁶

Cara mengambil guru-guru sebagai menantu di institusi-institusi pondok seperti ini seolah-olah menjadi satu kecenderungan sosial pada masa itu. Banyak contoh-contoh seperti ini boleh diberikan. Misalnya, Tuan Haji Junid Tola yang mengembangkan institusi pondok Padang Rengas telah diambil sebagai anak menantu Tuan Haji Said Fatani, pengasas pondok itu, sebelum beliau dibiayai belajar ke Universiti al-Azhar di Mesir.⁷ Demikian juga Ustaz Abu Bakar Bakir yang telah memperbaharui sistem pondok di Semangul. Beliau telah diambil sebagai anak menantu oleh Tuan Haji Abd. Rahman, pengasas pondok tersebut.⁸

Jenis guru-guru yang ketiga di institusi pondok adalah terdiri dari anak-anak lelaki pengasas dan cucu-cucunya sendiri. Pada ketika ini mereka belum lagi dapat menyumbangkan tenaga mereka, kerana mereka masih terlalu muda. Tetapi pada pertengahan 1930-an mereka telah dihantar ke Tanah Jawa juga, di tempat-tempat di

⁵Kenyataan tersebut diberi oleh Haji Mohd. Surur b. Haji Hassan dan Haji Salleh Ali di rumah mereka pada 1.5.77 dan 2.5.77.

⁶Lihat juga Mahmud Junus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta, Pustaka Mahmudiah, 1960.

⁷Keterangan ini telah diberi oleh Ustazah Asiah bte. Yeop Ahmad, cucu saudara kepada Syeh Junid sendiri, dalam temuramahnya dengan penulis di rumahnya pada 12.4.77.

⁸Nabir b. Hj. Abdullah, *op.cit.*, hal. 37.

mana orang-orang sebelum mereka telah dihantarkan. Selain dari mereka pernah juga dihantarkan ke Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar. Mereka semua dijangka akan dapat mengajar sekembalinya mereka kembali ke Temoh dari Tanah Seberang itu.

Cara Mengajar

Sejak dari terdirinya surau pada tahun 1914 hinggalah terdirinya Madrasah Saadiyah-Salihiah pada tahun 1934, cara pengajaran dijalankan secara tradisional. Seorang guru itu akan duduk bersila di hadapan murid-murid, sambil membuka kitabnya yang diletakkan di atas ribanya atau di atas sebuah papan rihal. Murid-murid akan duduk bersila juga di hadapannya dalam bentuk tapak kuda.⁹ Mereka juga akan membukakan buku mereka di atas riba masing-masing. Guru akan membacakan pelajarannya dengan telor kejawa-jawaan atau kearab-araban sedikit. Kemudian ia akan memberikan erti perenggan-perenggan yang di dalam bahasa Arab itu ke dalam bahasa Jawa halus atau dikenal juga dengan nama *Boso Kromo Inggil*. Bahasa Melayu tidak pernah digunakan. Malahan tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa guru-gurunya dan kebanyakan murid-muridnya tidak pun tahu berbahasa Melayu.¹⁰ Murid-murid akan menuliskan erti perkataan-perkataan itu di bawah perkataan-perkataan Arab dalam bukunya.¹¹ Selepas satu sejam, guru itu akan membukakan sebuah kitab yang lain pula. Dan pengajaran akan diteruskan. Jika sebuah kitab itu habis dibacakan, maka sebuah kitab yang lain akan diperkenalkan pula. Misalnya, jika sebuah kitab ilmu Fiqh telah habis, maka sebuah kitab Fiqh yang lain, yang lebih tinggi mutunya, akan dibacakan, dan diajarkan. Demikian juga dengan nota pelajaran yang lain. Soal jawab antara murid dengan guru tidak pernah berlaku. Malahan jika terdapat seorang yang 'berani' menyoal, ia akan menimbulkan satu suasana seolah-olah ia sangsikan guru itu, atau 'menentanginya'. Dengan itu proses pembelajaran di sini adalah secara satu hala-sahaja, iaitu hanya menerima sahaja dan tiada pernah memberi. Apa sahaja yang dikatakan oleh guru itu adalah mutlak.

⁹Pengajaran serupa ini hampir sama di merata-rata institusi pondok di Tanah Melayu dan Jawa. Lihat juga Abd. Rashid b. Hj. Ahmad. *op. cit.* hal. 25.

¹⁰Temuramah dengan Ustaz Busro b. Hj. Annuar, anak lelaki Kiyai Hj. Annuar, pada 12.5.1977.

¹¹Lihat Lampiran B.

Murid-murid

Murid-murid yang memenuhi institusi pondok Temoh sejak 1914 hingga 1934 ini 100 peratus terdiri dari orang-orang dari suku Jawa. Mereka datang dari kawasan-kawasan yang berdekatan seperti, Changkat Petai, Chenderung Balai, Sungai Manik, Teluk Anson dan tempat-tempat lain di Hilir Perak. Selain dari itu ramai juga yang datang dari negeri-negeri lain seperti Selangor, di tempat-tempat yang ramai dengan imigran-imigran Jawa sebagaimana yang telah diterangkan di bawah tajuk **pengasas**.¹² Kebanyakan mereka tidak mempunyai asas pelajaran yang lain kecuali pelajaran agama yang telah diperolehinya di institusi pondok yang lain; atau mereka telah juga menerima pelajaran di sekolah Melayu, tetapi tidak tamat.

Murid-murid yang datang ini tidak tentu peringkat umur mereka. Peringkat umur yang paling muda ialah 9 tahun, dan yang paling tua ialah 25 tahun. Mereka ini telah dimasukkan ke kelas-kelas yang tertentu kerana sememangnya tiada pembahagian yang sedemikian. Jadi mereka semua dikumpulkan ke dalam kumpulan-kumpulan sahaja. Satu kumpulan akan dikendalikan oleh seorang guru. Misalnya Kiyai Haji Annuar akan mengajar ilmu Fiqh, Tauhid, dan Hadis; sedangkan kumpulan yang lain akan dikendalikan oleh Kiyai Yahaya dalam mempelajari Quran dan Tafsir. Murid-murid yang telah lama mengaji di situ akan diberi tanggungjawab untuk mengajar murid-murid yang baharu datang.¹³

Ramai pelajar yang 'memondok' di Temoh dibiayai oleh ibu bapa mereka masing-masing. Tetapi ada juga yang tidak menerima bantuan apa-apa dari mereka. Oleh itu tidak menjadi ganjil jika didapati ramai di kalangan mereka yang mencari pendapatan masing-masing dengan menoreh getah, menebas-nebang, dan membuat kerja-kerja runcit, seperti membuat kayu api jika disuruh oleh penduduk tempatan, atau membersihkan kawasan rumah guru-guru mereka atau sesiapa sahaja. Ramai dari 'penoreh' getah itu bekerja di tanah yang dipunyai oleh Kiyai Haji Salleh sendiri atau orang-orang lain yang mempunyai kebun-kebun kecil di kawasan itu. Isteri pengasas atau isteri guru-guru yang lain ada juga yang menyuruh mereka membuat kerja-kerja di rumah, seperti pergi ke pasar dan lain-lain. 'Upah' bagi mereka ialah makan dan minum yang ditang-

¹²Lihat hal. 8 kajian ini.

¹³Temuramah dengan Ustaz Haji Md. Surur Hassan yang pernah menjadi Mudir Madrasah Saadiah, pada 1.5.1977.

gung oleh orang yang menyuruh mereka. Ada juga di antara pelajar ini dijadikan anak angkat oleh pengasas atau guru-guru lain.¹⁴ Bagi mereka yang mempunyai 'pekerjaan' pada waktu pagi, mereka akan hanya dapat mengikuti pelajaran pada waktu petang dan malam sahaja; sedangkan bagi mereka yang tidak perlu 'bekerja' mereka dapatlah mengikuti pelajaran sepenuh masa.

Semasa mereka 'memondok' mereka semua mendapat tempat tinggal di 'pondok' yang telah dibina oleh pengasas. 'Pondok' ini terdiri dari dua buah bangunan yang boleh memuatkan lebih kurang 200 hingga 300 orang. Dengan itu tidak perlulah lagi bagi mereka untuk mendirikan 'pondok-pondok' sendiri sebagaimana di institusi-institusi agama yang lain di tanahair.¹⁵

Syarat-syarat yang diperlukan bagi seorang pelajar yang hendak 'memondok' hanyalah segulung tikar, sehelai selimut, sebiju bantal dan beberapa alat untuk memasak. Selain dari itu mereka harus dapat membeli kitab-kitab yang diperlukan untuk dipelajari. Buku-buku tulis tidak berapa perlu sebab tidak ada latihan-latihan belajar dijalankan.

Pada tiap-tiap bangunan 'pondok' itu disediakan satu tempat sebagai dapurnya. Di sinilah pelajar-pelajar memasak makanan mereka sendiri.

Pelajaran

Semua pelajaran yang diajarkan adalah semata-mata pelajaran agama. Pelajaran-pelajaran itu ialah ilmu Fiqh, Hadis, Quran dan tafsirannya, Tajwid, Tauhid, Faraid; sedangkan pelajaran bahasa Arab diberi semata-mata bagi memahamkan lagi pelajaran lain yang semuanya ditulis dalam bahasa Arab. Mata pelajaran ialah *nahu*, *saraf* dan *mantiq*. Mengenai mata pelajaran Bahasa Arab ini pun tidak diberi latihan-latihan yang sepatutnya sebagaimana pengajaran bahasa sekarang. Murid-murid hanya diajar hukum-hukum dalam bahasa Arab sahaja. Keterangan lanjut akan dibincangkan dalam Bab 3.

¹⁴Puan Hajah Rusiatun bt. Hj. Othman, isteri pengasas, telah menganak-angkat tidak kurang dari 10 orang pelajar itu. Di kalangan mereka ada yang menjadi pegawai-pegawai agama, guru-guru dan juga pegawai penerangan. Keterangan ini diberi pada 1.7.1977.

¹⁵Lihat juga Khairiah bt. Bahari, *op.cit.* hal. 25; Nabir b. Abdullah, *op.cit.*, hal. 52; dan Abd. Rashid Hj. Ahmad, *op.cit.*, hal. 18.

Waktu Belajar

Jadual belajar bermula pada jam 4.30 pagi, iaitu sebelum waktu subuh. Ia dimulai dengan belajar tafsir Quran yang menggunakan *Tafsir Jalal*. Ini akan berterusan hinggalah tiba waktu subuh. Pelajar-pelajar dan guru-guru akan bersembahyang berjemaah. Selepas ini pelajaran dilanjutkan dengan mengaji *Salam Taufiq*, hingga jam 8.30 pagi. Pelajaran disambung semula dengan pelajaran *nahu* dan *saraf* serta *Hadis Matan Arba'in* hinggalah jam 12.00 tengahari. Selepas sembahyang zuhur pelajaran disambung lagi. Kali ini dengan pelajaran *tasauf*. Selepas waktu asar, pelajar-pelajar digalakkan berkebud di belakang pondok mereka. Pelajar tidak akan

Waktu belajar boleh disimpulkan seperti di bawah:

JADUAL 1:

Jadual Waktu pelajaran (1914–1934) tiap-tiap hari

Pelajaran	Sebelum Subuh	Selepas Subuh	Sebelum Zuhur	Selepas Zuhur	Selepas Maghrib & isyak
1. Tauhid	—	2 jam	1 jam	—	—
2. Tafsir/ Quran	1 jam	—	2 jam	—	—
3. Fiqh	—	—	—	1 jam	—
4. Hadis	—	—	—	1 jam	—
5. Tasauf	—	—	—	1 jam	—
6. Nahu B. Arab	—	—	—	—	1 jam
7. Saraf	—	—	—	—	1 jam
8. Balaghah	—	—	—	—	1 jam
9. Mantiq	—	—	—	—	1 jam
Jumlah	1 jam	2 jam	3 jam	3 jam	4 jam

Tiap-tiap hari waktu belajar ialah 13 jam.
Butir-butir mengenai buku-buku yang digunakan,
Sila lihat Lampiran C.

berhenti dan ia disambung semula antara lepas maghrib dan isyak¹⁶. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa masa lapang untuk pelajar-pelajar bermain atau berjalan-jalan memang tiada.

Sumber Kewangan

Sumber kewangan yang utama datangnya dari pengasas sendiri. Sebagaimana yang telah diterangkan pada mula bahawa guru-guru yang mengajar di sini adalah juga anak menantunya. Dengan itu juga mereka telah diberi beberapa ekar tanah sebagai mata pencarian mereka. Selain dari itu ada juga beberapa orang yang mewakafkan beberapa ekar tanah untuk perkembangan madrasah-madrasah di Temoh ini. Sehingga sebelum tahun 1934 ada dua orang yang telah membuat wakaf ini bertarikh 28.3.1928, dan yang kedua diwakafkan pada 5.3.1951.¹⁷

Pelajar-pelajar tidak dikenakan apa-apa yuran untuk persekolahan mereka. Walau bagaimanapun mereka dikenakan bayaran sebanyak 5 sen seorang bagi tiap-tiap bulan untuk bayaran elektrik, di pondok mereka.¹⁸

Kerosakan-kerosakan atau tambahan-tambahan bangunan di-biayai oleh pengasas.

Kegiatan di Luar Bilik Pelajaran

Sebagaimana yang telah diterangkan tadi, kegiatan di luar bilik darjah tidak banyak boleh dilakukan. Ini adalah disebabkan jadual waktu belajar sangat padat. Walau bagaimanapun pelajar-pelajar digalakkan juga berkebun di halaman belakang pondok mereka. Hasilnya adalah untuk kegunaan mereka sendiri. Ada juga beberapa orang pelajar, terutama yang tiada mempunyai apa-apa bantuan dari keluarga mereka, yang disuruh berkebun di ladang-ladang yang dipunyai oleh pengasas. Hasilnya tidak dijual, hanya untuk kegunaan keluarga pengasas atau '*anak-anak santri*' di situ. Pelajar-pelajar yang membuat kebun itu akan ditanggung makan dan minumnya oleh pengasas.

¹⁶Jadual waktu ini didapati dari buku catatan Kiyai Haji Annuar yang ada dalam simpanan anaknya Ustaz Busro.

¹⁷Butir-butir ini didapati dari dokumen-dokumen yang ada dalam simpanan isteri pengasas, Puan Hajah Rusiatun bt. Hj. Othman. Lihat Lampiran D, E dan F.

¹⁸Temuramah dengan Tuan Hj. Hashim b. Hj. Salleh pada 27.5.1977.

Selain dari kerja-kerja berkebun itu, mereka digalakkan juga membuat kerja-kerja gotong-royong atau dalam istilah yang biasa mereka gunakan sendiri dalam bahasa Jawa ialah 'roan'. Mereka membuat kerja bergotong royong ini pada tiap-tiap minggu, iaitu pada pagi hari Jumaat. Dalam roan ini mereka membersihkan, merumput atau menebang-nenas. Termasuk dalam tugas roan ini adalah juga membersihkan kawasan tanah perkuburan. 'Anak-anak santri' tidak juga menolak jika diminta pertolongan untuk membantu membuat kerja-kerja dalam persediaan majlis perkahwinan atau jenazah bagi orang-orang kampung ini.¹⁹ Inilah salah satu cara mereka dapat mendekati diri dengan masyarakat.

Tiap-tiap tahun, mereka adakan sambutan majlis-majlis Maulud dan *Israk*.²⁰ Dalam majlis-majlis ini mereka adakan syarahan-syarahan oleh guru-guru mereka sendiri dan juga guru-guru jemputan. Pada masa ini orang kampung dijemput menyertainya.

Madrasah Saadiyah-Salihiah selepas 1934

Beberapa perubahan telah berlaku pada perkembangan Madrasah Saadiyah-Salihiah, pada tahun 1934. Pertama, sebuah bangunan baru telah dibina sebagai tambahan kepada madrasah yang sudah ada. Kebetulan pada masa ini salah seorang menantu Kiyai Haji Salleh yang telah melanjutkan pelajarannya di Indonesia telah balik ke Temoh. Beliau adalah Ustaz Haji Mohd. Surur b. Haji Hassan. Sungguhpun ia telah melanjutkan pelajaran di beberapa buah sekolah pondok juga, tetapi beliau telah berpeluang melanjutkan pelajaran di sebuah sekolah Belanda di Solo. Beliau telah juga mengikuti kursus-kursus di *Commercial English School* untuk mempelajari Bahasa Inggeris dan menyimpan kira-kira. Beliau juga berpengalaman mengajar di Madrasah Al Muhammadiyah di Tegal selama setahun. Madrasah ini terkenal sebagai sebuah sekolah yang mengamalkan aliran pemikiran moden. Dengan itu apabila beliau sampai di Temoh, beliau telah cuba mengenalkan beberapa jenis mata pelajaran yang baru dan menjalankan cara penyampaian yang baru juga.

¹⁹ Temuramah dengan Hajah Rusiatun bt. Hj. Othman pada 1.7.1977.

²⁰ *Israk* ialah peristiwa di mana Nabi Muhammad s.a.w. di bawah dari Masjid al Haram di Mekah ke Masjid al Aqso, seperti yang terdapat dalam Quran Surah al Israk, Juz 15.

Pengelolaan

Pada dasarnya pengelolaan madrasah tetap dijalankan oleh Kiyai Haji Salleh. Tetapi pengelolaan pelajaran telah diserahkan kepada Kiyai Haji Annuar dan Ustaz Haji Mohd. Surur.

Sekarang dengan adanya seorang yang berpelajaran Barat (selain daripada pengetahuan agama), timbullah seakan-akan satu konflik antara kedua mereka. Adanya perubahan-perubahan baru yang dikenalkan oleh guru yang lebih muda ini, keadaan pelajar juga seolah-olah dipisahkan menjadi dua golongan -ada yang menyebelah yang muda dan ada yang tetap taat kepada yang tua. Dengan itu muncul pula perbalahan antara para golongan tersebut sebagai pertelingkahan Kaum Muda dan Kaum Tua.


Tiap-tiap sesuatu pembaharuan telah dianggap salah. Dan kesalahan itu pula dikaitkan dengan agama. Perselisihan antara keduanya begitu meruncing hingga terjadi pergaduhan secara fizikal antara pelajar-pelajar itu. Perbalahan ini telah mempengaruhi masyarakat di Kampung Temoh. Mereka pula mula pihak-memihak. Pihak yang tua menuduh yang muda fasik²¹ atas hal-hal yang paling remeh. Misalnya, pada tahun 1936, sebuah pasukan bola sepak telah ditubuhkan. Nama pasukan itu ialah 'The Eagle'. Nama ini sendiri telah menunjukkan adanya pengaruh Barat. Dan ini telah dianggap oleh golongan yang tua sebagai fasik, apatah lagi, apabila pemain-pemain telah memakai jersi dan berseluar pendek.²² Pertelingkahan demikian memuncak hingga pada suatu ketika apabila di rumah Ustaz Haji Mohd. Surur diadakan kenduri, makanan yang telah dihidangkan itu tidak disentuh pun oleh para pelajar dan orang-orang lain yang tergolong dalam lingkungan Kaum Tua.²³ Dalam hal ini Kiyai Haji Salleh tidak memihak mana-mana, kerana kedua-dua adalah menantunya. Oleh itu beliau telah memanggil kedua-duanya, dan mengumpulkan semua pelajar di madrasah untuk menyelesaikan masalah mereka. Di sinilah, buat pertama kali mereka semua dapat bersemuka. Ustaz Haji Mohd. Surur telah dituduh sebagai penganut *Muhammadiyah*²⁴ oleh Kiyai Haji Annuar.

²¹ *Fasik* berasal dari Bahasa Arab, bererti, menentang perintah Allah.

²² Temuramah dengan Ustaz Haji Mohd. Surur pada 3.6.1977.

²³ Temuramah dengan Hajah Hafsatun bt. Haji Saleh, isteri Ustaz Haji Mohd. Surur, pada 3.6.1977.

²⁴ *Muhammadiyah* ialah satu pergerakan sosial di Indonesia telah diasaskan oleh Kiyai Haji Ahmad Dahlan. Tujuannya ialah untuk menyebarkan Islam menerusi



BANGUNAN AWAL MADRASAH SAADIAH DAN PENGAMBILAN PERTAMA
MURID-MURID PEREMPUAN TAHUN 1946.

Yang dituduh telah meminta penjelasan dari yang menuduh apakah yang telah dibuatnya yang menyebabkan beliau dan pelajar-pelajarannya digelar *fasik* itu; dan meminta tunjukkan manakah hadis atau ayat Qur'an yang telah membuktikan bahawa perbuatan itu telah bersalahan. Pertanyaan ini tidak dapat dijawab sebab tiada hadis atau ayat Qur'an yang dapat ditunjukkan. Ini jelas membuktikan bahawa tuduhan-tuduhan tadi tidak ada kena-mengena dengan agama. Perkara-perkara yang tidak disukai oleh golongan yang tua itu semata-mata kerana perbuatan golongan muda berlawanan dengan kebiasaan mereka. Pertentangan-pertentangan seperti itu adalah lanjutan pertentangan di antara Kaum Muda' dan 'Kaum Tua' seperti yang terdapat di Singapura, Johor dan lain-lain tempat di Tanah Melayu sejak awal kurun ke-20 ini.

"It was the innovatory and potentially disruptive, character of this teaching that brought the reformists, known perjoratively as "Kaum Muda", the "Young Faction" into conflict with other group in Malay society - the official religious heirachy, the traditional Malay elite and the rural ulama, collectively the "Old Faction" or "Kaum Tua".²⁵ Ia tepat juga jika dikatakan bahawa,

"Bagi orang Melayu, agama itu adalah meliputi segala aspek penghidupannya. Sesuatu perkara yang disentuh akan diberinya pewarnaan agama, sungguhpun pada asasnya bidang yang dibicarakan itu bukanlah dalam ertikata 'AGAMA' yang keras."²⁶

Untuk mengendurkan ketegangan antara dua pihak di atas, Kiyai Haji Salleh telah cuba menyelaraskan pentadbiran dengan membenarkan Uztaz Haji Mohd. Surur menjalankan pengajarannya di bangunan Madrasah Saadiyah yang baru, sedangkan Kiyai Haji Annuar meneruskan pengajarannya di bangunan Madrasah al

institusi pengajian, tabligh, wakaf, dll. Untuk penerangan lanjut, lihat Deliar Noer, *The Modernist Moslem Movement in Indonesia*, London, Oxford Univ. Press, 1973, hal. 73.

²⁵W.F. Roff, *Nasionalisma Melayu*, diterjemahkan oleh Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur, Penerbitan Universiti, 1975, hal. 106.

²⁶Malik Munip, Konsep Kaum Muda Kaum Tua, dalam "Sejahtera, Bil. VI, 1972. Lihat juga, Aziz Mat Ton, "Gerakan Ansarul Sunnah Dalam Kegiatan Kaum Muda di Melaka" Universiti Malaya, (tidak tercetak), Kuala Lumpur, 1972/73, hal. 35-39.


Ummiah al Jawawiah.²⁷ Pelajar-pelajarnya bebas untuk memilih guru yang mereka sukai. Walau bagaimanapun langkah-langkah untuk merapatkan kedua-dua kumpulan itu tetap diikhtiarkan juga. Ada waktu pagi pelajaran yang cara pendekatannya dibuat secara moden dijalankan oleh Ustaz Hj. Mohd. Surur. Pada waktu petang (selepas Zuhur dan 'Asar) semua pelajar diwajibkan mengikuti pelajaran-pelajaran yang dijalankan oleh Kiyai Haji Annuar, Kiyai Haji Yahaya dan juga oleh Ustaz Hj. Mohd. Surur sendiri. Sembahyang-sembahyang waktu dijalankan secara berjemaah dan imamnya digilirkan antara Kiyai Haji Annuar, Kiyai Haji Yahaya dan Ustaz Mohd. Surur.²⁸

Pengelolaan Madrasah Saadiah menjadi lebih pesat lagi pada tahun 1949, apabila bangunan baru madrasah ini dibuat. Kepesatannya lebih ketara lagi dengan tertubuhnya Madrasah Salihiah yang dihaskan untuk pelajar-pelajar perempuan sahaja. Kedua-dua madrasah ini, buat pertama kalinya telah ditadbirkan oleh sebuah jawatankuasa pentadbir. Jawatankuasa ini terdiri dari seorang yang dipertua; seorang *mudir* (guru besar); setiausaha; bendahari; dan beberapa orang ahli jawatankuasa.²⁹Perlantikan jawatankuasa itu adalah berdasarkan sebab perkembangan madrasah-madrasah tersebut begitu pesat hingga pengelolaan seorang pentadbir sahaja sudah tentu tidak mencukupi dan tidak licin. Pentadbiran dibuat secara menyeluruh meliputi juga Madrasah al Umumiah al Jawa-wiah. Peredaran masa serta pertukaran nilai telah mengurangkan pertentangan antara fahaman golongan muda dan tua. Lagipun adanya anak-anak masing-masing yang telah menerima ajaran-ajaran pendidikan moden di sekolah Melayu, dan sekolah-sekolah agama yang moden, seperti Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar dan golongan pesantren moden di Indonesia, telah menghapuskan langsung persengketaan antara mereka. Pentadbiran yang dijalankan semata-mata untuk menjadikan pelajaran agama dan perkembangan madrasah-madrasah tersebut sebagai matlamat yang utama. Hasilnya, pada tahun-tahun 1950-an, kemajuan Madrasah Saadiah-Salihiah berada di puncaknya. Dan nama Madrasah al Umumiah al Jawa-wiah itu telah hilang dengan sendirinya.

²⁷Temuramah dengan Haji Hashim b. Haji Salleh, pada 27.5.1977.

²⁸Temuramah dengan Ustaz Haji Mohd. Surur pada 3.6.1977.

²⁹Temuramah dengan Ustaz Haji Mohd. Nor b. Haji Salleh, Mudir Madrasah Saadiah-Salihiah sekarang (1977), pada 21.5.1977.



MADRASAH SAADIAH DAN MAJLIS ULAMA CAWANGAN BATANG
PADANG UTARA 21-3-1950 (BANGUNAN BARU)

Guru-guru

Sebelum tahun 1934, guru-guru yang mengajar di institusi ini terdiri dari pengasas dan dua orang anak menantunya. Selepas tahun 1934, seorang lagi menantu pengasas, Ustaz Salleh Ali, telah menambahkan bilangan guru di situ. Tetapi apabila murid-murid bertambah ramai, murid-murid yang lebih lama belajar di situ telah dilatih untuk menolong mengajar murid-murid yang baru. Mereka mengajar pelajaran yang mudah dan ringan seperti membaca Quran. Selepas tahun 1949, dengan terdirinya bangunan baru Madrasah Saadiah, pelajar-pelajar yang telah tamat pengajiannya di situ telah sengaja dilatih untuk mengajar dan seterusnya menjadi guru tetap. Ini tidak pula bererti bahawa cara pengambilan guru-guru menerusi perkahwinan tidak dijalankan. Dua orang anak lelaki Kiyai Haji Salleh yang mengajar di situ telah dijodohkan dengan guru-guru dan pelajar dari Madrasah al Masyhur Pulau Pinang. Tujuannya adalah supaya mereka dapat membantu mengajar di Madrasah Saadiah-Salihiah dan memajukannya. Mereka ialah Ustaz Haji Mohd. Nor b. Hj. Salleh³⁰ yang telah dikahwinkan kepada Ustaz Nabi Sheikh Mohammad,³¹ dan Ustaz Haji Zawawi b. Haji Salleh³² dengan Ustazah Hafsa bt. Abd. Kadir.³³

Pada tahun 1949, Ustaz Haji Mohd. Surur telah diminta oleh orang-orang kampung sendiri. Mereka ketiadaan guru, dan memandangkan pengalaman guru ini mereka meminta juga sekiranya Ustaz Haji Mohd. Surur dapat memenuhi permintaan mereka. Dengan kebenaran Kiyai Haji Salleh, Ustaz Haji Mohd. Surur telah berpindah pula ke tempat yang baru ini untuk mengembangkan pengajaran pendidikan Islam di Madrasah al-Sawafiah al-Islamiah, Parit Baru. Dengan ini juga dan secara tidak langsung, pengaruh Madrasah Saadiah-Salihiah telah menjalar ke situ.³⁴ Yang ditetapkan menjadi mudir Madrasah Saadiah-Salihiah selepas ini


³⁰Sekarang menjadi mudir Madrasah Saadiah-Salihiah.

³¹Mulai mengajar di Madrasah Salihiah sejak tahun 1955.

³²Telah mengajar di Madrasah Saadiah-Salihiah sejak tahun 1949 hingga tahun 1959). Sekarang beliau bertugas sebagai Nazir Sekolah Agama Rakyat Negeri Perak.

³³Telah mula mengajar pada tahun 1955. Ia telah meninggal dunia pada tahun 1962.

³⁴Ustaz Haji Mohd Surur telah ditemui oleh ketua kampung Parit Baru mengenai perkara tersebut. Beliau ialah Tuan Haji Abu Hassan (m.1966). Keterangan ini diberi oleh Ustaz Hj. Mohd. Surur pada 3.6.1977.



MADRASAH SALHIAH DAN MURID-MURID PEREMPUAN (1954)

ialah Ustaz Haji Salleh Ali, menantu Kiyai Haji Salleh yang telah kembali dari melanjutkan pelajarannya di Tanah Jawa pada tahun 1945.³⁵

Pada tahun 1950 Ustaz Haji Salleh telah menubuhkan sebuah persatuan yang diberi nama Persatuan Pembantu Pelajar-pelajar Islam (PPIS). Salah satu tujuannya ialah untuk mengadakan guru-guru agama. Ini bermaksud bahawa beberapa orang murid Madrasah Saadiyah-Salihiah yang berjaya dalam pelajaran mereka telah dipilih oleh ahli-ahli jawatankuasa PPIS ini, yang terdiri dari mudirnya sendiri sebagai pengerusinya dan seorang guru kanan sebagai setiausahanya. 'Guru-guru pelatih' ini disuruh mengajar kelas-kelas *takhdhiri* atau kelas permulaan, iaitu sebelum darjah satu. Pengajaran mereka itu akan diperhatikan oleh orang guru kanan, dan diperbetulkan jika perlu.

Dengan adanya PPIS ini juga Madrasah Saadiyah-Salihiah telah membuka madrasah-madrasah cawangan seperti:

1. Madrasah al Sibyah, Parit 1, Cenderung Balai, Perak.
2. Madrasah al Ibtid'iyah, Sungai Lampam, Perak.
3. Madrasah al Islahiah, Cenderung Balai, Perak.
4. Madrasah al Tarbiah Temoh Stesen, Perak.
5. Madrasah al Tarbiah al Islamiah, Sungai Lesung, Temoh, Perak.
6. Madrasah al Salamiah, Changkat Petai, Perak.
7. Madrasah al Ulum al Syari'ah, Sungai Kelah, Sungai Perak.

Semua cawangan madrasah di atas telah ditubuhkan antara tahun-tahun 1950 - 1957³⁶ dan dibuat secara bergotong-royong di tempat masing-masing.

Dengan adanya madrasah-madrasah tersebut maka guru yang terdiri dari bekas murid-murid Madrasah Saadiyah-Salihiah, yang telah dilatih atas cadangan PPIS telah ditugaskan untuk mengajar

³⁵Keterangan ini diberi oleh Ustaz Haji Salleh Ali sendiri pada 3.6.1977. Sekarang beliau telah bersara.

³⁶Ibid

ditempat-tempat tadi. Guru-guru ini kebanyakannya adalah yang datangnya dari tempat-tempat di mana madrasah itu telah didirikan. Ini akan memudahkan mereka dari segi tempat tinggal dan pendapatan. Sebenarnya mereka ini tidak makan gaji. Mereka hanya mendapat wang sagu hati dari kutipan yuran murid-murid yang jumlahnya hanya sebanyak antara \$20.00 hingga \$30.00 sebulan. Mereka akan 'beruntung' sekiranya penaung madrasah tempat mereka mengajar itu adalah seorang yang berada atau jika ada kemungkinan besar mereka akan diambil menantu oleh penaung tersebut, maka mereka kebiasaannya akan menerima beberapa ekar tanah daripada bapa mertua mereka atau menerima tanah wakaf dari seorang penderma tempatan yang ingin berbakti dalam perkembangan agama.

Di Madrasah Saadiyah-Salihiah guru-gurunya terdiri dari anak cucu Kiyai Haji Salleh yang telah menerima didikan dari sekolah-sekolah pondok³⁷ di Indonesia, dan juga guru-guru pelatihnya sendiri. Mereka ini semua juga tidak makan gaji. Kaum keluarga Haji Salleh menerima pendapatan dari tanah yang diberikan oleh pengasas atau menerima bantuan wakaf dari dermawan-dermawan tempatan atau luar negeri, seperti Indonesia,³⁸ sementara itu, guru-guru pelatih atau guru-guru tetap yang lain menerima sagu hati hasil dari kutipan wang yuran dari murid-murid. Sagu hati ini juga hanya di antara \$25.00 hingga \$40.00 sebulan. Sebenarnya guru-guru ini mempunyai pendapatan yang lain selain dari sagu hati ini. Mereka sama ada mempunyai unsur pendapatan sendiri, seperti mempunyai beberapa bidang tanah getah sendiri atau mereka menoreh pada waktu paginya dari kebun-kebun getah yang dipunyai oleh orang-orang lain, atau mereka menjadi wartawan³⁹ sambilan di surat khabar tempatan. Sebenarnya kebanyakan dari guru-guru ini masih mengamalkan konsep bertugas atas dasar '*sabil-lil-LLah*'.⁴⁰

Guru-guru yang mengajar di tahap yang kedua ini (tahun 1934 hingga 1959) lebih aktif dalam pergerakan-pergerakan luar bilik

³⁷Mereka pernah belajar di Pesantren Tebuireng dan Djombang, Solo, Tegal, Madura. Lihat Lampiran H.

³⁸Lihat Lampiran E dan F. Lihat juga kajian ini di bawah tajuk Sumber Kewangan, hal. 55.

³⁹Contohnya ialah Ustaz Juraimi Bajuri yang kadang-kadang menulis di majalah Hiburan dan Qalam.

⁴⁰*Sabil-lil-LLah*' bererti atas jalan Allah, dengan itu seorang itu tidak mengharapkan gaji.



SEBAHAGIAN DARI GURU LELAKI MADRASAH – SAADIAH SALIHIAH.

darjah dari guru-guru sebelumnya, yang semata-mata menumpukan pada pengajaran agama sahaja. Guru-guru yang lebih muda ini diberikan pula tugas-tugas yang tertentu, seperti mengetuai pergerakan sukan,⁴¹ penulisan, seperti karang mengarang, puisi atau artikel-artikel, bidang pidato; sedangkan bagi murid-murid perempuan, ada guru-guru yang mengetuai tentang pelajaran masak-memasak dan jahit-menjahit.

Guru-guru juga lebih cergas untuk mendakwahkan madrasah tersebut kepada orang ramai. Mereka mengadakan aktiviti yang lebih banyak melibatkan orang ramai, seperti mengadakan perarakan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. di pekan Temoh dan mengadakan ucapan-ucapan yang disyarahkan oleh ulama-ulama jemputan. Keterangan mengenai aktiviti-aktiviti lain akan dibicarakan di bawah tajuk kecil 'Kegiatan di Luar Bilik Darjah'.

Cara mengajar

Sebelum tahun 1934, cara mengajar adalah secara tradisional.⁴² Tetapi dengan adanya beberapa orang guru yang telah mendapat didikan agama secara moden, maka cara-cara mengajar di Madrasah Saadiyah-Salihiah juga bertukar corak. Walau bagaimanapun oleh kerana guru-guru yang tradisional masih ada dan masih bertugas dengan cergas, maka corak ini masih dijalankan bersama-sama. Misalnya Kiyai Haji Annuar dan Kiyai Yahaya masih mengajar kitab-kitab yang selama ini telah diajarkan oleh mereka, sedangkan Ustaz Haji Mohd. Surur telah mengajar dengan cara yang moden pula. Beliau telah menggunakan Bahasa Melayu buat pertama kalinya sebagai bahasa pengantar utama.⁴³ Ini mula diperkenalkan pada tahun 1934. Ini juga menjadi salah satu langkah yang bertentangan kepada orang-orang yang lebih suka berpegang kepada sistem tradisional dan lebih memberatkan kepada perasaan 'keindonesian' mereka. Kiyai Annuar masih mengajar dengan menggunakan Bahasa Jawa.

⁴¹Ustaz Haji Mohd. Nor, yang sekarang menjadi Mudir Madrasah Saadiyah-Salihiah, dulu pernah menjadi kapten pasukan bola sekolah ini, dan telah mengambil bahagian cergas dalam perlawanan-perlawanan dengan sekolah-sekolah lain.

⁴²Lihat hal.23 kajian ini.

⁴³Keterangan ini telah disahkan oleh Tuan Haji Zawawi b.Haji Salleh, yang pernah mengajar di sini, dan sekarang menjadi Nazir Sekolah-sekolah Agama Rakyat Perak.



SEBAHAGIAN DARI GURU PEREMPUAN MADRASAH SALIHIAH.

Ustaz Haji Mohd. Surur adalah guru yang pertama mengenalkan cara pengajaran moden ini. Beliau telah menggunakan papan hitam, kapur dan buku-buku tulis, selain dari buku-buku teks yang ditetapkan. Buat pertama kali murid-murid dibenarkan bersoal jawab dengan guru-guru mengenai sebarang sesuatu yang mereka kurang ketahui. Latihan-latihan diberikan, seperti latihan-latihan nahu Bahasa Arab, *saraf*,⁴⁴ juga pelajaran Lukisan, dan lain-lain.⁴⁵

Cara-cara mengajar yang lebih praktis juga dijalankan. Misalnya, semasa mempelajari Bahasa Arab, murid-murid dibawa keluar di bawah sephohon pokok, apabila perbendaharaan kata mengenali bahagian-bahagian pokok itu diperkenalkan.

Cara-cara penghafalan sangat diberatkan di madrasah ini. Sebelum tiap-tiap pelajaran itu dimulakan, tiap-tiap murid mesti menghafalkan apa yang telah diajar sebelum, di hadapan darjah. Sesiapa yang tidak terhafal akan disuruh berdiri sambil mendengarkan hafalan orang-orang lain, sehingga dia sendiri boleh menghafalkan pelajaran itu. Selalu berlaku pada ketika-ketika begini, kawan-kawannya yang lain akan membisikkan kepada yang 'kena denda' itu perkataan-perkataan yang telah dilupainya⁴⁶

Untuk menyenangkan pengajaran, kelas-kelas telah diperkenalkan, bermula dari kelas *takhdiri* atau kelas permulaan. Kelas ini adalah bagi mereka yang belum mempunyai pelajaran asas langsung dalam pelajaran agama dan juga bagi mereka yang belum tahu menulis dan membaca. Darjah yang paling tinggi ialah darjah tujuh. Tiap-tiap darjah itu digelar '*Qism*'⁴⁷ misalnya '*Qism al Takhdiri*', '*Qism al Awal*' dan seterusnya.

Jangka masa bagi tiap-tiap darjah itu ialah satu tahun, tetapi jika seseorang itu gagal dalam peperiksaan akhirnya, maka ia tidak akan dinaikkan ke darjah yang lebih lagi. Dengan ini, ada kemungkinan seorang murid yang lemah berada dalam satu darjah selama dua atau tiga tahun. Sistem peperiksaan ini hanya diperkenalkan selepas tahun 1934. Peperiksaan-peperiksaan akhir seperti ini dianggap serius oleh guru-guru dan murid-murid. Semua soalan ditulis dalam Bahasa Arab dan dijawab dalam Bahasa Arab juga, kecuali bagi pelajaran-pelajaran yang bukan dalam Bahasa Arab. Pada hari

⁴⁴*Saraf* ialah satu cabang nahu dalam Bahasa Arab bagi perubahan kata-kata.

⁴⁵Lihat Bab 3 kajian ini.

⁴⁶Pengalaman ini telah dirasai sendiri oleh penulis.

⁴⁷*Qism* dari Bahasa Arab, bererti pembahagian atau darjah.

Ibu bapa atau *Ikhtifal*,⁴⁸ pelajar-pelajar yang berjaya akan diberi hadiah-hadiah. Ini adalah satu galakan yang diberikan oleh guru-guru kepada murid-murid yang tidak pernah dilakukan sebelum tahun 1934.

Selain dari peperiksaan-peperiksaan, ujian-ujian bulanan diadakan juga yang digelar *Tamrin*.

Pendeknya, cara pengajaran di Madrasah Saadiah-Salihiah, ini, telah mengalami perubahan-perubahan yang pesat jika dibandingkan dengan cara pengajaran sebelum tahun 1934. Walau bagaimanapun cara 'kaedah terus' iaitu cara terjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia masih digemari. Perbezaannya hanya, sekarang, ia sudah tidak menggunakan Bahasa *Kromo Inggil* lagi, kecuali jika yang mengajar ialah Kiyai Haji Annuar.

Murid-murid

Sebelum tahun 1934, 100 peratus murid madrasah Saadiah-Salihiah terdiri dari orang-orang dari suku Jawa sahaja. Keadaan sedemikian berterusan hinggalah tahun 1949. Tetapi selepas tahun ini, iaitu selepas terdirinya bangunan baru Madrasah Saadiah, barulah sedikit demi sedikit murid-murid dari suku orang Melayu mula memasuki sekolah ini. Kebanyakan dari mereka datang dari kawasan yang berdekatan dengan Temoh. Lama-kelamaan ada juga di kalangan mereka yang datang dari kawasan-kawasan yang jauh, seperti dari Selangor, Utara Perak, Melaka dan juga Negeri Sembilan.⁴⁹ Hal ini berlaku dari beberapa kemungkinan:

Pertama, pengasas dan keluarganya telah bergaul begitu mesra dengan orang-orang tempatan yang terdiri dari suku orang Melayu tempatan dan di luar negeri Perak, hinggalah tiada lagi batas perbezaan 'persukuan' antara mereka. Misalnya, pengasas telah menceburkan diri dalam hal-ehwal tempatan seperti menjadi pengerusi Jawatankuasa Pentadbir Sekolah Melayu Temoh, yang pengerusi dan ahli-ahlinya yang lain terdiri dari guru-guru dan ketua kampung yang lain di Temoh, yang dari kaum orang Melayu.⁵⁰

⁴⁸ *Ikhtifal* juga dari Bahasa Arab, bererti perayaan. Dalam konteks ini, ia bererti hari Ibu Bapa dan Pemberian Hadiah.

⁴⁹ Keterangan ini diambil dari buku daftar madrasan tersebut bagi tahun 1949. Hal ini ditegaskan lagi oleh Ustaz Haji Salleh Ali, mudirnya, pada 3.6.1977.

⁵⁰ Keterangan ini diberi oleh Cikgu Mohd. Taib b. Abdullah yang pernah menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Temoh hingga tahun 1977.

Kedua, dalam hal-hal perkembangan pendidikan agama Islam, pengasas tidak mengira sama ada sesuatu badan atau institusi pengajian Islam itu ditadbirkan oleh orang dari suku Jawa atau Melayu, beliau suka menderma kepada mereka.⁵¹

Ketiga, ramai murid-murid lepasan Sekolah Melayu Temoh, yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris, mula belajar di madrasah ini. Pada ketika itu masih belum ada lagi sebuah sekolah menengah Melayu untuk menampung pelajaran lanjutan mereka. Untuk membiarkan mereka menganggur dengan tiada tujuan tertentu adalah menjadi satu masalah kepada ibu bapa. Dengan itu sebaik-baik tempat ialah bagi mereka untuk meneruskan pelajaran di madrasah ini.

Keempat, aktiviti para pelajar dan guru-guru madrasah ini begitu menarik hingga ramai yang ingin mencampuri mereka. Misalnya, pasukan bola madrasah ini telah berjaya beberapa kali dalam perlawanan daerah di Batang Padang.⁵² Pasukan badmintonnya juga telah menerima kejayaan yang serupa dalam perlawanan antara sekolah-sekolah agama lain di negeri Perak dan pasukan-pasukan awam.⁵³ Selain dari menerusi sukan, aktiviti-aktiviti guru-guru dan pelajar-pelajar juga disalurkan menerusi dakwah-dakwah.

Kelima, setelah terdirinya Madrasah Salihiah bagi murid-murid perempuan maka ramailah murid perempuan yang membanjiri institusi ini. Mereka bukan sahaja datang dari kawasan keliling, tetapi juga dari negeri-negeri lain di luar Perak.⁵⁴

Keenam, Madrasah Saadiyah-Salihiah adalah sebuah institusi yang tunggal pada masa itu yang menyediakan asrama tempat tinggal dengan percuma bagi murid-murid lelaki dan perempuan.

Akhirnya, Madrasah Saadiyah-Salihiah ini mula menjadi tempat 'tumpangan' bagi murid-murid yang gagal dalam peperiksaan-peperiksaan kerajaan bagi Darjah Enam di sekolah-sekolah Inggeris,

⁵¹Lihat kajian ini di bawah tajuk Pengasas sebagai Ketua Kaum, hal. 13.

⁵²Selama 3 tahun sejak tahun 1948, pasukan Saadiyah telah menjadi johan bola sepak di Batang Padang, selalunya mengalahkan pasukan guru-guru Batang Padang. Ini diterangkan oleh ketua pasukan Saadiyah, Hj. Nor b.Hj. Saleh, pada 16.7.1977.

⁵³Keterangan lanjut mengenai aktiviti sukan akan dibincangkan di bawah tajuk kecil Kegiatan Luar Bilik Darjah, hal. 48.

⁵⁴Didapati dari daftar penghuni asrama Salihiah tahun 1955. Misalnya dari Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor.

dan Peperiksaan *Lower Certificate of Examination*.⁵⁵ Ini dapat dibuktikan dari tambahan bilangan murid-murid lelaki dan perempuan yang terdiri dari mereka yang datang dari sekolah Inggeris.⁵⁶ Sebelum ini murid-murid hanya datang dari sekolah Melayu atau sekolah agama yang lain, atau tidak bersekolah langsung.

Sebagaimana sebelum tahun 1934, umur pelajar-pelajar tidak menjadi sebarang syarat kepada kemasukan mereka ke madrasah ini. Malahan terdapat pelajar-pelajar yang telah berumah tangga, terutama di Madrasah Salihiah. Setelah pembukaannya pada tahun 1955, seolah-olah ada satu kesedaran di kalangan setengah kaum wanita yang merasai bahawa pengetahuan agama mereka masih belum mendalam dan ingin memasuki madrasah ini. Mereka bukan sahaja dari Temoh, tetapi ada juga yang datang dari luar. Mereka datang bersama suami mereka yang belajar di Madrasah Saadiyah pula.⁵⁷

Murid-murid yang datang ke madrasah ini dikehendaki memakai pakaian seragam. Pelajar lelaki memakai satu pasang pakaian Melayu berwarna putih dan bersamping hijau, serta songkok hitam. Pelajar perempuan pula memakai baju kurung putih, berkain hijau dan berselindang lilit yang berwarna putih. Dan berkasut putih.

Kelas masak-memasak diajarkan oleh guru-guru dan juga murid-murid yang lebih tua dan berkebolehan. Kadang-kadang seorang guru masak yang mahir akan dijemput untuk mengajar. Dalam hal ini terpaksa pelajar-pelajar membayar sedikit yuran kepada guru tersebut. Kelas jahit-menjahit pun dilancarkan sedemikian rupa. Tetapi kelas jahit-menjahit dan masak-memasak ini hanya diadakan mulai pada tahun 1955, setelah madrasah untuk murid-murid perempuan, iaitu Madrasah Salihiah ditubuhkan. Peperiksaan tidak diadakan bagi pelajar-pelajar ini.

Kelas-kelas syarahan dan berbahas pula diadakan tiap-tiap dua minggu sekali, pada hari Khamis petang. Tiap-tiap murid dikenakan giliran untuk bersyarah di hadapan ramai. Tiap-tiap kelas

⁵⁵Kedua-dua jenis peperiksaan kerajaan ini diperkenalkan oleh *Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956*, yang dipengurusikan oleh Dato' Abd. Razak b. Hussain, hal. 14.

⁵⁶Keterangan ini diperolehi dalam buku daftar pelajar-pelajar 1949, 1950 - 1955.

⁵⁷Di antara yang menjadi pelajar 'dewasa' ini ialah isteri Kiyai Haji Salleh sendiri, Hj. Rusiatun Hj. Othman, serta beberapa orang ibu-ibu yang lain. Ada yang dari Taiping, Perak.

akan diwakili oleh seorang murid. Penentuan giliran ini pula akan ditetapkan oleh ketua kelas.⁵⁸ Daripada latihan-latihan ini guru akan memerhatikan siapakah yang berkebolehan lebih dalam bidang ini. Mereka ini akan dipilih untuk mewakili pelajar-pelajar dalam perayaan-perayaan '*ikhtifal*' atau dalam peraduan bersyarah dan berbahas antara sekolah-sekolah agama di seluruh Perak. Amalan ini sangat digemari di kalangan institusi-institusi sekolah agama pada tahun 1950-an.⁵⁹ Kelas-kelas bersyarah dan berbahas sudah dijalankan sejak tahun 1934 lagi.

Sekali-sekala kelas-kelas bersyarah ini digantikan dengan belajar *nasyid*⁶⁰ atau *nadzam*.⁶¹ *Nasyid* dan *nadzam* ini selalunya dilagukan dalam bahasa Arab, dan semuanya berunsur semangat kebangsaan atau keimanan. Misalnya terdapat nasyid "Hubbul Watan".⁶² Ada juga yang dibuat dalam Bahasa Melayu, tetapi ada juga yang berunsur keindonesiaan. Di sini tidak jelas sama ada lagu-lagu Indonesia ini diajarkan supaya dapat menanamkan semangat kebangsaan ke arah negara itu, atau sengaja dilagukan semata-mata kerana ramai guru yang mengajar di sini adalah mereka yang telah dididik di sana, dan lagu-lagu itu didapati sedap untuk dinyanyikan. Lagu-lagu seperti 'Jambatan Merah' dan 'Indonesia Raya' sangat disukai. Walau bagaimanapun tidak pula dapat dinafikan bahawa antara negarawan yang sangat digemari oleh mereka ialah Soekarno. Kepintarannya berpidato selalu menjadi tiru-tiruan para pelajar di sini.⁶³

Waktu Belajar

Jadual waktu yang ketat masih diamalkan sebagaimana sebelum tahun 1934. Tetapi bagi para pelajar yang juga mengikuti mata

⁵⁸Butir ini didapati dari pengalaman penulis sendiri.

⁵⁹Madrasah Saadiah-Salihiah telah selalu juga berjaya dalam pertandingan-pertandingan seperti yang telah diadakan sempena sambutan Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa yang dianjurkan di seluruh negeri, pada taun 1959.

⁶⁰*Nasyid* dari Bahasa Arab, bererti lagu.

⁶¹*Nadzam* dari Bahasa Arab juga bererti karangan sajak atau syair yang dibuat dalam lagu.

⁶²"Hubbul Watan" bererti 'mencintai tanahair'; lagu yang lain seperti "Ya syababul Malaya" bererti 'hai Pemuda Malaya'.

⁶³Pada hari sambutan hari Kemerdekaan Indonesia, pelajar-pelajar digalakkan mendengar ucapan Presiden Soekarno menerusi radio.

JADUAL 2: Jadual Waktu Pelajaran (1934 – 1959)

Bilangan waktu belajar dalam seminggu; tiap-tiap satu mata pelajaran selama 45 minit

Jenis mata pelajaran	Darjah								
	Takhdiri	1	2	3	4	5	6	7	
1. Tauhid	2	2	2	2	2	1	1	1	
2. Tafsir Qur'an	—	—	—	—	—	1	1	1	
3. Qur'an	2	2	2	2	2	1	1	1	
4. Fiqh	2	2	2	2	2	2	2	2	
5. Usul Fiqh	—	—	—	—	—	1	1	1	
6. Tajwid	—	—	1	1	1	—	—	—	
7. Rasauf	—	—	1	1	1	1	1	1	
8. Hadis	—	—	1	1	1	2	2	2	
9. Mustalah Hadis	—	—	—	—	—	1	1	1	
10. Faraid	—	—	—	—	—	1	1	1	
11. Nahu	—	—	—	—	1	2	2	2	
12. Saraf	—	—	—	—	1	2	2	2	
13. Loghat	1	2	2	2	2	2	2	2	
14. Mutala'ah	—	—	—	1	1	1	1	1	
15. Insyah	—	—	1	1	2	2	2	2	
16. Imla'	—	1	1	1	1	—	—	—	
17. Balaghah	—	—	—	—	—	1	1	1	
18. Mantiq	—	—	—	—	—	1	1	1	
19. Bahasa Melayu	—	1	1	1	1	1	1	1	
20. Ilmu Hisab	1	1	2	2	2	2	2	2	
21. Geografi	1	—	1	1	1	1	1	1	
22. Sejarah Islam	1	1	1	1	1	1	1	1	
23. Masakan/Jahitan*									
Syarah/Bahas*	1	1	1	1	1	1	1	1	
		9	13	18	19	23	28	28	28

*mata pelajaran ini diadakan sekali dalam dua minggu secara berselang-seli.

pelajaran yang dijalankan mengikut pendekatan cara moden, mereka belajar pada jam 2.00 petang hinggalah jam 5.30 petang, selama enam hari dalam seminggu. Hari Jumaat sahaja merupakan hari kelepasan. Masa yang diberikan bagi tiap-tiap mata pelajaran adalah seperti yang tertera pada Jadual 2.

Jika dibuat perbandingan antara jadual waktu belajar sebelum tahun 1934 dan sesudah tahun 1934, didapati bilangan mata pelajaran bertambah sebanyak 14. Tambahan ini termasuk mata pelajaran agama dan bukan agama. Pelajaran Bahasa Melayu, buat pertama kalinya telah diperkenalkan..

Sumber Kewangan

Sumber kewangan pada masa ini masih lagi dalam tanggungjawab pengasas. Tetapi oleh kerana kepesatan yang telah berlaku dalam kemajuan sekolah, seperti bertambahnya bilangan murid-murid, guru-guru dan tambahan tiga buah bangunan yang lain, maka sumber kewangan yang lain harus dicari juga.

Beberapa orang tempatan telah mewakafkan beberapa ekar tanah untuk kegunaan madrasah di sini. Seramai 13 orang telah membuat wakaf ini. Sebelum tahun 1934 sudah ada 2 orang yang telah mewakafkan tanah mereka.⁶⁴

Mulai pada tahun 1949, bayaran yuran telah mula dikenakan daripada murid-murid. Yuran itu ialah sebanyak \$1.00 (seringggit) sebulan bagi tiap-tiap seorang yang mampu. Bagi yang tidak mampu, mereka tidak dikenakan sebarang bayaran. Mampu atau tidak seseorang murid itu dipastikan oleh guru-guru. Kebanyakan murid-murid yang datang dari kampung Temoh tidak dikenakan bayaran. Kebanyakan murid-murid yang 'memondok' dikenakan bayaran sebab mereka datang dari keluarga yang mampu. Murid-murid yang tidak mendapat bantuan apa-apa dari orang tua mereka bekerja sebagai penoreh getah di situ, dan pendapatan mereka sama seperti pendapatan orang lain yang mempunyai keluarga di Temoh yang menoreh getah. Ini terpulanglah kepada berapa luasnya ladang getah yang mereka boleh toreh. Dengan itu kebanyakan mereka ini lebih mampu dari orang-orang tempatan. Ada di kalangan mereka yang menetap di madrasah ini bukan sahaja sebagai seorang pelajar tetapi juga kerana di sinilah mereka mencari nafkah hidup. Tidak

⁶⁴Lihat Lampiran F.

kurang juga di antara mereka yang telah dapat mendirikan rumah tangga sama ada dengan murid madrasah ini juga atau dengan orang tempatan.

PPIS (Persatuan Pembantu Pelajar-pelajar Islam) yang telah ditubuhkan pada tahun 1950 telah turut memainkan peranan dalam kutipan wang. Tetapi sumber kewangan menerusi PPIS ini adalah semata-mata untuk membantu pelajar-pelajar yang berkebolehan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian Islam yang lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pentadbir Madrasah. Cara kutipan adalah dibuat secara berderma dari penduduk-penduduk di seluruh kampung Temoh dan kawasan-kawasan keliling, seperti di kawasan Hilir Perak, Batang Padang, dan kawasan-kawasan lain di perak. Ia juga telah mengutip derma dari ulama-ulama di negeri ini. Misalnya, pada masa sambutan iktifal pada tahun 1953, Tuan Haji Ahmad Badawi (telah meninggal pada 1977) dari Kepala Batas, Kedah telah hadir dan menderma wang yang dikutip dari tempatnya sendiri. Demikian juga dibuat oleh Ustaz Abu Bakar dari Semangul. Pada masa ini pernah Madrasah Saadiyah-Salihiah menerima sebanyak \$2,000/-.⁶⁵ Kutipan yang dibuat dari penduduk Temoh sendiri dalam bentuk benda-benda atau wang. Kutipan benda-benda ini merupakan kumpulan getah sekerap, misalnya. Jadi kutipan getah sekerap dalam seminggu dikhaskan untuk didermakan kepada PPIS ini. Ada juga yang telah mengkhaskan seekor ibu ayam. Hasil dari ayam ini, misalnya, telurnya, atau anaknya, dan anak-anaknya akan dijual dan diberikan kepada PPIS. Dengan cara ini semua orang akan dapat sama-sama menderma, dan bukan bagi orang yang ada wang sahaja.

Kegiatan di Luar Bilik Darjah

Kegiatan di luar bilik darjah ini dibahagikan kepada dua; iaitu kegiatan yang dibuat oleh guru-guru dan pelajar.

Guru-guru telah menubuhkan Persatuan-Pembantu Pelajar-pelajar Islam pada tahun 1950.⁶⁶ Selain dari itu PPIS telah menghantarkan guru-guru ke sekolah-sekolah agama yang lain yang

⁶⁵Keterangan ini diberi oleh Ustaz Haji Salleh Ali, bekas Guru Besar Madrasah Saadiyah-Salihiah dan setiausaha PPIS. Keterangan telah diberi pada 3.6.1977.

⁶⁶Lihat hal. 25 kajian ini.

bukan cawangannya. Madrasah-madrasah yang menerima bantuan guru-guru itu adalah seperti berikut:-

1. Madrasah Islahiah al Diniyah, Sabak Bernam. Mudirnya yang pertama ialah Ustaz Haji Amin bin Haji Sadnawi.
2. Madrasah al Huda, Sungai Sumun, Hilir Perak. Mudirnya yang pertama ialah Ustaz Haji Abdullah bin Haji Annuar.
3. Madrasah al-Diniyah, Tebuk Rukun, Sungai Helang, Selangor. Mudirnya yang pertama ialah Ustaz Haji Nahrawi b. Hj. Annuar.
4. Sekolah Agama Rakyat, Sungai Lampam, Hilir Perak. Mudirnya yang pertama ialah Ustaz Haji Abd. Jalil.
5. Madrasah Al-Ibtida'iah, Tanjung Malim. Mudirnya yang pertama ialah Ustaz Busro b. Hj. Annuar. Beliau juga membuka cawangan sekolah-sekolah agama di Balun, Slim River, Perak. Madrasah ini dinamakan Madrasah Irsyadun Nas. Di Slim Village, beliau telah membuka satu cawangan lagi diberi nama Madrasah Al-Diniyah.

Mudir yang pertama bagi madrasah-madrasah tersebut di atas adalah guru-guru yang sama ada telah menerima didikan agama di Madrasah Saadiah-Salihiah atau mereka adalah bekas guru-guru yang telah menerima latihan mengajar di situ.

Adalah difahamkan juga bahawa madrasah-madrasah lain di beberapa tempat di Selangor ada yang didirikan oleh guru-guru lepasan Madrasah Saadiah-Salihiah ini. Misalnya, di Sungai Helang, Selangor, di Kuala Selangor, di Kampung Kapar, Kelang dan lain-lain.⁶⁸

⁶⁷ Temuramah dengan Ustaz Busro bin Haji Annuar pada 20.5.1977. Keterangan beliau telah disahkan oleh Ustaz Haji Amin pada 20.5.1977, juga oleh Ustaz Haji Abdullah dan Ustaz Haji Narawi pada masa yang sama.

⁶⁸ *Ibid.*

Tujuan kedua PPIS ialah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berkebolehan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah yang difikirkan lebih tinggi. Kutipan derma yang telah dijalankan oleh pertubuhan ini telah berjaya menghantar empat orang pelajar, iaitu dua orang lelaki dan dua orang perempuan.⁶⁹ Sekolah-sekolah yang telah dipilih ialah:

1. Madrasah al Idrisiah, Kuala Kangsar.
Madrasah al Misriah, Bukit Mertajam.
Madrasah al Ehya al Syariff, Gunung Semangul, Perak.

Guru-guru Madrasah Saadiah-Salihiah juga telah menubuhkan sebuah persatuan sekolah-sekolah agama di Temoh dan kawasan keliling. Persatuan ini digelar *Wahdatul Madaris*.⁷⁰ Tujuan persatuan ini adalah untuk menyelaraskan pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah yang menjadi ahli, menyelaraskan undang-undang tubuh persekolahan dan akhirnya, memberi latihan mengajar kepada guru-guru dalam pendidikan agama Islam. Perjalanan persatuan ini samalah seperti perjalanan PPIS, tetapi ini merangkumi madrasah-madrasah yang lain di luar pentadbiran Madrasah Saadiah-Salihiah. Guru-Guru diberi kursus sesama sendiri. Pusat latihannya adalah Madrasah Saadiah-Salihiah. Pemberi-pemberi kursus adalah guru-guru yang telah berpengalaman di sini, dan juga guru-guru dari sekolah lain.

Dua buah persatuan lain yang ditubuhkan oleh Madrasah Saadiah-Salihiah adalah Persatuan Bantuan Orang Mati dan Persatuan Bulan Madu atau *Syahrul 'Asal*.

Persatuan Orang Mati adalah satu tabung yang dikumpulkan oleh guru-guru dengan kerjasama dan derma orang kampung. Tujuannya adalah untuk memberi bantuan wang kepada keluarga si mati, yang difikirkan tidak mampu untuk menguruskan perkebumihan si mati itu. Persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1950.

⁶⁹Murid-murid tersebut ialah Asro b. Umar, Alwi b. Hassan, Arfahd bt. Majadi dan Mardhiah bt. Ma's'ud. Sekarang mereka jadi guru-guru agama di sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan. Misalnya, Puan Arfahd mengajar di Sekolah Menengah Izzuddin Shah, Ipoh, dan Cik Mardhiah, mengajar di Sekolah Menengah Abd. Hamid Khan, Tapah, Perak.

⁷⁰Temuramah dengan Ustaz Haji Salleh yang telah menjadi Setiausaha persatuan ini. Temuramah telah dibuat pada 3.6.1977.

Persatuan *Syarul 'Asal* pula dianggotai oleh guru-guru dan pihak pentadbir madrasah. Tiap-tiap seorang anggota di kenakan bayaran sebanyak \$10.00 tiap kali ada seorang anggota yang mendirikan rumahtangga. Wang kumpulan diberikan kepadanya. Persatuan ini juga ditubuhkan pada tahun 1950.

Pada tahun 1950-an ini Madrasah Saadiyah-Salihiah bukan sahaja cergas dengan kegiatan-kegiatan guru-gurunya, tetapi juga dengan kegiatan pelajar-pelajarnya yang seramai lebih kurang 600 orang itu. Pada tahun 1954, mereka telah menubuhkan Persatuan Pelajar Saadiyah-Salihiah Temoh, atau lebih terkenal dengan nama PPSST. Tujuan utama persatuan ini ialah untuk menyatukan pelajar-pelajar dalam satu persatuan, membimbing ke arah kemuliaan, meninggikan pelajaran serta memberikan khidmat kepada masyarakat.⁷¹

Pada mulanya persatuan ini telah diletakkan di bawah lembaga Madrasah Saadiyah, tetapi pada tahun 1956, ia telah didaftarkan kepada Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan di Ipoh, Perak. Pada tahun itu juga oleh kerana keahlian ahli-ahlinya tidak dapat diselaraskan, maka permohonan itu ditolak. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama pihak pentadbir madrasah, PPSST telah berjaya menjalankan beberapa aktiviti pelajar-pelajar yang telah memberi kesan yang penting juga terhadap kemajuan madrasah ini. Misalnya, mereka telah berjaya menubuhkan Persatuan Pengakap. Ini bermaksud bahawa buat pertama kalinya, pelajar-pelajar bergerak bersama-sama dengan murid-murid dari sekolah-sekolah yang bukan sekolah agama, dan juga dari sekolah-sekolah kerajaan. Mereka juga sangat maju dalam pergerakan bahasa dan sastera. Sungguhpun mutu bahasa Melayu yang diajarkan di Madrasah ini tidaklah sama dengan yang diajarkan di sekolah-sekolah menengah kerajaan, tetapi ramai dari murid-murid di sini yang telah menghantarkan sajak-sajak ke majalah-majalah tempatan, dan diterbitkan. Akibat dari latihan-latihan seperti ini beberapa orang bekas murid di sini

⁷¹Keterangan ini telah diberi secara bertulis oleh Presiden pertama hingga ketiga, En. Hasran b. Hj. Tahir yang sekarang mengajar di Sekolah Kebangsaan Paya Dalam, Melaka. Suratnya kepada penulis bertarikh 27.3.77. Perlembagaan PPSST yang bertulis tidak dapat dijumpai kerana peristiwa pembakarannya pada tahun 1959, apabila pelajar-pelajar melancarkan pemogokan menentang pentadbir madrasah. Sila lihat hal. 96.

sekarang ada yang bertugas sebagai wartawan-wartawan.⁷²

Selain dari bidang-bidang yang tersebut di atas, PPSST juga aktif dalam bidang syarahan. Pertandingan-pertandingan sering benar dilakukan bukan sahaja di kalangan murid-murid di sini, tetapi juga dengan murid-murid dari madrasah-madrasah lain di seluruh Perak. Pertandingan serupa ini sangat disukai hingga menjadi salah satu cara yang tidak ditinggalkan dalam sambutan *ikhtifal* mereka.

Satu kesan lain yang didapati dari peraduan-peraduan syarahan seperti yang diadakan di madrasah ini adalah banyaknya penggunaan rangkaian kata yang penuh dengan perasaan kebangsaan, seperti 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung', 'membujur lalu melintang patah namun undur tidak sekali', 'takkan Melayu hilang di dunia' dan lain-lain.⁷³ Timbulnya semangat serupa ini adalah dari pengaruh pergolakan politik tanahair yang sedang hangat pada awal tahun 1950-an ini. Murid-murid juga telah dipengaruhi oleh majalah-majalah yang memang menjadi langganannya.⁷⁴

Semangat yang pada mulanya hanya dilaungkan menerusi syarahan-syarahan sahaja itu, berubah menjadi semangat kebangsaan yang mendorong persatuan ini membuat beberapa aturcara bagi 'menyedarkan' masyarakat. Di antaranya ialah menerusi lakonan-lakonan atau sandiwara yang dipentaskan oleh murid-murid pada waktu *ikhtifal*. Misalnya, lakonan 'Pahlawan Cangkul' yang memaparkan betapa mustahaknya menjadi petani yang berjaya.⁷⁵

Pergerakan PPSST ini tidak hanya terhad kepada semangat kebangsaan sahaja. Ia juga cergas dalam kegiatan sukan. Sukan yang paling mereka gemari dan yang menempatkan mereka sebagai pasukan yang paling kuat di daerah Batang Padang, dan di antara madrasah-madrasah di Perak, ialah pasukan bola dan badminton.⁷⁶

⁷²Di antara mereka ialah Md. Basir Bajuri dan Ahmad Kamsi. Kedua-duanya adalah pemberita dan penulis rencana di akhbar Utusan Melayu.

⁷³Ini didapati dari kumpulan syarahan-syarahan yang telah diambil bahagian oleh murid-murid Madrasah Saadiah-Salihiah, seperti di dalam simpanan madrasah ini sekarang (1977).

⁷⁴Majalah tersebut, seperti, Qalam, Mestika, surat khabar dan lain-lain.

⁷⁵Lakonan ini telah dipentaskan pada tahun 1955, sempena sambutan *ikhtifal* madrasah Saadiah Salihiah.

⁷⁶Temuramah dengan Ustaz Haji Mohd. Nor b. Hj. Salleh yang menjadi guru dan kapten pasukan bola Madrasah Saadiah. Keterangan diberi pada 1.6.1977.

Menerusi persatuan ini juga, pelajar-pelajar telah dapat memperkayakan pengetahuan dan kebudayaan tempatan. Mereka telah datang dari berbagai-bagai negeri di Tanah Melayu ini, dan dari berbagai keturunan. Apabila mereka 'memondok' di Temoh, mereka digalakkan menunjukkan apa sahaja bidang kesenian yang mereka ketahui bagi faedah pelajar yang lain. Di Madrasah Salihiah mereka menunjukkan kebolehan dalam seni masakan. Di madrasah ini juga ada yang pandai mengajar seni silat. Kesenian seni silat diambil dengan bersungguh-sungguh hingga dalam 'menuntut' ilmu ini, mereka percaya juga dengan ilmu 'kebal'. Semasa mereka bersilat, mereka seolah-olah kena pukau. Pertunjukkan pencak silat seperti ini selalu mereka adakan di majlis khatam Quran bagi kanak-kanak lelaki yang akan dikhatamkan. Kanak-kanak ini, setelah diberi pakaian yang cantik, akan diusung di atas kerusi oleh empat orang pelajar. Semasa ini beberapa orang yang lain akan memainkan juga pertunjukkan '*dian abit*', iaitu mengikat kedua-dua hujung sebatang kayu yang kira-kira enam kaki panjangnya, dengan kain yang tebal. Kain ini akan dibakar. Kayu yang bernyala di kedua-dua hujungnya ini akan dipusing-pusingkan mengikut kepandaian peminat itu. Setelah sampai di halaman rumah kanak-kanak yang berkenaan, maka ia akan didudukkan atas kerusi dan pertunjukkan silat tadi akan disembahkan di hadapan kanak-kanak tadi.⁷⁷

Satu lagi kegiatan yang dilakukan oleh guru-guru dan pelajar-pelajar di sini ialah mengadakan majlis '*Serokalan*', Ini adalah satu adat Jawa yang diamalkan di rumah seorang yang baru menerima seorang cahaya mata. Tiap-tiap malam, selama seminggu, guru-guru dan pelajar ini akan berzanji di rumah orang yang berkenaan. Orang kampung ada juga yang mengambil bahagian. Majlis '*serokalan*' ini akan ditamatkan dengan istiadat bercukur kepala. Ini akan dilakukan pada malam ketujuhnya. Pada masa ini bayi itu akan dipakaikan dengan pakaian yang cantik, dan diletakkan ke dalam dulang tembaga yang berlapikkan beberapa helai kain yang berwarna-warni, atau kain songket. Apabila orang-orang yang berzanji itu telah selesai, mereka akan berdiri berkeliling dan membaca selawat atau puji-pujian kepada Nabi Muhammad s.a.w. Pada masa inilah

⁷⁷Pertunjukkan seni silat dan '*dian abit*' ini masih lagi diamalkan oleh orang-orang di Temoh hingga sekarang ini, walaupun hanya terhad pada masyarakat orang Jawa sahaja. Tetapi silat diamalkan juga oleh orang Melayu. Pengaruh ini mungkin tidak dibawa oleh orang-orang 'pondok' ini.

bayi tadi akan dibawa berkeliling, ditunjukkan kepada orang-orang yang sedang membaca selawat itu. Bayi ini akan diberhentikan pada beberapa orang yang dianggap tua. Orang-orang ini akan menggunting sedikit rambut kanak-kanak tersebut. Apabila sudah, seorang daripada mereka, yang telah dipilih oleh bapa bayi itu, akan memberikan nama kepada anaknya. Kemudian bayi ini akan dibawa masuk kepada ibunya. Selepas ini orang-orang yang hadir akan diberi jamuan. Adat serupa ini masih diamalkan oleh anggota masyarakat Jawa di Temoh, hingga sekarang.

Di kalangan guru-guru Madrasah Saadiyah-Salihiah ini ada yang terlibat secara langsung dengan pergerakan parti politik tempatan. Ada yang memegang jawatankuasa yang penting, tetapi mereka tidak masuk menjadi calon dalam pilihanraya tahun 1955 atau tahun 1957.⁷⁸ Walau bagaimanapun dua golongan guru dan pelajar (pelajar-pelajar ini kebanyakannya sudah lebih 21 tahun), telah mengikuti perkembangan politik tempatan. Ini dapat dibuktikan dengan kecenderungan mereka untuk menghadiri kempen pilihanraya, yang diadakan oleh parti-parti politik yang bertanding di kawasan Batang Padang ini khasnya.⁷⁹

Semangat untuk berdikari dan menuntut hak-hak yang sering dilaung-laungkan itu sedikit sebanyak telah mempengaruhi para pelajar, kerana mereka telah mula membuat beberapa tuntutan kepada pihak pentadbir madrasah untuk beberapa perubahan dalam sistem pentadbiran dan meluaskan lagi kuasa mereka dalam persatuan PPSST. Di antaranya mereka meminta sekiranya pelajar-pelajar di kelas atas, iaitu di *Qismul Sabi'* (darjah tujuh) disatukan antara lelaki dan perempuan. Mereka juga meminta sekiranya aktiviti-aktiviti persatuan dapat betul-betul disatukan, misalnya mereka boleh bersatu dalam pertunjukkan pentas yang mereka adakan. Sebenarnya PPSST dikendalikan oleh dua buah jawatankuasa yang berasingan. Satu untuk pelajar lelaki dan satu lagi untuk pelajar wanita. Hanya dari segi perlembagaan mereka mengikuti satu rang undang-undang persatuan dan kedua-duanya di bawah naungan Lembaga Madrasah Saadiyah-Salihiah.

Perasaan tidak puas hati sudah mula timbul di kalangan

⁷⁸Hanya Tuan Haji Hashim b. Hj. Salleh, anak pengasas, yang telah masuk sebagai calon PAS dalam pilihanraya 1957. Beliau adalah salah seorang ahli jawatankuasa Lembaga Madrasah Saadiyah-Salihiah, tetapi tidak mengajar di situ.

⁷⁹Parti politik yang terlibat ialah, Perikatan, PAS dan Parti Negara.

mereka. Pihak madrasah enggan meluluskan permintaan mereka kerana di kalangan pentadbir itu sendiri terdapat pendapat yang telah berbelah bahagi. Ada di antara pentadbir tersebut menyokong kehendak para pelajar yang sangat 'bersemangat' itu.

Pada akhir tahun 1958 ini ada seolah-olah satu pertikaian atau ketidaksefahaman di kalangan guru-guru. Pada masa ini pengasas madrasah, Kiyai Haji Salleh, telah sangat uzur dan tidak lagi bersama-sama mentadbirkan Madrasah Saadiyah-Salihiah. Pentadbirannya telah diserahkan bulat-bulat kepada pentadbir atau lembaga sekolah yang ahlinya kebanyakannya terdiri dari anak-anaknya sendiri atau menantu-menantunya. Di sinilah mula-mula lahir perselisihan tentang siapakah yang benar-benar mempunyai kata akhir dalam sebarang keputusan mengenai hal-ehwal madrasah. Masing-masing seolah-olah mempunyai kuasa yang sama banyak. Dan inilah yang membawa kepada perpecahan.

Pada masa yang agak sama, PPSST juga mendapati bahawa pengajaran di madrasah mulai merosot. Sebenarnya mereka sudah mula membandingkan perkembangan pesat yang dialami oleh sekolah-sekolah menengah kerajaan dengan madrasah mereka. Nyatalah perbandingan tidak dapat dilakukan, kerana institusi madrasah ini sebenarnya berjaya selama ini kerana sikap keseluruhan, sama ada di pihak guru-guru atau pelajar-pelajar, adalah berdasarkan atas sikap 'tidak mengapa' dengan kekurangan-kekurangan yang ada. Sekarang guru-guru juga harus hidup, maksudnya, mereka harus mencari nafkah yang lebih lumayan dari yang semata-mata mengharapkan kepada wang sagu hati yang diberikan oleh pihak penganjur madrasah. Mereka mula meninggalkan madrasah untuk kerja-kerja yang akan memberikan mereka kesenangan hidup yang lebih.⁸⁰ Mereka lebih suka memasuki jawatan-jawatan sebagai guru-guru di sekolah-sekolah kerajaan sedang diperkembangkan.⁸¹

⁸⁰Misalnya, Ustaz Haji Zawawi b. Haji Salleh telah bertugas di Jabatan Hal-ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu Perak sejak awal tahun 1959 hinggalah sekarang (1977). Mudirnya, Ustaz Haji Saleh Ali telah berpindah sebagai mudir di Madrasah Al-Tarbiah Temoh. Pada masa ini juga Kiyai Haji Salleh telah mengeluarkan satu surat wasiat mengatakan madrasah ini harus ditadbirkan oleh anak cucunya sahaja. Dengan itu 'orang-orang luar' ada yang merasa tersinggung dan meninggalkan madrasah ini. Lihat Lampiran G.

⁸¹Lihat Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, yang dipengerusikan oleh Dato' Abd. Razak b. Hussin, Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, para 49, hal. 13.

Madrasah Saadiyah-Salihiah mula mengalami kekurangan guru. Akibatnya mutu pelajarannya pun ikut merosot. PPSST mula membuat tuntutan-tuntutan agar perjalanan sekolah dapat diperkemaskan. Permintaan mereka ini tidak dilayani oleh pihak Lembaga madrasah. Oleh itu pada 20hb. Januari 1959, mereka telah melancarkan satuunjuk perasaan. Mereka telah membakar semua risalah mengenai persatuan mereka. Pada keesokan harinya, lebih kurang lima puluh peratus daripada mereka telah balik ke rumah masing-masing. Bantahan-bantahan yang ditunjukkan secara menunjuk perasaan ini seolah-olah menjadi kegemaran pelajar-pelajar pada masa itu.⁸²

Selepas tunjuk perasaan itu PPSST telah dibubarkan oleh pihak pentadbir madrasah. Pelajar-pelajar yang lain, yang tidak bersamasama dalam tunjuk perasaan itu masih meneruskan pelajaran mereka. Tidak lama lepas itu, sedikit demi sedikit pelajar-pelajar yang lain, yang dahulunya mengikut pulang ke rumah telah mulai kembali ke Madrasah Saadiyah-Salihiah untuk belajar semula. Tetapi sejak dari itu, kemajuan madrasah ini makin merosot.

Tahun 1959 merupakan permulaan atau detik kemerosotan pengaruh Madrasah Saadiyah-Salihiah. Dan pada masa ini juga Jabatan Hal-Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu Perak telah mulai masuk campur dalam pentadbiran madrasah ini dan madrasah-madrasah lain di seluruh negeri Perak. Kajian lanjut mengenai peranan Jabatan Agama dalam hal ini akan dibincangkan dalam Bab 4.

⁸²Pada akhir 1958, pelajar-pelajar dari Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur telah meninggalkan bilik-bilik darjah mereka kerana membantah kepada kerajaan tentang kedudukan guru-guru Bahasa (Bahasa Kebangsaan), yang tidak memuaskan hati mereka. Lihat *Utusan Melayu* keluaran bulan Oktober dan November, 1958. Pada bulan Mei 1959, pelajar-pelajar Madrasah Al-Idrisiah, Kuala Kangsar, juga telah menunjuk perasaan kerana tidak menyetujui Yang Dipertua madrasah itu sendiri. Lihat *Utusan Melayu* keluaran seluruh bulan Mei 1959.



BAB

3

MATA PELAJARAN

Mata pelajaran yang diajarkan di Madrasah Saadiyah-Salihiah ini tidak jauh berbeza dari mata pelajaran yang diajarkan di institusi pondok atau madrasah lain yang terdapat di seluruh tanahair.¹ Pelajaran tersebut semuanya, kecuali beberapa yang baharu, disebut dalam Bahasa Arab. Dengan itu, telah menjadi anggapan umum bahawa pelajaran itu adalah pelajaran agama. Anggapan ini ada juga benarnya. Hanya pengertian agama itu yang selalunya disalah anggap. Antaranya apabila salah anggapan ini diteruskan maka pembahagian maksud pelajaran agama dan pelajaran sekular itu akan terus menjadi keliru.²

"Islam, from its inception, has comprised both a religious and a civil, and a political society. It does separate the spiritual and worldly affairs of man, but includes teachings on secular as well as religious activities".³

¹Nabir b. Hj. Abdullah, *op. cit.*, hal.270. Lihat juga Mahmud Junus, *op. cit.*, hal. 125.

²Idea untuk membentangkan tiap-tiap mata pelajaran yang diajarkan di madrasah ini telah ditimbulkan oleh Encik Aziz b. Mat Ton, seorang pensyarah Sejarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tujuannya ialah untuk menjelaskan sama ada pelajaran agama itu semata-mata mengajarkan tentang hubungan manusia dengan Tuhan sahaja, atau juga meliputi hal-hal kehidupan bermasyarakat, iaitu berunsur sekular. Dengan itu adakah pembahagian antara pelajaran agama sekular dalam Islam?

³Deliar Noer, *op. cit.*, hal. 1. Lihat juga Sir Mohammad Iqbal in *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Lahore, Sheikh Muhammad Ashraf, 1951, hal. 153.

Sekiranya pengertian agama Islam itu diambil seperti yang ditakrifkan dalam potongan di atas, maka pengertian tentang apakah yang dikatakan pelajaran agama dan sekular yang diajarkan di madrasah-madrasah ini akan menjadi lebih terang.

Penulis akan memberikan inti tiap-tiap pelajaran ini dengan tujuan supaya satu penilaian yang adil akan dapat dibuat mengenai pendidikan sekolah pondok dan madrasah ini.

Tauhid

Perkataan 'Tauhid' berasal dari perkataan 'ahada', bererti 'satu'. Dengan itu 'Tauhid' bererti mempercayai bahawa Allah itu satu. Pelajaran ini juga kadang-kadang disebut juga dengan 'aqaid', bererti menyimpulkan di dalam hati bahawa Tuhan itu hanyalah Allah s.w.t. Dengan itu pelajaran ini membincangkan tentang soal-soal keimanan dengan Allah dan bahawa alam dijadikan oleh-Nya. Dengan itu juga yang diajarkan adalah tentang sifat 20 yang ada pada Allah. Sifat 20 ini ialah: ada, sedia, kekal, berlawanan dengan baharu, berdiri dengan sendiri, esa dan tunggal, berkuasa, berkehendak, mengetahui, hidup, mendengar, melihat, berkata-kata, keadaan-Nya yang berkuasa, keadaan-Nya yang berkehendak, keadaan-Nya yang mendengar, keadaan-Nya yang melihat, keadaan-Nya yang berkata-kata.⁴

Selain dari sifat 20 ini, diajarkan juga tentang rukun *iman*⁵ kepada Allah. Rukun iman yang enam perkataan ini *wajib*⁶ diketahui oleh semua orang Islam. Rukun tersebut ialah: 1. percaya kepada Allah, 2. percaya kepada malaikat, 3. percaya kepada kitab-kitab Allah, 4. percaya kepada rasul-rasul, 5. percaya kepada hari akhirat (kemudian), 6. percaya kepada *qadha* dan *qadar*.⁷

Ilmu Tauhid ini membincangkan tentang *dalil-dalil*⁸ yang menunjukkan bahawa Allah itu *khaliq* atau yang menjadikan. *Dalil-*

⁴Sifat 20 ini selalunya lebih dikenali di kalangan orang-orang Islam dalam bahasa asalnya, iaitu bahasa Arab: 'wujud', 'qidam', 'baqa', 'mukhalafatuhu Ta'ala lil lawadith', 'qiyamuhu Ta'ala binafsih', 'wahdaniyah', 'Quadrat', 'iradat', 'ilmun', 'hayat', 'sami'un', 'basirun', 'kalamun', 'kaunuhu qadiran', 'kaunuhu muridan', 'kaunuhu aliman', 'kaunuhu hayan', 'kaunuhu sami'an', 'kaunuhu basiran', 'kaunuhu Mutakalliman'.

⁵*iman* bererti percaya dengan sepenuh hati.

⁶*wajib* ialah segala sesuatu amalan yang tidak boleh ditinggalkan (sekiranya tidak berbuat demikian akan mendapat dosa). Misalnya, sembahyang adalah wajib.

⁷*qadha* dan *qadar* ialah kebaikan atau keburukan yang datang dari Allah. Keterangan lanjut di hal. 80.

⁸*dalil* bererti keterangan.

dalil tersebut diambil dari ayat-ayat al-Quran. Contohnya seperti yang tersebut dalam surah Yunus ayat 101:

قُلْ أَنْظِرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُعْنِي الْآيَاتُ
وَالنَّذْرُ عَنْ قَوْمٍ لَا يُؤْمِنُونَ .

Ertinya: Katakanlah (wahai Muhammad), "Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi (segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya). Dalam pada itu segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepada-Nya."⁹

Dalil tentang wujudnya malaikat juga dibincangkan dalam pelajaran ini. Sebagaimana di atas ia juga disertai dengan keterangan-keterangan dari al-Quran. Misalnya, dalam surah Al-Nahl, ayat 49,

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ دَابَّةٍ وَالْمَلَائِكَةِ
وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ .

Bererti: Dan kepada Allah jugalah tunduk sujud apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi, makhluk-makhluk yang bergerak serta malaikat; mereka (malaikat-malaikat itu) tidak berlaku sombong (daripada beribadat dan sujud kepada-Nya).¹⁰

Keterangan-keterangan mengenai tugas-tugas malaikat juga diberikan. Misalnya, dalam surah Al-Nisa', ayat 97,

إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْنَاهُمْ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ
قَالُوا كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضَ اللَّهِ
وَاسِعَةً فَتُهَاجِرُوا فِيهَا فَأُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ
وَسَاءَتْ مَصِيرًا

⁹Dalil-dalil lain yang menunjukkan tentang wujudnya Allah dan kekuasaan-Nya terdapat juga dalam surah Ali 'Imran ayat 185, surah Fussilat ayat 37, surah Al-An'am ayat 99, surah Al-Nur ayat 45, dan lain-lain.

¹⁰Surah-surah lain yang membuktikan tentang wujudnya malaikat serta tugas-tugas yang telah diberikan Allah kepada mereka ialah surah Al-Baqarah ayat 87, surah Al-Fassilat, ayat 30 & 31; surah Al-Anfal, ayat 9 & 8, surah Al-Mukminun, ayat 7—9, dan lain-lain.

Bererti: Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), (mereka telah ditanya oleh malaikat (dengan) berkata, "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" Mereka menjawab, "Kami dahulu ialah orang-orang yang tertindas di bumi." Malaikat bertanya lagi, "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah (dengan bebas) padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu (keadaannya), tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu ialah seburuk-buruk tempat kembali".

Keseluruhannya, beriman dengan adanya malaikat itu sebagai makhluk Allah adalah untuk menyangkal bahawa malaikat itu adalah anak Tuhan.

Rukun iman yang ketiga ialah beriman kepada adanya kitab-kitab suci Allah. Kitab-kitab suci itu adalah termasuk Taurat yang diberikan kepada Nabi Musa; kitab Injil kepada Nabi Isa; kitab Zabur kepada Nabi Daud; beberapa Suhuf kepada Nabi Ibrahim; dan al-Quran kepada Nabi Muhammad. Dalilnya terdapat dalam surah al-Baqarah, ayat 285,

أَمِنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نَفَرَقَ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ
وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأَطَعْنَا عُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Bererti: Rasul Allah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan (juga) orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikat-Nya, dan kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya. Mereka berkata (lagi), "Kami tidak membezakan antara seorang (dengan yang lain) dari rasul-rasulnya. Mereka berkata (lagi), kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu wahai Tuhan kami. Dari kepada-Mu jualah tempat kembali".

Catatan: semua terjemahan mengenai ayat-ayat al-Quran ini diambil dari *Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, terbitan Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia Barat, Jabatan Perdana Menteri, Jilid 1-3.

Pelajaran ini juga meherangkan tentang kewajipan semua orang Muslimim supaya beriman kepada kitab-kitab Allah yang terdahulu, iaitu dengan pengertian tentang menerimanya satu kebenaran atau

hakikat bahawa semuanya berpunca dari Allah yang satu, dan juga menurunkan al-Quran.¹¹ Keseluruhannya manusia diseru supaya beriman kepada Allah dengan berpandukan al-Quran.

Rukun iman yang keempat ialah beriman kepada *rasul* Allah; mengenai siapa mereka dan sifat-sifat yang harus ada pada mereka.¹² Rasul berbeza pula dengan nabi.¹³ Islam mewajibkan semua manusia beriman kepada semua rasul-rasul dan bahawa nabi Muhammad itu adalah rasul yang akhir. Dalil-dalil dalam al-Quran untuk menerangkan kebenaran ini terdapat dalam surah al-Saba' ayat 28.

Rukun iman yang kelima ialah beriman dengan adanya hari akhirat dan hari kiamat. Hari akhirat bererti hari selepas mati yang tidak ada akhirnya. Hari kiamat ialah hari pembangkitan dan pembalasan. Orang muslim atau mukmin akan dianggap terkeluar dari Islam jika mengesyaki tentang adanya hari akhirat dan hari kiamat ini. Sebab-sebab mengapa orang Islam wajib beriman kepada hari akhirat ialah atas dalil bahawa semua makhluk yang hidup di dalam alam ini pasti akan mati; bahawa semua catatan tentang amalan manusia itu ada tersimpan dan akan diadili di hari kiamat ini; bahawa di sini keadilan yang seadil-adilnya akan dibuktikan oleh Allah, dan tidak akan berlaku balasan yang baik bagi yang buruk dan sebaliknya; bahawa untuk ini semua akan wujud syurga dan neraka.¹⁴

Pelajaran Tauhid juga menerangkan tentang rukun iman yang keenam iaitu beriman kepada qadac dan qadar.

¹¹Al-Quran juga membincangkan tentang mukjizat Nabi Muhammad, iaitu al-Quran sendiri, dan bagaimana al-Quran dapat dijadikan panduan yang boleh memberikan petunjuk kepada manusia dalam mentadbirkan hal-hal hidup di dunia dan akhirat, juga misal-misal yang berhubung dengan sains, alam semesta dan rahsia-rahsia yang lain. Lihat surah Anbia ayat 30; surah al-Qiyamah ayat 384; surah Yunus ayat 91.

¹²Sifat-sifat Nabi itu adalah: benar, jujur, menyampaikan perintah, cerdik. Kesemuanya ada 313 orang rasul, tetapi yang disebut di dalam al-Quran hanya 25 orang, sedangkan bilangan nabi-nabi sangatlah banyak.

¹³Rasul ialah seorang pesuruh atau utusan yang telah dipilih oleh Allah s.w.t., dan menerima wahyu untuk dirinya sendiri, dan untuk disampaikan kepada manusia atau umat lain. Nabi pula adalah manusia yang dipilih oleh Allah s.w.t. dan menerima wahyu bagi dirinya sahaja.

¹⁴Surah-surah dalam al-Quran mengenai hari ini ialah surah al-Najm ayat 25; surah al-Haj ayat 5 — 7; dan surah al-Rumayat ayat 27, dan lain-lain.

Qadak diterangkan sebagai penentuan Allah bagi perbuatan manusia yang dilakukan dalam keadaan yang dia tidak dapat memilih dalam hal itu, atau perkara yang dilakukan ke atasnya dalam keadaan di mana dia tiada daya untuk memilih atau menolaknya. Misalnya manusia lahir dan mati, bukanlah pilihannya. Dengan lain-lain perkataan manusia tiada kuasa langsung dalam hal ini dan tidak mengetahui tentang baik buruknya. Dalilnya ialah surah al-Baqarah ayat 216:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا
وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ
يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ .

Bererti

“Kamu diwajibkan berperang, sedang peperangan itu kamu benci, dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu pada hal ia jahat (buruk) bagi kamu. Dan (ingatlah) Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya”.

Qadar pula boleh dihuraikan sebagai adanya sifat-sifat penentuan asal pada perkara itu. Misalnya naluri yang ada pada manusia. Naluri itu ada hubungannya dengan anggota manusia. Misalnya manusia melihat dengan mata; mendengar dengan telinga; juga manusia ada naluri untuk beragama, berkelamin, beranak, dan lain-lain. Dalam hal ini manusia boleh menguasai kehendak naluri itu. Dengan itu juga manusia boleh membezakan antara keburukan dan kebaikan kerana manusia itu diberi akal fikiran.

Pada keseluruhannya, di mana manusia itu tiada upaya untuk memilih, kerana ia sudah diqadakkan demikian, maka manusia itu tidak diambil kira akan akibatnya, tetapi jika manusia ada daya memilih, maka ia bertanggungjawab atas akibatnya.

Pada keseluruhannya pelajaran Tauhid ini mengajar tentang mempercayai bahawa Allah itu satu dan menyimpulkan ke dalam hati dengan tiada paksaan, bahawa Tuhan itu hanyalah Allah s.w.t. Dalil-dalil mengenainya serta rukun-rukun beriman kepadanya adalah kunci kepada tercapainya tujuan yang asal tadi.

Fiqh

Fiqh bererti 'faham'. Di kalangan ulama-ulama *Fiqh* diertikan dengan sesuatu ilmu yang membicarakan hukum-hukum syara' yang difaham dari dalil *tafsili*.¹⁵ Dengan itu ilmu *fiqh* bukanlah sesuatu yang abstrak. Ilmu ini boleh diambil sebagai panduan dalam perjalanan hidup bermasyarakat sehari-hari.

Ilmu *fiqh* ini dibahagikan kepada empat bahagian: hukum-hukum beribadah, hukum-hukum *mu'amalah* (hal-hal yang diamalkan oleh manusia dalam masyarakat), hukum-hukum *munakahah* (hal-hal nikah kahwin dan urusan rumahtangga), dan hukum-hukum jenayah.

Hukum-hukum beribadah terbahagi kepada dua:

1. Ibadah wajib, 2. Ibadah sunat (tidak mesti dilakukan). Hukum yang wajib terbahagi lagi kepada dua: 1. *fardu 'ain*, 2. *fardu kifayah*.

Fardu 'ain ialah yang wajib bagi tiap-tiap orang Islam untuk mengerjakannya, seperti syahadah,¹⁶ sembahyang,¹⁷ berpuasa pada bulan Ramadan, menunaikan fardu haji jika mampu dan membayar zakat.

Dalil-dalil dalam al-Quran mengenai tiap-tiap diwajibkan tadi mengikuti tiap penerangan. Misalnya, mengenai kewajipan bersembahyang terdapat dalam surah Toha ayat 14, ayat-ayat dan surah al-Mukminun ayat 182. Bagi zakat pula terdapat dalil dalam surah al-Baqarah ayat 43, dan al-Taubat ayat 103.

Setelah dalil-dalil diberikan, cara-cara mengerjakan kewajipan tadi juga diterangkan. Misalnya, apakah tujuan bersembahyang, apakah syarat-syarat sahnya sembahyang, bagaimana caranya (juga bacaannya). Demikian juga bagi zakat, soal-soal seperti apakah erti zakat, apakah benda-benda yang diwajibkan zakat, siapa

¹⁵Erti *Fiqh* telah diambil dari buku Abd. Aziz Andik Acuk, *Ilmu Usul Al-Fiqh*, tingkatan VI, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hal. 7.

¹⁶Syahadah ialah naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan bahawa Muhammad itu Pesuruh Allah. Syahadah dilakukan dalam tiap-tiap sembahyang.

¹⁷Sembahyang yang wajib ini ialah sembahyang lima waktu, iaitu zuhur, asar, maghrib, isyak dan subuh dan sembahyang Jumaat.

pula yang boleh menerima zakat telah diajar pada penuntut-penuntut di sini.

Fardu Kifayah pula ialah amalan yang wajib bagi sesiapa sahaja dalam sesebuah masyarakat, sedangkan ia tanggungjawab wajib bagi orang-orang yang lain, dan jika tiada dikerjakan langsung maka semua orang di dalam masyarakat itu akan menanggung dosanya. Misalnya, dalam suatu kematian, menyembahyangkan mayat itu adalah ditunai oleh beberapa orang sahaja. Tetapi jika tiada orang langsung untuk menyembahyangkan mayat, maka seluruh masyarakat dikira bersalah. Demikian juga, sembahyang fardu adalah *fardu 'ain*, tetapi sembahyang berjemaah (berkumpul) itu adalah *fardu kifayah* kerana ia merapatkan lagi sesebuah masyarakat, supaya penghuni-penghuninya bekerjasama. Adalah menjadi *fardu kifayah* juga bagi seseorang atau beberapa orang anggota dalam sebuah masyarakat Islam untuk menjadi doktor. Sekiranya tiada doktor langsung, maka seluruh masyarakat akan menanggung dosanya. Oleh itu sangatlah perlu bagi tiap-tiap masyarakat untuk mempunyai ahli-ahli yang berpengetahuan ikhtisas dalam semua bidang yang berfaedah.

Ibadah *sunnat* pula ialah satu amalan yang jika dikerjakan akan mendapat pahala,¹⁸ tetapi jika ditinggalkan tidak mendapat dosa. Tujuan ibadah *sunnat* ini adalah untuk menampung segala kekurangan-kekurangan yang terdapat semasa mengerjakan ibadah yang wajib tadi. Misalnya ibadah *sunnat* ialah seperti bersedekah kepada anak yatim, sembahyang *sunnat*, puasa pada hari Isnin dan Khamis, dan lain-lain.

Bahagian kedua ilmu Fiqh ini ialah tentang hukum-hukum *mu'amalah*, iaitu mengenai hal-hal yang meliputi amalan-amalan biasa manusia dalam masyarakat sehari-hari. Ia meliputi hal-hal perdagangan atau perniagaan termasuklah tempah menempah barang-barang, hutang piutang, dan lain-lain. Pengajaran mengenai ini diikuti pula dengan dalil-dalil dari al-Quran. Misalnya; dalam surah al-Baqarah ayat 282:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

¹⁸Pahala ialah ganjaran yang didapati oleh kerana sesuatu amalan yang baik, yang akan diberikan oleh Allah kepada manusia yang beramal tadi.

فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ
يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِينَ عَلَيْهِ الْحَقُّ
وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي
عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ
هُوَ فليَمْلِكْ وَلِيٌّ بِالْعَدْلِ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ

Bererti: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menuliskannya (hutang dan masa bayarannya). Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu hendaklah ia menulis dan orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah, Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat itu), maka hendaklah direncanakan oleh seorang walinya dengan adil; dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki di antara kamu.....".

Bahagian *mu'amalah* ini juga membincangkan mengenai *faraid* atau pembahagian harta pusaka mengikut ajaran Islam dan juga menerangkan tentang zakat yang dikenakan atas hasil perusahaan atau cukai terhadap diri. Ia juga meliputi hal-hal yang bersangkutan dengan pertanian, buruh dan pemburuan serta hal-hal mengupah.

Bahagian ketiga pula ialah mengenai hukum-hukum *munakahah* atau hal-hal nikah kahwin, dan urusan rumahtangga. Pelajaran ini membincangkan tentang syarat-syarat perkahwinan dan perceraian mengikut al-Quran dan Hadis. Ia menerangkan juga tentang siapa yang boleh dikahwini atau tidak; berapa orang isteri dibenarkan bagi seorang lelaki dan bagaimana; siapa pula yang harus diceraikan dan tidak. Ia juga meliputi hal-hal mengenai pemberian nafkah kepada anak-anak dan isteri atau kepada isteri-isteri, ini termasuk nafkah lahir dan batin. Dalil-dalil dari al-Quran didapati dari surah al-Baqarah ayat 223; al-Nisa, ayat 19 - 25.

Bahagian terakhir ialah mengenai hukum-hukum jenayah. Hukum-hukum ini dijalankan di atas dasar undang-undang Islam, dan ini dikenakan atas kesalahan-kesalahan awam, seperti kesalahan

mencuri. Hukum yang boleh dikenakan ke atas seorang pencuri itu ditimbangkan atas apakah jenis barang yang telah dicurinya, apa yang menyebabkan ia mencuri. Hanya kecurian pada kadar minima tertentu yang memenuhi syarat-syarat wajib dipotong tangannya, maka baharulah seseorang pencuri itu dihukum potong tangannya.

Kes-kes awam yang lain seperti memakan harta anak yatim dan makan riba termasuk dalam bahagian ini. Contoh-contoh hukuman yang boleh dikenakan terdapat dalam al-Quran seperti dari surah Ali 'Imran ayat 130, al Baqarah ayat 275 dan ayat 278.

Hukuman bagi kesalahan jenayah juga ada diterangkan. Kesalahan seperti membunuh ada yang dikenakan hukuman bunuh, atau membayar ganti rugi sekiranya keluarga si mati menyetujuinya, dan ada juga yang cukup dengan hanya diperintahkan supaya pembunuh memerdekakan seorang hamba yang beragama Islam. Ini semua ditimbangkan mengikut darjah kesalahan tersebut, dan semuanya berpandukan petunjuk dari al-Quran.

Usul-ul-Fiqh

'Usul' bererti 'asas', dan *fiqh* ialah hukum-hukum. Dengan itu *Usul-ul-Fiqh* ialah asas atau dalil bagi hukum-hukum, iaitu hukum syarak. Dengan lain-lain perkataan ia adalah ilmu yang membicarakan kaedah-kaedah yang dijadikan perantaraan untuk mengeluarkan (memahami) hukum-hukum syarak yang praktikal dari dalil-dalil yang tafsil atau teliti.¹⁹ Tujuan pelajaran ini ialah supaya seseorang itu dapat menghadapi masalah-masalah yang bersangkutan dengan hukum-hukum syarak yang belum dapat diselesaikan, walaupun sudah sangat ramai ulama yang telah memberikan tafsiran atau pandangan mengenai hukum-hukum Islam. Ini sangat perlu kerana di dalam al-Quran hukum-hukum yang wajib, atau haram, dan lain-lain itu tidak disenaraikan seperti undang-undang yang dibuat oleh manusia. Misalnya dalam al-Quran ada tersebut, "وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ")

Maksudnya, "janganlah kamu menghampiri harta anak-anak yatim". Fahamannya di sini ialah, adalah haram untuk memakan harta anak-anak yatim. Pengharaman itu adalah hasil dari pendapat ulama-ulama, terutama yang mengkaji *Usul-ul-Fiqh*.

Pelajaran ini memberi penerangan mengenai takrif hukum

¹⁹Maksud *Usul-ul-fiqh* ini diambil dari buku Abd. Aziz Andek Acok, *op. cit.*, hal. 7.

syarak dan apakah bahagian-bahagiannya. Dari sini timbul pula hukum-hukum yang wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Tiap-tiap satunya diberikan contoh-contoh dari al-Quran, hadis Nabi Muhammad,²⁰ ijma' ulama²¹ dan *alqiyas*.²²

Takrif bagi tiap unsur hukum-hukum itu diberikan. Misalnya, bagi unsur yang didapati dari al-Quran, yang dibincangkan ialah al-Quran sebagai punca hukum itu sendiri. Takrif al-Quran diterangkan; hal-hal tentang hukum bacaan al-Quran itu sendiri mengenai ayat 'Bismillah-ir-Rahman-ir-Rahim', dan dilalatul Quran²³ kepada hukum.

Demikian juga ditakrifkan unsur hukum dari hadis; takrif hadis; bahagian-bahagian hadis; kedudukan hadis; *syarat rawi*,²⁴ Hadis Mursal...²⁵ meriwayatkan hadis.²⁶

Usul-ul-Fiqh juga menerangkan tentang apakah hukum yang ditakrifkan sebagai perintah, tegahan, hukum-hukum 'am, *mutlak* dan *muqaiyid*,²⁷ *mantuq* dan *mafhum*,²⁸ *nasakh*.²⁹

Contoh-contoh hukum perintah ialah seperti

“ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ”

maksudnya, “hendaklah kamu mendirikan sembahyang dan

²⁰Hadis ialah perkara yang berupa perkataan atau perbuatan atau pengakuan yang datang dari Nabi Muhammad.

²¹Ijma' ualama' bererti persepakatan para ulama *mujtahidin* daripada umat Nabi Muhammad terhadap sesuatu hukum syarak pada suatu masa selain dari zaman baginda.

²²*Al-Qias* ialah persamaan antara sesuatu tempat dengan tempat yang lain pada *illat* hukum syarak, *illat* ini tidak mudah difaham semata-mata dari dalil hukum itu dengan semata-mata berpandukan fahaman bahasa.

²³*dilalatul Quran* bererti pengertian Quran.

²⁴*Syarat rawi* ialah syarat bagi seorang yang menceritakan hadis itu, misalnya, ia harus seorang yang boleh membezakan antara baik dan buruk, tepat hafalannya.

²⁵*hadis mursal* ialah hadis yang diriwayatkan oleh orang yang adil, tanpa cerita yang bersambung-sambung.

²⁶*meriwayatkan hadis* bererti menceritakan hadis.

²⁷*mutlak* ialah perkataan bagi sesuatu makna yang menyeluruh tanpa ikatan atau kaitan yang bersendirian; *muqaiyid* ialah perkataan yang memajukan sesuatu makna yang menyeluruh dengan ikatan yang bersendirian.

²⁸*mantuq* dan *mafhum* bererti sesuatu makna yang ditunjuk oleh perkataan pada tempat penyebutannya.

²⁹*nasakh* bererti terhentinya suatu hukum syarak dengan adanya dalil syarak yang kemudian membatalkannya.

mengeluarkan zakat". Kebanyakan ulama berpendapat bahawa hukum perintah yang sebenarnya ialah wajib.

Contoh hukum tegahan pula seperti "كُفَّ عَنِ الزِّنَا"

yang bermaksud, "berhentilah dari melakukan zina". Dan kebanyakan ulama bersependapat bahawa ayat-ayat yang serupa ini adalah satu tegahan dan hukumnya adalah haram.

Kesimpulannya, pelajaran Usul-ul-Fiqh ini menghuraikan tentang hukum-hukum yang wujud dalam bidang ilmu Fiqh.

Hadis

Takrif hadis sebagaimana yang dikemukakan oleh *Jumhur-ul-Muhaddithim* atau perhimpunan ahli-ahli Hadis, ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. baik berupa perkataan, perbuatan, pernyataan, dan sebagainya.³⁰

Hadis-hadis ini telah dikumpulkan oleh para ulama dan dijadikan buku-buku atau panduan-panduan bagi semua orang Islam. Sesungguhnya orang Islam menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan hidup mereka.

Sebenarnya hadis-hadis ini mula-mula disampaikan oleh sahabat-sahabat Nabi Muhammad, atau kaum keluarganya atau orang-orang lain yang pernah mendengar atau melihat Nabi berkata atau berbuat sesuatu yang berkaitan dengan hidup sehari-hari. Orang-orang yang menjadi 'rawi' atau penyampai hadis ini semestinya orang-orang yang dapat disahkan kedudukannya dan boleh dipercayai, maupun ia seorang kanak-kanak.

Hadis-hadis Nabi Muhammad ini menduduki tempat kedua di samping al-Quran. Hadis juga mengeluarkan hukum-hukum syarak. Ini terbukti dari firman Allah dalam al-Quran,

"وَمَا يَنْطَلِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ"

bermaksud "Dan ia, Muhammad s.a.w., tidak berkata-kata menurut hawa nafsu, sesungguhnya kata-kata itu wahyu yang diwahyukan".³¹

Kitab-kitab hadis mengandungi 3 bahagian, iaitu:

1. Berupa penyokong dan penguat terhadap kandungan al-Quran,

³⁰ Fachtur, Rahman, *Ikhtisar Mushthalahu'l Hadis*, Bandung, PT Al-Ma'arif, 1974, hal. 6.

³¹ Surah al-Najm ayat 3 & 4.

kerana ia mengandungi hukum-hukum yang wajib, seperti wajib bersembahyang, berpuasa, zakat, haram mensyirikkan Allah dan sebagainya,

2. Berupa penerangan dan penjelasan kepada kandungan al-Quran yang tersebut dengan ringkas sahaja, dan

3. Berupa hukum-hukum yang baharu, dan tidak pernah tersebut dalam al-Quran, seperti hadis yang mengandungi hukum haram bagi daging binatang buas yang bertaring dan daging keldai jinak.

Contoh-contoh hadis yang wujud dari perkataan Nabi yang pernah didengar ialah,"

” إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَّا نَوَىٰ ” ber-

erti “Bahawa amal-amal perbuatan itu dengan niat, dan hanya bagi setiap orang itu memperoleh apa yang diniatkan”.

(Riwayat Bukhari Muslim)

Contoh perbuatannya bagi perbuatan yang wajib pula seperti,”

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي عَلَى رَأْسِهِ حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ فَإِذَا أَرَادَ الْفَرِيضَةَ نَزَلَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ (البخاري)

Bererti: Adalah Rasulullah s.a.w. bersembahyang di atas kenderaan (dengan mengadap kiblat) menurut arah kenderaan itu mengadap. Apabila hendak sembahyang fardu, beliau turun sebentar, dan terus mengadap kiblat”. (Riwayat Bukhari) maksudnya, sembahyang adalah perbuatan yang wajib, dan boleh dilakukan di mana-mana asalkan tempat itu bersih.

Contoh hadis yang menerangkan hukum yang tersebut dengan

ringkas dalam al-Quran, seperti,” حُدُّوا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ ”

bererti “Ambillah daripada aku cara-cara mengerjakan haji”. Dalam kitab-kitab hadis banyak petunjuk dikemukakan mengenai ibadat haji.

Hadis mengenai hukum yang baru, yang tidak tersebut dalam al-Quran, terdapat seperti dalam contoh di satu jamuan di mana sahabat Nabi, Khalid ibn al Walid, telah menghidangkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. masakan daging *dhabb* (sejenis binatang seperti biawak). Lalu Nabi mengatakan,”

لَا وَلَكِنْ لَمْ يَكُنْ بِأَرْضِ قَوْمِي فَأَجِدُنِي أَعَافَهُ. قُلَّ خَالِدٌ فَاخْتَرْتُهُ

فَأَكَلْتَهُ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْظُرُ إِلَيْهِ - (متفق عليه)

bererti, "Tidak. Berhubung dengan binatang ini tidak terdapat di kampungku, aku jijik kepadanya". Khalid lalu berkata, "Segera aku memotongnya dan memakannya, sedang Rasulullah s.a.w. melihat kepadaku". Hadis ini dari riwayat Bukhari dan Muslim.

Tindakan Khalid dan sahabat-sahabatnya yang makan daging dhabb itu tidak ditegah oleh Nabi s.a.w., hanya diperhatikan sahaja. Keengganan beliau makan daging tersebut ialah kerana beliau jijik melihatnya. Dengan ini orang Islam mengambil hadis itu sebagai satu contoh tidak akan memakan sesuatu yang dipandang jijik.

Hadis-hadis yang lain meliputi juga hal-hal cara-cara bersuci. Ini termasuklah soal-soal mengenai sucinya air, sucinya bekas atau tempat; hal kesucian dalam masjid, kesucian pada pakaian, pada diri sendiri, termasuklah tentang kesihatan. Dalam hadis-hadis nabi termasuk juga perkara-perkara mengenai zakat, wakaf, faraid, wanita, pikah, hal-hal jenayah, jihad³² dan lain-lain.

Oleh kerana hadis-hadis itu datangnya daripada sahabat-sahabat, kaum keluarga Nabi s.a.w. atau orang-orang yang pernah mendengar atau melihat Nabi s.a.w. membuat sesuatu, maka semestinya ada hadis yang *sahih*³³ dan juga ada yang *dha'if*.³⁴ Untuk menentukannya, pelajaran Mustalah-ul Hadis memainkan peranan yang penting.

Mustalah-ul Hadis

Kalau pelajaran Usul-ul Fiqh menghuraikan tentang hukum-hukum yang terkandung dalam ilmu Fiqh, maka Mustalah-ul Hadis menghuraikan kebenaran sesuatu hadis. Ia sebenarnya ialah, "Undang-undang (Kaedah-kaedah) untuk mengetahui hal-ehwal *sanad*,³⁵ *matan*,³⁶ cara-cara menerima dan menyampaikan Hadis, sifat-sifat *rawi* dan sebagainya".³⁷

Tujuan pelajaran ini ialah untuk menetapkan dapat diterimanya

³²*jihad* bererti berkorban atas jalan agama.

³³hadis *sahih* ialah hadis yang disampaikan oleh seorang *rawi* yang adil.

³⁴hadis yang *dha'if* adalah yang kekurangan syarat *sahih* hadis.

³⁵*sanad* bererti orang-orang yang telah menghubungkan sesuatu hadis dengan nabi.

³⁶*Matan* ialah hadis yang dikeluarkan oleh Nabi sendiri.

³⁷Fathur Rahman, *op.cit.*, hal.55.

atau ditolaknya sesuatu Hadis dan selanjutnya untuk diamalkan yang diterima ditinggalkan dan yang ditolak.

Mengikut Ibn Khaldun dalam pendahuluannya mengenai Musthalah-ul Hadis ini sebagai berikut,

"Di antara faedah ilmu Hadis ialah penelitian pada *sanad-sanad* dan mengetahui sesuatu dari Hadis-Hadis yang wajib diamalkan yang terdapat pada *sanad-sanad* yang sempurna syarat-syaratnya. Sebab pengalaman itu hanya diwajibkan, lantaran berdasarkan *dhann* (sangkaan yang kuat) tentang kebenaran dari Hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itu, hendaklah berijtihad mencari *rawi-rawi* Hadis tentang keadilan dan kuatnya ingatan".³⁸

Pelajaran Mustalah-ul Hadis membahagikan Hadis kepada dua, Hadis *al-Mutawatir* dan *al-Ahad*. Hadis *al-Mutawatir* bererti hadis yang telah disampaikan oleh *rawi-rawi* bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah benar-benar bersabda, berbuat atau menyatakan ikrar (persetujuan)nya di hadapan para sahabat, berdasarkan sumber-sumber yang banyak. Dengan itu hadis *al-Mutawatir* adalah hadis yang tidak dapat disangkal lagi kebenarannya.

Hadis *al-Ahad* masih mempunyai unsur-unsur yang masih boleh diragukan. Oleh itu ia harus diselidik dan diperiksa lagi tentang kebenarannya. Dengan ini, setelah penyelidikan dibuat, hadis *Ahad* boleh diterima atau ditolak. Pemeriksaan hadis *Ahad* inilah yang menimbulkan pula jenis-jenis hadis *shahih*,³⁹ *hasan*⁴⁰ dan *dha'if*.⁴¹

Pelajaran Mustalah-ul Hadis membincangkan juga tentang apakah syarat-syarat hadis yang *shahih*, *hasan*, dan juga yang *dha'if*. Demikian juga ia membincangkan apakah martabatnya hadis-hadis tersebut dan bagaimana ia diklasifikasikan.

Selain dari menerangkan tentang jenis-jenis hadis sendiri, Mustalah-ul Hadis juga menerangkan tentang orang-orang yang meriwayatkan Hadis itu. Ia membincangkan sama ada periwayat itu, kanak-kanak orang kafir, atau orang fasik. Mengikut kebanyakan *Muhaddithin*, umur tidak membatasi sah atau tidaknya hadis yang telah disampaikan, asal sahaja orang itu, atau kanak-kanak itu boleh membandingkan antara yang baik dan buruk. Hadis yang disampaikan oleh seorang kafir pula boleh diterima jika ia disampaikan

³⁸*ibid.*, hal. 56.

³⁹Keterangan di hal. 70.

⁴⁰Hadis *Hasan* ialah hadis yang pada *sanadnya* tiada yang dapat orang yang dituduh dusta, tiada terdapat kejanggalan pada *mata* dan hadis itu diriwayatkan tidak dari satu jurusan sahaja.

⁴¹Keterangan di hal. 70.

semula apabila ia sudah masuk Islam. Demikian juga hadis yang disampaikan oleh seorang fasik, ia boleh diterima apabila ia sudah bertaubat, dan diakui sebagai seorang yang adil.

Kesimpulannya, pelajaran Mustalah Hadis ini mesti dapat menilai hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang telah disampaikan oleh beberapa dan berbagai golongan manusia dan dengan berbagai cara itu. Dengan itu sesebuah hadis itu tidak akan diterima dengan melulu sahaja.

Al-Quran

Mempercayai pada al-Quran adalah memenuhi rukun Iman yang ketiga. Al-Quran adalah kitab yang akhir diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada rasul-Nya yang akhir, Nabi Muhammad s.a.w. Sebelum ini Allah s.w.t. telah menurunkan tiga buah kitab dan beberapa suhuf yang lain kepada rasul-rasul yang sebelumnya. Kitab-kitab itu ialah Kitab Zabur, Injil dan Taurat. Kalau kitab-kitab ini hanya sesuai bagi manusia pada waktu-waktu atau zaman kitab-kitab tersebut diturunkan, al-Quran adalah kitab yang melengkapi ketiga-tiganya. Ia mengandungi kisah sejarah nabi-nabi dan rasul-rasul serta umat-umat mereka sebelum zaman Nabi Muhammad. Ia juga mengandungi hukum-hukum bukan sahaja mengenai tentang tauhid kepada Allah s.w.t., tetapi juga mengenai hukum-hukum kehidupan di dunia. Hukum yang lengkap ini menjadikan al-Quran sebagai buku panduan hidup orang Islam.

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ
مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ .

Bererti: "Katakanlah (wahai Muhammad), sesiapa yang memusuhi Jibril (maka sebabnya ialah kerana) Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk serta memberi khabar gembira bagi orang-orang yang beriman"⁴²

Al-Quran mengandungi berbagai ilmu pengetahuan. Di antaranya mengenai hal-hal ekonomi, dan sosial serta ilmu pengetahuan seperti sains. Contohnya terdapat dalam firman Allah,

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ رِيشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ

⁴²Surah al-Baqarah, ayat 97.

مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ.

Bererti: "Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, pada hal kamu mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)."⁴³

Jika ditafsirkan 'dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki' bermaksud bahawa air adalah satu unsur pertumbuhan yang dapat menjadi makanan kepada manusia.

Oleh itu al-Quran tidak boleh diperkecilkan nilainya,

وَأْمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أُولَ
كَافِرٍ بِهِ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّايَ فَاتَّقُونِ.

Bererti: "Dan berimanlah kamu dengan apa yang aku turunkan (al-Quran) yang mengesahkan benarnya kitab yang ada pada kamu, dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan Dia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayat-Ku (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya, dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertakwa."⁴⁴

Orang-orang yang beragama Islam wajib mengikuti ajaran al-Quran sebagai panduan hidup. Untuk memudahkan lagi mereka dari memahaminya maka itulah ditimbulkan cabang-cabang ilmu pengetahuan yang lain, seperti ilmu Tauhid, Fiqh, Tasawuf, Tajwid, Faraid dan lain-lain.

Di Madrasah Saadiyah-Salihiah, mata pelajaran al-Quran ditumpukan pengajiannya kepada cara-cara membacanya dengan betul secara amali. Sedangkan petikan-petikan ayat al-Quran akan diambil untuk digunakan bagi menerangkan kenyataan-kenyataan dalam ilmu Tauhid, atau menerangkan hukum-hukum dalam ilmu Fiqh, atau contoh-contoh pembahagian harta seperti yang tersebut dalam al-Quran bagi ilmu Faraid, dan seterusnya.

⁴³Surah al-Baqarah, ayat 22.

⁴⁴*ibid.*, ayat 41.

Tafsir al-Quran

Sebagaimana yang dapat dilihat di dalam pembahagian waktu bagi tiap-tiap mata pelajaran,⁴⁵ jelaslah bahawa pelajaran Tafsir al-Quran ini hanya dimulai dari darjah lima hingga darjah tujuh. Murid-murid dalam darjah-darjah ini kebanyakannya sudah meningkat umur antara 15 tahun ke atas: Jadi adalah diharapkan bahawa mereka sudah mampu untuk memahami tafsiran-tafsiran dari Al-Quran itu.

Pelajaran tafsiran al-Quran ini tidak dipilih mengikut topik-topik yang tertentu, tetapi dimulai secara terus dari juz (bahagian Pertama dalam al-Quran hinggalah ke akhirnya, iaitu ke-30 Tafsiran diberikan ayat demi ayat.

Misalnya, dari ayat 23, Surah al-Baqarah.

وَإِتَّكُمُ فِي رَبِّ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ
مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Ertinya: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang kami turunkan (al-Quran) kepada kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

Tafsirannya ialah: Kitab suci al-Quran-ul-Karim, yang telah diwahyukan oleh Allah Ta'ala kepada Nabi Muhammad s.a.w. ialah *mukjizat*⁴⁶ yang besar sekali, yang berkekalan hingga hari *qiyamat*. Kaum Arab yang mengingkarinya, yang terkenal petah dan banyak sasterawan pujangganya, telah dicabar oleh Allah Ta'ala dalam ayat ini supaya membuat satu 'surah' yang sebanding dengan Al-Quran. Tetapi mereka tidak dapat membuatnya dan tidak ada siapa pun yang akan dapat membuatnya.

Cabaran ini berulang kali ditujukan kepada mereka dalam surah-surah al-Quran yang daturunkan di Mekah, dan Madinah, seperti surah Yunus, ayat 37 & 38; surah Hud, ayat 11; surah al-Israk, ayat 88 dan surah al-Qasas, ayat 49⁴⁷

⁴⁵ Lihat kajian ini, hal. 79.

⁴⁶ *Mukjizat* berasal dari perkataan Arab yang bererti perkara atau kebolehan yang luar biasa yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada rasul-Nya. Misalnya *Mukjizat* Nabi Muhammad ialah al-Quran, *mukjizat* Nabi Musa ialah kebolehannya mengalihkan sihir. *Mukjizat* nabi Isa ialah mencelikkan orang yang buta.

⁴⁷ Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia Barat, *op.cit.*, Jilid I, hal. 10.

Bukan tiap-tiap ayat di dalam al-Quran itu mesti ditafsirkan. Banyak ayat-ayat yang mudah dan terang yang boleh difahamkan secara terus. Dalam hal-hal yang seperti ini, erti kepada ayat itu sudah mencukupi. Misalnya, dalam ayat ini,

يَبْنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوَاتِكُمْ وَرِيثًا وَلِبَاسِ
التَّقْوَى ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ

Ayat ini sangat terang dan ertinya ialah:

“Wahai anak-anak Adam sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian untuk menutup aurat⁴⁸ kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa⁴⁹ itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah dan (rahmat⁵⁰ Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenang-Nya (dan bersyukur⁵¹).⁵²

Dengan itu ayat seperti di atas tidak perlu lagi ditafsirkan.

Tafsiran al-Quran ini boleh dibuat berbagai cara. Ada yang menggunakan tafsiran berdasarkan sejarah, seperti untuk tafsiran yang pertama tadi.⁵³ Ada juga yang menggunakan unsur-unsur hadis. Misalnya, dalam ayat ini,

يَبْنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا
تَسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Bererti: Wahai anak-anak Adam pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.⁵⁴

⁴⁸Aurat dari Bahasa Arab, bererti bahagian-bahagian badan yang wajib dilindungi dari penglihatan umum, misalnya bahagian badan yang di bawah pusat bagi seorang lelaki dan semua bahagian kecuali muka dan tapak tangan bagi seorang perempuan.

⁴⁹Taqwa juga dari Bahasa Arab, bererti ketaatan mengerjakan perintah Allah.

⁵⁰Rahmat juga dari Bahasa Arab, bererti kurnia.

⁵¹Syukur dari Bahasa Arab bererti terima kasih.

⁵²Surah Al-A'raf, ayat 26.

⁵³Lihat kajian ini, hal. 74.

⁵⁴Surah al-A'raf, ayat 31.

Tafsirannya ialah:

Di dalam hadis Nabi Muhammad s.a.w. juga ada diterangkannya supaya kita berhias dengan memakai pakaian yang indah ketika hendak ke masjid mengerjakan sembahyang, terutama pada hari Jumaat, dan Hari Raya, dan juga memakai bau-bauan yang semerbak harum.

Dalam hadis itu juga bahawa Nabi telah bersabda maksudnya, "Makanlah serta minumlah, dan bersedekahlah, dan juga pakailah (pakaian yang baik-baik serta berhiaslah), asalkan jangan kerana bermegah-megah dan menyombong, dan jangan pula melampau-lampau; kerana Allah suka melihat kesan nikmat-nikmat-Nya kepada hamba-Nya" (Hadis ini diambil dari Ibnu Majah dan al-Nisai)⁵⁵

Tujuan pengajaran tafsir al-Quran ialah supaya pelajar-pelajar mengetahui dengan sebenarnya isi al-Quran. Dengan pengetahuan ini diharapkan dapatlah mereka mengetahui dengan jelasnya ilmu-ilmu pengetahuan yang lain yang berkaitan dengan keimanan kepada Allah dan segala hal-hal keagamaan, serta dapat mengamalkan segala ajaran al-Quran dalam hal-hal kehidupan mereka sehari-hari, sama ada yang bersangkutan dengan politik, ekonomi atau sosial.

Tasawuf

Perkataan Tasawuf berasal dari berbagai takrif. Ada yang mengatakan Tasawuf berasal dari perkataan Arab 'suf' yang bererti bulu binatang, sebab orang-orang yang memasuki tasawuf ini memakai baju dari bulu binatang, kerana mereka benci kepada pakaian-pakaian yang indah-indah. Mengikut Hamka, "Tasawuf adalah pelajaran untuk membersihkan hati, atau memakai baju yang sederhana, tidak menyerupai pakaian orang-orang dunia, biar hidup kelihatan kurus kering bagai kayu di padang pasir, tahu memperdalam penyelidikan tentang perhubungan *makhhluk*⁵⁶ dengan *khaliqnya*"^{57 58}

Mengikut Ibnu Khaldun pula, Tasawuf itu adalah semacam ilmu syari'ah yang timbul kemudian di dalam agama. Asalnya ialah bertekun, beribadat dan memutuskan pertalian dengan segala se-

⁵⁵Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Bagi Agama Islam - Malaysia Barat, op. cit., Jilid 1, hal. 278.

⁵⁶*Makhhluk* dari Bahasa Arab, bererti yang dibuat atau dijadikan. Maksudnya, segala yang lain selain Allah.

⁵⁷*Khaliq* juga dari Bahasa Arab, bererti Pembuat atau Allah.

⁵⁸Hamka (H. Abd. Malik Karim Amrullah), *Tasawuf Modern*, Melaka, Abbas Bandung, 1970, hal. 2.

lain dari Allah, hanya mengadap Allah semata-mata, serta menolak hiasan dunia, membenci perkara-perkara yang selalu memperdaya orang banyak, kelazatan harta benda, dan kemegahan. Dan menyedari menuju jalan Tuhan dalam khalwat dan ibadat.⁵⁹

Pelajaran Tasawuf yang diajarkan di Madrasah Saadiyah-Salihiyah mengajarkan tentang cara-cara bagaimana seorang itu boleh mencapai tujuan ilmu Tasawuf, sedekat mungkin. Dengan itu ia membincangkan tentang sifat-sifat peribadi yang sempurna yang harus ada padanya, dan megenal serta menjauhi sifat-sifat yang buruk.

Sifat-sifat yang baik yang harus ada pada seseorang itu digelar sifat *mahmudah*,⁶⁰ dan sifat yang buruk dinamai sifat *madzmumah*.⁶¹ Sifat-sifat yang tergolong di dalam golongan sifat *mahmudah* ialah orang suka bertaubat,⁶² takut kepada Allah, iaitu dengan mengerjakan apa yang disuruh dan menjauhi apa yang dilarang; *zuhud*, iaitu meninggalkan dunia sekadar yang tidak dapat tiada; sabar; bersyukur kepada Allah; ikhlas; *tawakkal*, iaitu berserah sepenuhnya kepada Allah; muhibah; *ridha*, iaitu merelakan diri; serta mengingati akan mati.

Sifat-sifat yang tergolong di dalam sifat *madzmumah* pula adalah sifat orang yang suka makan berlebihan; sifat terlalu banyak bercakap; pemaarah; dengki; kedekut kepada jalan Allah; sukakan kemegahan; sukakan dunia; membesarkan diri; merasai bahawa dirinya lebih sempurna dari orang lain; memperlihatkan amalan-amalan kepada yang lain.

Misal-misal serta faedah-faedah tiap-tiap satu sifat yang baik diterangkan. Ini berdasarkan pada hadis Nabi dan ayat-ayat al-Quran. Demikian juga misal-misal dan keburukan sifat yang dikeji diterangkan. Ini juga berdasarkan pada hadis-hadis dan ayat-ayat al-Quran.

⁵⁹*ibid.* hal. 2.

⁶⁰*Mahmudah* dari Bahasa Arab, bererti yang dipuji.

⁶¹*Madzmumah* dari Bahasa Arab, bererti sifat yang dibenci.

⁶²*Taubat* juga dari Bahasa Arab, bererti sesal akan perbuatan dosanya dan berazam untuk kembali kepada suruhan Allah dan meninggalkan larangannya.

Misal bagi sifat muhibah terdapat seperti yang tercatat dalam sebuah hadis nabi,

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ -
رواه البخاري

Bererti: Tidaklah beriman seseorang kamu, sebelum ia cinta kepada saudaranya sebagaimana cinta terhadap dirinya sendiri.⁶³

Contoh sebuah hadis mengenai sifat yang keji pula, iaitu sifat pemarah, seperti di bawah ini,

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ مَنْ مَلَكَ نَفْسَهُ
عِنْدَ الْغَضَبِ - رواه ابو داود

Bererti: Bukanlah orang yang gagah berani itu lantaran dia cepat melompat musuhnya di dalam pertempuran tetapi orang yang berani ialah orang yang biasa menahan dirinya dari kemarahan.⁶⁴

Ilmu Tasawuf seolah-olah hanya hendak menggalakkan manusia berusaha bersedia untuk hari mati sahaja, tetapi ia tidak melarang manusia memikirkan tentang kehidupan di dunia. Beberapa dalil hadis dan al-Quran yang menggalakkan manusia supaya berusaha, kerana kejayaan dari usaha ini akan memberikan kebahagiaan hidup juga kepada manusia. Dan kebahagiaan ini pula adalah satu faktor utama yang boleh menyebabkan seorang manusia itu bersifat sempurna dan dipuji. Contohnya terdapat dalam ayat ini,

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Bererti: Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum sebelum kaum itu mengubah nasibnya sendiri.⁶⁵

Demikian juga ayat ini,

فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ

Bererti: Maka berlumba-lumbalah kamu mengejar kebaikan.⁶⁶

⁶³Hadis ini diceritakan oleh Anas dan diriwayatkan oleh Bukhari.

⁶⁴Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Daud.

⁶⁵Surah ar-Ra'd, ayat 11.

⁶⁶Surah al-Baqarah ayat 148.

Kesimpulannya, ilmu ini cuba hendak mendidik orang-orang Islam supaya menjadi seorang manusia yang berguna di dalam masyarakatnya dengan mengamalkan amalan-amalan yang disukai Allah s.w.t. Manusia harus mendekati dirinya kepada Allah supaya senang di hari akhirat kelak, sebaliknya harus berusaha untuk mendapatkan kebahagiaannya di dunia.

Tajwid

Tajwid adalah mata pelajaran yang mengajarkan tentang cara-cara membaca al-Quran dengan betul dan tepat. Pembacaan yang tepat begini sangatlah penting sebab Bahasa Arab mempunyai ciri-ciri *prosody*⁶⁷ yang merupakan salah satu sifat yang terpenting. Misalnya, lihat dua ayat di bawah ini:

كَتَبَ مُحَمَّدٌ

(kataba Muhammadun)
Ertinya, Muhammad telah menulis

كَتَبَا مُحَمَّدَانِ

(Katabaa Muhammadaani)
Ertinya, Dua orang yang (kedua-duanya) bernama Muhammad telah menulis (kedua-duanya)

Dengan itu,

[kataba] yang dibacakan dengan pendek sahaja itu menunjukkan makna perbuatan oleh sorang; sedangkan, [katabaa] yang mesti dibaca dengan lebih panjang itu membawa erti perbuatan yang dibuat oleh dua orang. Demikian juga bagi (كَافِرٌ (kaafirun), bererti seorang kafir; dan, (الْكَافِرُونَ) (al kaafirun), bererti ramai orang kafir.

Contoh-contoh di atas menunjukkan satu ciri *prosody* dalam Bahasa Arab yang boleh membezakan erti perkataan.

⁶⁷Mengikut ilmu *Linguistic*, bahasa yang mempunyai ciri-ciri *prosody* adalah bahasa-bahasa yang mempunyai sifat-sifat pepanjangan, tekanan, dan nada dalam bunyi yang boleh membezakan erti. Jika tidak dibaca dengan betul maka erti perkataan itu akan salah. Lihat B. Bloch & G. Trager, *Outline of Linguistic Analysis*, Baltimore, Linguistic Soc. of America, 1942, hal. 34.

Di antara hukum-hukum Tajwid yang paling asas yang harus diketahui ialah hukum *idzhar*, *ihfak*, *idzghom* dan *iqlab*.

Idzhar ialah semua bunyi yang tiada dengung, dan disebut dengan terang. Misalnya,

مَنْ أَمَنَ ، يَهْتَوِ ، لِمَنْ خَافَ

Ihfak pula ialah penemuan bunyi antara bunyi yang terang (*idzhar*) dengan yang dengung. Misalnya,

وَلَكِنَّ كَانُوا ، فَأَنْجَيْنَاهُمْ

Idzghom ialah memasukkan suatu bunyi ke suatu yang lain, iaitu memasukkan huruf yang mati ke dalam huruf yang berbaris, dan jadilah huruf yang dimasukinya itu *tasydid*. Misalnya

وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ

Iqlab ialah menukarkan sebutan suatu huruf kepada yang lain dengan tidak bertasydid serta dengung padanya. Misalnya,

مِنْ بَعْدِ ، سَمِعَ بِصَيْرٍ

Tiap-tiap satu hukum itu pula mempunyai cabang-cabangnya yang lain.

Ilmu tajwid ini juga membincangkan tentang bila boleh memanjangkan vokal. Pemanjangan suara ini disebut 'mad'. Huruf-huruf 'mad' ada tiga, iaitu 'alif', 'ya' dan 'wau'. Dalam lambang-lambang fonetik, bunyi-bunyi 'mad' ini adalah bunyi-bunyi vokal [a], [i] dan [u]. Tiap-tiap satu vokal ini mempunyai pemanjangan sebanyak dua gerak atau *harakat*. Misalnya, 'mad' juga mempunyai cabang-cabangnya yang lain.

Ilmu Tajwid juga membincangkan mengenai *makhraj* atau tempat keluar segala bunyi. Dalam teori fonetik digelar *productive mechanism*.⁶⁸ Tempat-tempat di mana bunyi boleh dikeluarkan

⁶⁸K.L. Pike, *Phonetics, a critical analysis of phonetic Theory and a technic for the practical description of sounds.*, Michigan, The University of Michigan Press, 1964, hal. 85.

ialah, rongga kerongkong dan mulut, lidah, dua bibir dan pangkal hidung.

Sebenarnya ilmu Tajwid, dari segi-segi tertentu samalah dengan ilmu Linguistik. Seorang yang mahir membaca al-Quran adalah orang yang tahu ilmu Tajwid. Dan orang yang mahir dalam ilmu Tajwid pula adalah seorang tahu tentang bahasa Arab. Sebab itulah baik atau lemahnya bacaan Quran seseorang itu dinilai dari sejauh manakah ia boleh menggunakan pengetahuan tajwidnya. Walau bagaimanapun ajaran ilmu Tajwid di madrasah ini tidaklah disertai dengan gambar-gambar rajah serta lambang-lambang fonetik yang biasa digunakan oleh seorang pengkaji linguistik barat. Sudah semesti pula demikian kerana ilmu linguistik barat tidak pula boleh disamakan dengan linguistik Arab.

Faraid

Faraid ialah mata pelajaran mengenai pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan si mati, mengikut aturan agama Islam. Semua ini terdapat dalam al-Quran, surah al-Nisa (perempuan). Allah s.w.t. hendak memestikan bahawa anak-anak yatim yang ditinggalkan oleh si mati itu tidak akan teraniaya hidup mereka. Harta tinggalan itu pula tidak boleh diberikan kepada anak-anak yatim atau waris-waris yang lain yang berhak mengikut aturan Islam, sebelum mereka cukup umur (baligh). Ini adalah untuk menentukan bahawa pusaka itu tidak akan kucar-kacir pengendalianannya. Sekiranya waris-waris itu sudah sampai masa untuk menerimanya, pemberian itu pula mestilah disaksikan oleh saksi-saksi yang tertentu. Ini untuk memastikan bahawa tidak ada kekecohan akan berlalu. Semua ini terdapat dalam surah al-Nisa ayat-ayat 1 hingga 7. Pemberian harta kepada waris-waris ini adalah wajib. Firman Allah dalam al-Quran,

وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعْفًا خَافُوا
عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا .

Bererti: Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang (penjaga-penjaganya itu) yang jika ditakdirkan mereka (pula) meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka, oleh itu hendaklah mereka bertakwa

kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan yang betul (menepati kebenaran).⁶⁹

Cara-cara membahagikan harta pusaka itu dengan tepat, terdapat dalam ayat-ayat al-Quran di surah yang sama ayat 11 hingga 12.

Ayat 11:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَىٰ ۚ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُوهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ ۚ مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ زَيْنٍ ۚ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا ۖ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ۗ

Bererti: Allah memerintahkan kamu mengenai (Pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan, maka jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan (oleh si mati). Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati) tiap-tiap orang dari keduanya seperenam dari harta yang ditinggalkan (si mati), jika si mati itu mempunyai anak. Maka kalau si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya adalah sepertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan (oleh si mati), dan (sesudah) dibayar hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah adalah sentiasa mengetahui, lagi bijaksana.⁷⁰

⁶⁹Surah al-Nisa, ayat 9.

⁷⁰Surah al-Nisa, ayat 11.

Penerangan ini disambung lagi dengan ayat seterusnya:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُنْ لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَتْ لَّهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِن بَعْدِ وَصِيَّتِ يَوْمَئِذٍ بِهَا أَوْ دِيْنٍ ط وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُهُنَّ إِن لَّمْ يَكُنْ لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَتْ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثَّمَنُ مِمَّا تَرَكَتُهُنَّ مِن بَعْدِ وَصِيَّتِ يَوْمَئِذٍ بِهَا أَوْ دِيْنٍ ط وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَّةً أَوْ امْرَأَةً وَوَلَّهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِن كَانُوا أَكْثَرَ مِن ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثَّلَاثِ مِن بَعْدِ وَصِيَّتِ يَوْمَئِذٍ بِهَا أَوْ دِيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّتَهُ مِنَ اللَّهِ ط وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ .

Bererti: Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu, jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak dan kamu beroleh seperempat dari harta yang ditinggalkan mereka, sesudah (ditunaikan) wasiat yang mereka wasiatkan dan (sesudah) dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka isteri-isteri kamu) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi jika kamu ada mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan (sesudah) dibayar hutang (kamu). Dan jika si mati yang mewariskan itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan (oleh si mati), dan sudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat tersebut hendaklah tidak mendatangkan mudzarat (kepada waris-waris) (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah amat mengetahui lagi amat penyabar.

Waris-waris yang lain yang tidak termasuk dalam jadual di sebelah, adalah mereka yang ada kaitan persaudaraan dengan si mati, dan difikirkan oleh hukum atau orang-orang yang bertanggungjawab berkenaan dengan harta pusaka itu, untuk menerima sedikit bahagian mengikut keadaan kelayakan mereka. Termasuk di

sini adalah juga orang-orang miskin, walaupun akan ada hubungan persaudaraan. Ini berdasarkan kepada firman Allah dalam surah al-Nisa, ayat 8.

Termasuk juga ke dalam golongan saudara mara adik beradik adalah mereka yang adik beradik seibu. Sekiranya si mati (lelaki atau perempuan) tiada waris yang lebih dekat, iaitu anak, suami atau isteri, ibu atau bapa, maka adik beradik seibu tadi, iaitu seorang lelaki dan atau seorang perempuan, akan menerima $1/6$ dari hartanya. Jika adik beradik seperut ini lebih dari seorang lelaki dan atau seorang perempuan, maka $1/3$ dari hartanya akan dibahagikan sama rata, tidak mengira sama ada lelaki atau perempuan. Penerangan ini terdapat dalam surah al-Nisa.

Setelah harta dibahagi-bahagikan, dan masih terdapat kelebihan, maka harta yang selebihnya itu akan diserahkan ke Baitul Mal. Baitul Mal ialah perbendaharaan yang dipunyai oleh negara (kerajaan) Islam. Ia akan digunakan bagi kebajikan negara. Jika seorang itu tiada waris langsung, maka kesemua harta akan kembali ke Baitul Mal ini.

Pembahagian *Faraid* sebenarnya untuk menentukan saham bagi tiap-tiap orang lelaki dan perempuan yang bersangkutan waris dengan si mati. Tiap-tiap orang Islam yang berharta wajib mengikuti pembahagian-pembahagian yang telah ditetapkan. Ini bukan bererti bahawa harta yang sedikit mesti dipecah-pecahkan. Ini masih boleh dikekalkan dalam satu persyarikatan saudara mara. Bukankah persyarikatan sedemikian, jika dikendalikan dengan betul, lebih mudah dan selamat? Persyarikatan ini boleh diperbesarkan lagi. Pembahagian saham bagi tiap-tiap anggota masih tetap sama seperti yang sudah ditetapkan oleh hukum *faraid*. Seorang ahli waris yang berhak dan lebih berupaya, boleh membeli saham-saham yang dipunyai oleh anggota-anggota yang lain, jika mereka ingin menjualkan bahagian harta mereka. Walau bagaimanapun, jika harta yang sedikit itu hendak juga dipecahkan, hukum *faraid* tidak melarangnya. Di sinilah kerajaan dan masyarakat boleh memainkan peranan untuk 'menyelamatkan' pecahan-pecahan yang merugikan ini. Misalnya dengan mengadakan satu badan penasihat yang rasmi untuk memberikan pandangan apakah jalan yang paling baik bagi memperbaiki keadaan yang lemah itu. Atau bagaimanakah cara yang paling sesuai untuk mendapatkan faedah yang paling maksima daripada kumpulan harta yang sedikit itu.

Di Madrasah Saadiah-Salihiah, latihan-latihan bagi mem-

PEMBAHAGIAN HARTA MENGIKUT FARAIID

(Baca jadual ini ruang demi ruang secara berasingan)

JADUAL 3

Jika si mati itu (lelaki/perempuan) dan meninggalkan hanya seorang waris:

1. Seorang anak lelaki, atau	1. Seorang anak perempuan, atau	1. Anak-anak lelaki dan perempuan, atau	1. Anak-anak lelaki, atau	1. Anak-anak perempuan, atau	Suami/Isteri	1. Ibu, atau	1. Bapa, atau	Selebarnya dan
2. Seorang saudara lelaki/seibu/sebapa, atau	2. Cucu perempuan dari anak lelaki atau	2. Saudara-saudara lelaki dan perempuan seibu-sebapa/sebapa	2. Saudara-saudara lelaki seibu-sebapa/sebapa	2. Cucu-cucu dari anak perempuan atau	2 orang/lelah seibu/saudara lelaki seibu	2. 2 orang/lelah seibu/saudara lelaki seibu	2. Nenek, atau	Jika tiada waris
3. Cucu lelaki dari anak lelaki	3. Saudara perempuan seibu-sebapa/sebapa			3. Saudara-saudara perempuan seibu-sebapa/sebapa			3. Datuk, atau	
Semua	-	-	-	-	-	-	4. Seorang saudara seibu/sebapa/sebapa	-
-	1/2	-	-	-	-	-	5. Saudara perempuan seibu-sebapa, atau	Ke Baitul Mal
-	-	Lelaki 2x bahagian perempuan	-	-	-	-	6. Cucu perempuan dari anak lelaki dengan syarat	-
-	-	-	1 + x	-	-	-	-	-
-	-	-	-	2/3 + Y	-	-	-	Ke Baitul Mal
-	-	-	-	-	1/2 + 1/4	-	-	Ke Baitul Mal
-	-	-	-	-	-	1/3	-	Ke Baitul Mal
-	-	-	-	-	-	-	1/6	Ke Baitul Mal

x - Bilangan waris lelaki

y - Bilangan waris perempuan

Catatan: Jadual di atas telah disediakan oleh penulis berdasarkan al-Quran Suruh al-Nisa.

WARIS

PUSAKA DI WARIS

Jika si mati (lelaki/perempuan) meninggalkan waris-waris:

1. Seorang anak lelaki, atau 2. Seorang saudara lelaki seibu-sebapa/ sebapa, atau 3. Cucu lelaki dari anak lelaki	1. Seorang anak perempuan, atau 2. Cucu perempuan dari anak lelaki atau 3. Saudara perempuan seibu-sebapa	1. Anak-anak lelaki, atau 2. Saudara-saudara lelaki seibu-sebapa/sebapa	1. Anak-anak lelaki dan perempuan, atau 2. Saudara-saudara lelaki dan seibu-sebapa/sebapa	1. Anak-anak perempuan, atau 2. Cucu-cucu dari anak perempuan, atau 3. Saudara-saudara perempuan seibu-sebapa/sebapa	Suami/isteri	1. Ibu atau 2. 2 orang/lebih saudara lelaki seibu	1. Bapa, atau 2. Nenek, atau 3. Daruk, atau 4. Seorang saudara seibu, atau 5. Saudara perempuan sebapa, atau 6. Cucu perempuan dari anak lelaki dengan syara	Selebihnya
-	-	-	-	2/3 dari selebihnya + y	¼ / 1/8	1/6	1/6	Ke Baitul Mal
-	-	-	dari selebihnya, lelaki 2x bahagian perempuan	-	¼ / 1/8	1/6	1/6	-
-	Selebihnya - x	-	-	-	¼ / 1/8	1/6	1/6	-
-	¼ dari selebihnya	-	-	-	¼ / 1/8	1/6	1/6	ke Baitul-Mal
selebihnya	-	-	-	-	¼ / 1/8	1/6	1/6	-

* x - Bilangan waris lelaki

* y - Bilangan waris perempuan

Catatan: Jadual di atas telah disediakan oleh penulis berdasarkan al-Quran Surah al-Nisa

bagikan harta pusaka mengikut hukum *Faraidh* ini selalu diamalkan di dalam kelas.

Penunjuk tentang cara pembahagian harta sebagaimana yang diterangkan di dalam al-Quran itu telah dirumuskan oleh penulis dalam bentuk jadual. (Sila lihat di sebelah).

Mata Pelajaran Bahasa Arab

Mata pelajaran Bahasa Arab ini termasuklah mata pelajaran nahu. Sebagaimana pelajaran nahu bagi bahasa-bahasa yang lain, pelajaran nahu ini membincangkan tentang jenis-jenis perkataan, misalnya nama, perbuatan, kata sifat, sifat nama dan sifat kata, dan lain-lain. Ia juga melatih membuat ayat-ayat yang mudah, yang lama kelamaan akan ditambah dengan ayat-ayat yang lebih susah. Dengan ini pelajar-pelajar akan mengetahui apa dia *fi'il* (perbuatan), *isim* (nama), *harf* (partikel), *mu'tada* (subjek), *khabar* (predikat) dan lain-lain.

Pelajaran *Saraf* adalah lanjutan pelajaran nahu tadi; cuma pelajaran ini mengkhusus tentang penukaran atau kelainan-kelainan yang berlaku pada perbuatan jika perbuatan itu dibuat oleh satu atau seorang (*mu'raf*). Perbuatan ini berkelainan jika hendak menunjukkan bahawa ia digunakan untuk dua (*muthanna*), atau bagi bilangan banyak (*jamak*). Ia juga akan bertukar bagi kegunaan lelaki atau perempuan (*muzakkar* atau *mu'annath*). Semua penukaran ini mengikut undang-undang saraf Bahasa Arab yang tertentu. Semua penukaran-penukaran yang disenaraikan ini ada persamaan dengan *tasrif* dalam setengah-setengah bahasa lain, seperti bahasa Jerman.

Misalnya,

ضَرَبَ ، ضَرَبًا ، ضَرَبُوا ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْنَا ، ضَرَبْتِ ،
ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ، ضَرَبْتِ ،

Al-Lughah bererti bahasa. Jadi mata pelajaran ini ditumpukan untuk melatih pelajar-pelajar dalam penggunaan Bahasa Arab. Latihan-latihan yang dibuat adalah seperti memaham karangan, menghafal syair Arab, atau membuat ayat-ayat yang mudah bagi murid-murid di kelas-kelas rendah, dan ayat-ayat yang lebih susah di kelas-kelas yang lebih tinggi. Kalau semasa mempelajari nahu, undang-undang atau cara-cara, atau definasi-definasi kata ayat, dan lain-lain itu

diperkenalkan, mata pelajaran Lughah adalah cara-cara membuat latihan-latihannya dengan lebih praktik.

Mutala'ah ialah mengulangkaji dengan menggunakan teks tertentu bagi membaca, memaham dan menganalisa nahu dan pengertian. Satu masa khas diberikan kepada kelas-kelas tiga hingga tujuh bagi tujuan untuk mengulangkaji mata pelajaran yang telah diajarkan, selama seminggu. *Mutala'ah* ini dibuat secara kumpulan. Pelajar-pelajar boleh berbincang di kalangan mereka sendiri atau berbincang dengan guru-guru. Dengan ini adalah diharapkan supaya pelajar-pelajar akan dapat memahami betul apa yang telah diajarkan kepada mereka.

Insya adalah pelajaran karang-mengarang. Tajuk-tajuk yang selalu diberi adalah tajuk-tajuk yang mudah, yang berkaitan dengan keadaan keliling mereka, seperti tentang madrasah mereka, pelajaran yang mereka sukai, tentang cita-cita mereka, dan lain-lain. Hanya di kelas enam dan tujuh diberi tajuk yang berat seperti hidup di desa lebih baik dari hidup di kota dan lain-lain. Semua karangan ini ditulis dalam bahasa Arab.

Imla' adalah latihan merencana atau ejaan. Pelajaran ini hanya diajar dalam kelas dua hingga kelas empat sahaja.

Balaghah yang diajar di sekolah ini ialah pelajaran mengenai simpulan bahasa Arab. Dengan ini termasuklah perkara-perkara mengenai peribahasa, perbandingan, perumpamaan, *metaphora* dan juga kata-kata hikmat. Misalnya:

الْوَقْتُ كَالسَّيْفِ إِنْ لَمْ تَقْطَعْهُ قَطَعَكَ

Bererti: Masa itu seperti pedang. Jika kamu tidak memotongnya ia akan memotong kamu.

atau,

رَكِبْتُ سُلْحَفَةً

Bererti: Aku menunggang kura-kura. Maksudnya, aku berjalan sangat perlahan.

Ilmu mantiq adalah juga satu cabang ilmu bahasa. Tetapi ilmu mantiq ini khas untuk melatih pelajar-pelajar dalam penggunaan perkataan atau ayat-ayat supaya menjadi paling tepat dan berkesan.

Dengan itu adalah lebih tepat jika sekiranya ilmu mantiq ini dinamakan ilmu logik.

Dalam ilmu ini, sesuatu perkara harus dilihat dengan pasti; pertama secara umum, kedua secara khusus. Misalnya, jika hendak mendefinisikan 'sebuah masjid', kita harus katakan dahulu bahawa, masjid ialah sebuah bangunan untuk beribadat. Dalam hal ini kita telah menjeniskan masjid sebagai sebuah bangunan. Ini adalah penjenisan secara umum, kerana bangunan itu boleh jadi bermacam-macam jenisnya. Tetapi penerangan keduanya, bahawa masjid itu tempat beribadat, maka kita telah meruncingkan penjenisan itu kepada yang khas, iaitu tempat beribadat. Cara pengenalan begini digelar 'tasawuf'.

Dalam bahagian ini juga dibincangkan tentang penggunaan 'tiap-tiap' dan 'kebanyakan', atau 'sebahagian'. Misalnya dalam ayat: *Tiap-tiap manusia itu haiwan*. Dan ayat: *Sebahagian haiwan itu manusia*. Pengertian tentang 'tiap-tiap' dan 'kebanyakan' atau 'sebahagian' itu perlu difahami dengan betul.

Ilmu mantiq juga membincangkan tentang hukum tasdiq, iaitu mencari natijah sesuatu rumusan. Misalnya dalam ayat-ayat ini: "*Minuman keras itu memabukkan. Tiap-tiap yang memabukkan itu haram.*"

Di sini perkataan 'kalau' juga dibincangkan. Dan penggunaan 'kalau' ini juga menjadi satu hukum atau kaedah dalam ilmu Mantiq. Misalnya, "*kalau dia datang, saya pergi. Oleh kerana dia datang, saya pergi*". Ini juga adalah jenis ayat-ayat yang cuba mendapatkan natijah.

Banyak contoh yang memerlukan natijah atau kesimpulan dan pemikiran yang logik ini diberikan sokongan dari ayat-ayat al-Quran. Misalnya, dalam membicarakan tentang minuman keras yang haram tadi. Juga dalam ayat,

(كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ)

bererti, "tiap-tiap yang hidup itu akan mati. Jadi natijahnya ialah, manusia yang hidup itu mesti akan mati. Dengan itu tidak mungkin ada manusia yang kekal hidup selama-lamanya.

Ilmu mantiq menolong menajamkan fikiran seseorang yang mempelajarinya.

Satu lagi mata pelajaran yang penting yang diajarkan di madrasah ini ialah Sejarah Islam atau lebih khusus jika dinamakan 'al Sirah', bererti kisah perjalanan hidup Nabi Muhammad s.a.w..

Pelajaran ini ditumpukan khas mengikuti segala riwayat mengenai Nabi Muhammad s.a.w., sejak beliau dilahirkan hinggalah beliau wafat. Ini termasuklah kisah-kisah mengenai Israk dan Mikraj,⁷¹ kisah Nabi mendapat wahyu di Gua Hira, dan lain-lain. Ikut diajarkan ialah hal-hal mengenai Nabi Muhammad sebagai seorang manusia biasa, sebagai seorang pemimpin, sebagai seorang ahli politik dan juga sebagai seorang Rasul.

Pelajaran sejarah Islam ini juga mengajarkan tentang sejarah perkembangan Islam di zaman *Khulafa-ul-Rasyidin* (zaman khalifah pertama hingga khalifah keempat). Tetapi pelajaran sejarah Islam selepas Nabi Muhammad ini tidak selengkap kisah mengenai Nabi sendiri.

Mata Pelajaran Am.

Pelajaran sekular yang diajarkan di madrasah ini ialah pelajaran geografi. Pelajaran ini hanya meliputi hal-hal mengenai alam semula jadi, seperti sifat-sifat yang ada pada bumi ini, mengenai cekrawala-cekrawala yang umum, seperti bulan, matahari dan lain-lain. Pelajaran ini juga membincangkan tentang pengeluaran pertanian dan apakah syarat-syarat yang dikehendaki untuk projek ini. Dengan itu ia menerangkan tentang kepentingan air, dan bagaimana setengah-setengah negeri mendapatkan sumber air ini. Ia juga membincangkan tentang pengeluaran pertanian di Tanah Melayu. Pelajaran geografi di sini tidak pula membincangkan tentang geografi Tanah Melayu dengan meluas. Ia hanya disebut sebagai perbandingan sahaja.

Bahasa Melayu juga diajarkan di sini. Bidang yang diliputinya adalah nahu bahasa Melayu dan karangan. Pengajaran bahasa ini tidak diberi kepentingan yang banyak, sebagaimana di sekolah-sekolah kerajaan sekarang, yang diajarkan tiap-tiap hari. Bahasa Melayu di madrasah ini hanya diajar seminggu sekali, dan hanya latihan-latihan yang mudah sahaja diberikan. Walau bagaimanapun bahasa Melayu di kalangan pelajar di madrasah ini berkembang sendiri. Mereka sangat aktif dalam bidang sajak, syair, cerpen dan syarahan, yang mereka tuliskan dalam peraduan-peraduan yang mereka selalu adakan sempena hari '*Ihtifal*' di madrasah sendiri atau

⁷¹ *Israk dan Mikraj* adalah kisah mengenai perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dari Masjid al-Haram di Mekah ke Masjid al-Aqso di Baitul Muqaddis dan anak (pergi) ke hadzrat Allah s.w.t., Sila rujuk al-Quran surah al-Isra, Juz 15 dan Surah an-Najmi ayat 7 & 8.

di madrasah-madrasah lain yang mengundang mereka. Jadi tidaklah menghairankan sekiranya ramai bekas pelajar dari madrasah ini yang petah dalam pidato. Ini dapat dibuktikan semasa pilihanraya negara, di mana mereka mengambil bahagian untuk 'menolong' calon-calon pilihanraya. Ini semua berlaku selepas mereka berhenti dari madrasah ini.⁷²

Pelajaran lain yang diajarkan juga di sini ialah pelajaran matematik. Sukatan pelajarannya hanya terhad pada matematik yang senang, dan dasar. Pelajaran ini memberikan latihan-latihan dalam cara-cara menolak, mencampur, mendarab dan membahagi. Ini mungkin disebabkan guru-guru ilmu hisab yang betul-betul berkelayakan tiada. Mereka ini terdiri dari bekas-bekas pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah pondok juga, di mana mata pelajaran sekular tidak diberatkan sangat.

Kesimpulannya, mata-mata pelajaran yang berasaskan al-Quran dan Hadis, seperti Tauhid, Fiqh, Musthalah, Hadis, Tafsir al-Quran dan mata pelajaran bahasa Arab, lebih diberi kepentingan dari pelajaran yang lainnya. Walau bagaimanapun tidak boleh pula dikatakan bahawa pelajaran 'agama' lebih dipentingkan, sekiranya pelajaran seperti Fiqh, Hadis, Tafsir al-Quran itu semata-mata digolongkan ke dalam jenis pelajaran agama'. Sebab jika diteliti, pelajaran-pelajaran itu sebenarnya menerangkan tentang cara-cara hidup yang betul dalam pengertian Islam. Pelajaran Faraid membincangkan tentang pembahagian harta pusaka si mati kepada warisnya. Ini tidak sahaja membincangkan tentang hal-hal makhluk dan Tuhan, tetapi juga tentang cara-cara berniaga dan hukum-hukumnya seperti yang terdapat dalam ilmu Fiqh. Sekiranya pembahagian cara ini diikuti dengan betul, dan diperkembangkan pula dalam perniagaan mengikut hukum-hukum yang terdapat dalam ilmu Fiqh tadi, nescaya orang Islam yang cenderung di dalamnya akan maju. Demikian juga dalam hal-hal *tasawuf* yang sebenarnya membincangkan tentang bagaimana hidup berhubungan dengan Allah s.w.t. dan juga dengan masyarakat. Malahan dalam

⁷²Contoh-contoh seperti mereka adalah seperti Encik Azra'i bin Hj. Mahmud yang menjadi Pegawai Penerangan UMNO di Kota Kinabalu, Sabah; juga Encik Mustafa bin Abdullah sebagai Pegawai Penerangan UMNO Perak; juga Puan Ainon Ulung Hassan yang menjadi Pegawai Penerangan Wanita UMNO Perak kecuali Puan Ainon yang lain masih bertugas sekarang.

mengamalkan sembahyang itu sendiri adalah satu latihan pembaikan jasmani dan rohani. Sebelum seorang itu mengerjakan sembahyang, ia harus membersihkan diri dahulu daripada segala kekotoran atau najis. Ini adalah pembersihan jasmani. Di waktu sembahyang, ia mesti melakukan beberapa pengucapan dan perbuatan ritus (*rites*) yang tertentu. Ini juga merupakan satu latihan jasmani. Segala bacaan dan tumpuan penuh fikiran kepada Allah s.w.t., ini adalah latihan rohani. Dengan ini, dalam membincangkan tentang mata pelajaran agama Islam, tidak ada garis yang memisahkan antara yang sekular dan yang tidak sekular. Agama Islam adalah agama untuk dunia dan akhirat. Demikian juga Nabi Muhammad s.a.w. selalu digelar sebagai seorang 'Prophet and Statesman'.

BAB

4

MAJLIS AGAMA DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERAK DAN PERKEMBANGAN MADRASAH SAADIAH-SALIHIAH

Sebab Campur Tangan

Pada 28 Februari 1956, Majlis Kerja Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dengan persetujuan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, telah menubuhkan jawatankuasa menimbangkan bantuan wang kepada sekolah-sekolah agama Islam yang bukan kerajaan.¹

Tindakan di atas adalah lanjutan dari dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu yang bercita-cita hendak memasukkan pelajaran agama Islam ke dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah.² Selain dari itu ia ingin menyelaraskan pendidikan agama Islam di seluruh Negara termasuklah di sekolah-sekolah bukan kerajaan. Di samping itu, pada masa ini, (1950-an) ada menunjukkan unsur-unsur kemerosotan di sekolah-sekolah tadi, baik dari segi pentadbiran atau kewangan.

Pada tahun 1956, Jawatankuasa yang menimbangkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah bukan kerajaan telah menerima laporan dari semua kerajaan negeri dan Settlement, bahawa keseluruhannya terdapat 398 buah sekolah yang sedemikian dengan jumlah murid-murid lelaki dan perempuan seramai 35,093 orang. Di antara bilangan itu, Perak sendiri mempunyai 65 buah sekolah

¹Penyata Jawatankuasa Menimbang Bantuan Kerajaan Kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Yang Bukan Kerajaan Tahun 1956, dipengerusikan oleh YB. Encik Abd. Rahman Talib, K.L., Government Printers, 1956, para 1.

²Penyata Jawatankuasa Pelajaran Persekutuan, op. cit. hal. 47.

dengan murid-murid seramai 6,938. Mengikuti bilangan murid, ialah yang mempunyai bilangan terbanyak; dan mengikuti bilangan sekolah, ia menduduki tempat yang ketiga, selepas Penang-Seberang Prai dan Johor.³

Sekolah-sekolah pondok atau sekolah-sekolah rakyat ini gelaran yang diberikan oleh Majlis Agama Dan Adat Melayu Perak telah didirikan oleh orang perseorangan dengan cara pentadbiran yang berbeza-beza. Jenis mata pelajaran yang diajarkan pada keseluruhannya adalah sama, tetapi sukutannya tidak selaras antara satu sama lain. Dengan itu sekiranya seorang murid berpindah untuk meneruskan pelajaran dari sebuah sekolah rakyat ke sekolah yang lainnya, selalunya murid itu akan 'diturunkan' kelas sekurang-kurangnya satu tingkat yang lebih rendah. Pada hal setelah belajar di situ, ia akan mendapati ia telah pun belajar pelajaran tersebut. Ada juga yang datang dari sekolah yang dianggap lebih tinggi. Oleh itu murid yang baru berpindah itu akan 'dinaikkan' darjah di sekolah yang baru, hanya untuk menyamakan taraf pelajaran yang diterima di sekolahnya dahulu walaupun didapati bahawa pelajaran tersebut terlalu tinggi untuk dipelajari. Dengan itu murid tersebut telah membuang masanya sahaja.⁴

Madrasah Saadiyah-Salihiah adalah sebuah sekolah yang menghadapi masalah yang tersebut di atas. Tahun 1959 merupakan tahun permulaan merosotnya sekolah ini. Ia bermula dengan adanya pemogokan yang dilancarkan oleh PPSST.⁵ Ini diikuti pula oleh perletakan jawatan beberapa orang guru yang telah diambil oleh kerajaan negeri atau Persekutuan untuk mengajar di sekolah-sekolah kerajaan peringkat Rendah atau Menengah.⁶ Kalau dulu, madrasah ini boleh bergantung tenaga semata-mata kepada anak cucu pengasas sahaja, sekarang anak cucunya yang lebih muda telah mendapat didikan moden (di sekolah-sekolah Inggeris), selain dari didikan di madrasah ini. Jadi, apabila mereka mempunyai peluang untuk

³Penyata Jawatankuasa Menimbang Bantuan Wang Kepada Sekolah-sekolah Yang Bukan Kerajaan, *op. cit.*, hal. 49.

⁴Ini dialami sendiri oleh salah seorang sahabat penulis yang telah berpindah untuk belajar di Madrasah Salihiah Temoh dari sebuah Madrasah yang lain yang masih baru di Perak.

⁵Lihat Bab 2, kajian ini hal 56.

⁶Pengambilan guru-guru agama banyak dilakukan kerana memenuhi dasar pelajaran 1956. Lihat Penyata Pelajaran, *loc. cit.*

bekerja dengan kerajaan, mereka lebih suka meninggalkan kampung halaman mereka untuk berkhidmat di bandar-bandar. Dengan ini madrasah ini hanya bergantung kepada tenaga anak-anak dan menantu serta yang lain-lain yang tidak berpeluang untuk berkhidmat dengan kerajaan, atau yang telah berumur.

Sebab lain yang menyebabkan kemerosotan madrasah ini ialah mungkin kerana sistem pelajaran kebangsaan itu sendiri. Pada tahun 1959, Persekutuan Tanah Melayu telah pun mencapai kemerdekaannya selama dua tahun. Antara perubahan yang telah dibuat ialah menyemak semula dasar pelajaran kebangsaan dan membuat beberapa perubahan, yang berunsur semangat perpaduan, semangat cintakan tanahair, dan penyelarasan semua dasar pelajaran yang tidak seimbang dan selaras dengan masa British dulu. Perubahan yang terpenting ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Justeru kerana itu, sekolah-sekolah yang dulunya sekolah Melayu, sekarang dijadikan sekolah kebangsaan. Lanjutan dari sekolah ini ialah adanya sekolah-sekolah menengah kebangsaan, dan peruntukan untuk penubuhan sebuah universiti kebangsaan. Dengan itu kebanyakan orang Melayu yang dulunya tidak mampu untuk menghantarkan anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran, dan lebih suka menghantarkan anak-anak itu ke madrasah ini (yang percuma), sekarang lebih suka menghantarkan mereka ke sekolah menengah kebangsaan kerajaan itu yang juga diberi dengan percuma. Dan masa depan anak-anak itu pula lebih cerah kerana kelulusan dari sekolah-sekolah ini diiktirafkan, dan dihargai sebagaimana kelulusan dari sekolah Inggeris.

Oleh kerana kekurangan sumber-sumber kewangan dan tenaga baru untuk membolehkan madrasah Saadiyah-Salihiah setanding dengan sekolah kerajaan, maka kemundurannya seolah-olah tidak boleh dielakkan.

Keadaan seperti yang dialami oleh madrasah Saadiyah-Salihiah ini umumnya dirasai oleh madrasah lain di negeri Perak dan juga di kawasan yang lain di seluruh negara.

"Kami dapati bahawa kebanyakan sekolah-sekolah itu tidak mempunyai pentadbiran dan kelolaan yang sempurna. Setengah-setengahnya adalah kepunyaan seseorang sahaja dan tidak mempunyai satu badan yang mengelolaknya"

⁷Penyata Jawatankuasa Menimbang Bantuan Kerajaan Kepada Sekolah-sekolah Agama Islam yang bukan kerajaan tahun 1956, *op.cit.*, hal. 3, para 6.

Melihatkan betapa pentingnya sekolah-sekolah ini 'diselamatkan', dan kerana mengetahui bahawa sekolah-sekolah ini telah "menjadi asas dan punca pelajaran Islam dalam negeri ini; dan daripada sekolah-sekolah inilah munculnya 'Alim Ulama' yang ada sekarang ini mustahaklah sekolah-sekolah ini dibantu supaya dapat disesuaikan keadaannya dengan kehendak dan kemajuan masa sekarang",⁸ maka Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri Perak telah bertindak untuk membantu Madrasah Saadiyah-Salihiah juga.

Bantuan Kewangan

Selari dengan tindakan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah ini, kerajaan negeri memberikan peruntukan bagi bantuan yang sama. Dengan itu Madrasah Saadiyah-Salihiah menerima bantuan dari dua punca, selain dari harta peninggalan pengasas serta harta wakaf. Madrasah ini turut menerima bantuan dari Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri.

Anggaran peruntukan yang diberikan ialah:

Bantuan kerajaan Negeri Perak

- \$1.50 bagi seorang murid rendah sebulan;
- \$4.00 bagi seorang murid menengah sebulan.

Bantuan Majlis Agama Islam Perak

- \$0.50 bagi seorang murid rendah sebulan;
- \$1.00 bagi seorang murid menengah sebulan.⁹

Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri Perak telah menempatkan Madrasah Saadiyah-Salihiah sebagai sebuah sekolah menengah rendah. Ini adalah kerana ia telah dapat menepati syarat-syarat seperti yang tercatat dalam syor-syor Penyata Jawatankuasa Menimbang Bantuan Kerajaan Kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Yang Bukan Kerajaan Tahun 1956, halaman 9, para 67. Dengan penempatan madrasah ini ke dalam peringkat menengah 'B' permulaan, ia akan juga menerima bantuan dari kerajaan Persekutuan sebanyak \$14.00 setahun bagi seorang murid.

⁸*ibid.*, hal. 7, para 57.

⁹Jabatan Hal Ehwal Agama Perak, dlm. Pk. 1163/67 dan Dlm. J.U. Pk.2/F 160/52 Pt.v.

Dengan bantuan kewangan yang datang dari tiga punca di atas, madrasah Saadiyah-Salihiah dapat 'bernafas' dengan lapang sedikit, di bawah syarat itu.¹⁰

Sukatan Pelajaran Jabatan Hal-Ehwal Agama

Apabila Madrasah Saadiyah-Salihiah bersetuju untuk diberi bantuan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri, dengan sendirinya ia harus patuh kepada peraturan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh jabatan tersebut. Ini adalah satu langkah jabatan ini untuk menyelaraskan sukatan pelajaran di kalangan sekolah-sekolah Rakyat ini di seluruh negeri.

Bagi kelas 1, 2 dan 3 rendah (*Ibtida'i*), pelajaran yang ditetapkan ialah: Akidah, Ibadah, Budi Pekerti, Sejarah Rasul/Islam, Bacaan Al-Quran, Tulisan Jawi/Arab dan masa untuk latihan bersembahyang. Jika diteliti, pelajaran yang dicadangkan oleh Jabatan Agama ini, lebih memberatkan tentang kegunaan pelajaran itu secara praktikal. Pelajaran seperti Balaghah, Mantiq, Tafsir Quran dan Saraf tidak diajarkan. Ini mungkin kerana pelajaran yang lebih praktikal ini adalah lebih sesuai bagi murid-murid yang baru belajar

¹⁰Penyata ini mengesyorkan bahawa sekolah-sekolah yang termasuk dalam peringkat menengah 'B' permulaan ini harus memenuhi syarat ini:

- i) Sekolah itu telah sedia ada pada 30 November 1956.
- ii) Masa belajar sekurang-kurangnya 4 jam sehari.
- iii) Mempunyai peraturan persekolahan iaitu ada jadual kedatangan, rekod murid dan sukatan pelajaran yang ditentukan.
- iv) Bilangan murid tidak kurang daripada 100 orang.
- v) Bilangan guru hendaklah dihadkan dengan hitung panjang bagi seorang guru itu mengajar 30 orang murid.
- vi) Mempunyai sebuah badan pengelola yang diakui dan sebuah badan pemegang amanah (trustee).
- vii) Mempunyai peraturan kewangan yang kemas.
- viii) Mempunyai bangunan khas yang terdiri di atas tapak yang dikuasai oleh sekolah itu, dan alat-alat persekolahan yang sempurna.
- ix) Bagi sekolah-sekolah peringkat 'B' permulaan, maka murid dan sekurang-kurangnya 50% daripada guru-gurunya hendaklah mempunyai kelulusan yang diakui.
- x) Murid dan guru-guru peringkat 'B' Thanawi hendaklah mempunyai kelulusan yang diakui.
- xi) Seorang murid itu tiadalah boleh duduk dalam satu darjah lebih dari dua tahun, dan mesti menamatkan pelajarannya dalam masa tidak lewat dari masa enam tahun bagi peringkat 'B' permulaan atau menengah itu.
- xii) Mempunyai cara peraturan peperiksaan.
- xiii) Murid-murid yang diterima hanyalah yang tamat sekurang-kurangnya darjah 3 sekolah Melayu atau yang seumpamanya.

tentang pelajaran agama. Ini adalah bertepatan dengan syarat umur seorang murid yang boleh dimasukkan ke kelas satu sekolah Rakyat ini yang mesti tamat Darjah Tiga sekolah Rendah kerajaan. Tujuan sukatan pelajaran ini adalah "untuk menguatkan pelajaran agama yang dipelajari oleh murid-murid peringkat ini di sekolah Rendah Kerajaan."¹¹

Sebelum campur tangan Hal-Ehwal Jabatan Agama ini, bilangan kelas-kelas di Madrasah Saadiyah-Salihiah ada lapan buah, iaitu dari darjah *Takhdhiri* (kelas sebelum darjah satu), hinggalah ke darjah tujuh atau *Qism-al-Sabi'*. Dengan peraturan yang dikenakan oleh Jabatan ini, peringkat rendah sekolah Rakyat ini harus mengandungi hanya tiga kelas sahaja.

Dengan peraturan baru ini, umur murid-murid hanya dalam lingkungan 10 hingga 12 tahun di peringkat rendah ini. Mereka boleh pula melanjutkan pelajaran terus ke peringkat menengah atau *Thanawi Rendah*. Dan umur mereka adalah lingkungan 12 hingga 15 tahun. Ini adalah sesuai bagi murid-murid untuk bersedia mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Dengan mempunyai matlamat ini sebagai tujuan terakhir bagi sekolah agama Rakyat peringkat *Thanawi Ibtida'i*, Madrasah Saadiyah-Salihiah mesti menyesuaikan sukatan pelajaran menengahnya mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama negeri.

Sukatan pelajaran yang ditetapkan bagi peringkat menengah adalah semua mata pelajaran agama, Bahasa Arab dan mata pelajaran am yang lain yang dikehendaki untuk peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Mata-mata pelajaran agama termasuklah pelajaran Tauhid, Fiqh, Tafsir Quran dan Hadis. Bidang pelajaran ini hanyalah meliputi hal-hal yang paling dasar sahaja. Misalnya bagi pelajaran Tauhid, ia meliputi rukun Iman; Fiqh, mengenai rukun Islam; dan pengajaran al-Quran dan Hadis diselang-selikan, dan mengajarkan tentang hadis-hadis atau ayat-ayat al-Quran yang tertentu sahaja. Bilangannya pula sangat terhad.

Madrasah Saadiyah-Salihiah telah menghadapi beberapa kesulitan dalam menerima syarat-syarat mata pelajaran yang ditetapkan oleh Jabatan Agama itu. Kesulitan ini timbul hanya mengenai pengajaran mata pelajaran am. Kebanyakan guru-guru yang ada di

¹¹Jabatan Hal-Ehwal Agama Perak, dlm. J.U. Pk. 1163/67.

madrasah ini sendiri tidak pernah menduduki kelas-kelas menengah kerajaan.¹² Jadi amatlah sukar bagi mereka untuk menyediakan murid-murid yang lebih berkecayaan, lebih sukar berkhidmat di sekolah-sekolah kerajaan, di mana pendapatan mereka adalah lebih lumayan. Yang boleh mereka pertahankan adalah pelajaran agama sahaja, yang nilainya masih lagi lebih tinggi dari sukatan pelajaran agama yang ditetapkan oleh Jabatan Agama sendiri, ataupun dari pihak Kementerian Pelajaran.

Biasanya, seorang murid yang berkelulusan Sekolah Menengah Kebangsaan (Aliran Melayu) atau sekolah menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan mempunyai Sijil Persekolahan Malaysia, atau School Certificate, akan dapat memasuki Maktab-maktab Perguruan dan dapat mengajar pelajaran am, seperti Geografi, Sejarah, Ilmu Hisab, Sains dan sebagainya, yang pernah ia sendiri pelajari di sekolah-sekolah menengah itu. Tetapi ia tidak boleh mengajar pelajaran agama dengan kelulusan yang sama. Implikasinya sangat jelas. Ini adalah kerana nilai pelajaran agama yang diajarkan di sekolah-sekolah itu sangatlah rendah mutunya. Tetapi seorang yang berkelulusan sebuah sekolah Rakyat, seperti Madrasah Saadiah-Salihiah, yang mengambil peperiksaan yang dikhususkan oleh Jabatan Agama Negeri, dan lulus, adalah berkecayaan untuk memohon sebagai seorang guru agama Islam di sekolah-sekolah kerajaan, sama ada rendah atau menengah. Kebanyakan pelajar Madrasah Saadiah-Salihiah yang mengambil peperiksaan ini telah berjaya, dan sekarang berkhidmat sebagai guru agama di merata tempat di Perak atau luar Perak. Kebanyakan dari mereka telah mengambil peperiksaan-peperiksaan kerajaan seperti SRP atau SPM, secara bersendirian untuk penempatan perkhidmatan guru yang lebih baik dalam skim gaji guru kerajaan.

Kebolehan guru-guru agama yang datang dari sekolah Rakyat ini tidak dapat dinafikan oleh pihak Jabatan Agama sendiri. Tetapi kelulusan dari sekolah Rakyat bukanlah pilihan utama dari pihak kerajaan sebagai syarat pengambilan guru-guru agama itu. Kebanyakan guru-guru yang telah diambil berkhidmat dengan kerajaan itu telah 'mencelupkan diri' dengan memasuki sekolah-sekolah Agama Lanjutan yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Perak, semata-mata untuk mendapatkan pengiktirafan. Sedangkan pihak

¹²Lihat lampiran H.

Jabatan Agama sendiri telah mengesahkan bahawa di Sekolah Agama Lanjutan itu, "masa selama 3 tahun sahaja (selepas) tamat sekolah kebangsaan, dan diadakan di sebelah petang, menyebabkan para pelajarnya tidak dapat memahirkan diri dan memperolehi kematangan dalam pelajaran agama".¹³ Selanjutnya ia "tidak mengetahui dengan sebenarnya mengapakah lulusan sekolah agama Rakyat tidak dapat diutamakan untuk jawatan guru sekolah kebangsaan".¹⁴ Jadi dengan tindakan para pelajar dari Sekolah Agama Rakyat, seperti juga yang telah dibuat oleh ramai pelajar-pelajar Madrasah Saadiah-Salihiah, 'mencelupkan diri' di sekolah Agama Lanjutan itu, mereka berjaya mengajar di sekolah-sekolah kerajaan itu. Dengan itu para pelajar dari sekolah Rakyat ini (Madrasah Saadiah-Salihiah) bolehlah diumpamakan seperti telur penyu, telurnya halal dimakan, tetapi ibunya tetap haram.¹⁵

Matlamat Jabatan Hal-Ehwal Agama Dalam Perkembangan Pengajaran Agama Islam

Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Perak telah membuat beberapa rancangan untuk memperkemas susunan dan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah menengah agama di Perak. Tujuan utamanya ialah untuk:¹⁶

- a) mewujudkan satu sistem persekolahan agama yang teratur dalam mana pelajarannya dapat menyambungkan pelajaran mereka dari satu peringkat ke satu peringkat hingga ke pusat-pusat pengajian tinggi Islam.
- b) melahirkan cerdik pandai dan ulama-ulama Islam yang progresif dalam negeri ini.
- c) untuk menyelaraskan sistem dan sukatan pelajaran di sekolah menengah agama kerajaan dan sekolah menengah agama rakyat.

¹³Lihat Kertas Kerja Seminar Pelajaran Agama Negeri Perak 1974 di Ipoh (tidak bercetak), yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Perak, hal. 3.

¹⁴*Ibid.* hal., 1.

¹⁵Penyu ialah sejenis binatang yang boleh hidup di darat dan di laut. Ia menyerupai seekor kura-kura tetapi lebih besar. Dalam Islam, binatang yang hidup di dua dunia ini (reptilia) adalah haram dimakan. Tetapi Islam menghalalkan memakan telur binatang ini.

¹⁶Kertas Kerja Seminar Pelajaran Agama Negeri Perak. *op. cit.*, hal., 5.

Dengan matlamat di atas sebagai pencapaian terakhir dalam perkembangan pelajaran agama Islam, maka Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri Perak dengan bantuan kerajaan negeri, telah berjaya mendirikan dua buah sekolah Menengah Agama Kerajaan. Yang pertama didirikan ialah Sekolah Menengah Izzudin Shah (Lelaki) dibuka pada tahun 1959, dan sebuah lagi ialah Sekolah Menengah Raja Perempuan Taayah, yang dibuka pada tahun 1960. Kedua-duanya adalah sekolah bantuan penuh dari kerajaan negeri. Mata pelajaran yang diajar ialah mata pelajaran agama yang juga diajar di mana-mana sekolah kerajaan yang lain. Tetapi bidang sukutannya lebih meluas. Selain dari itu, diajar juga Bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran yang wajib. Kedua-dua sekolah ini mempunyai guru-guru yang terlatih dan berkelayakan, baik dalam mengajar mata pelajaran agama atau mata pelajaran am.¹⁷ Bangunan dan alat-alat mengajar juga lengkap.

Untuk membolehkan Sekolah Menengah Agama Lanjutan dan Sekolah Menengah Agama Rakyat menyediakan murid-murid mereka supaya dapat melanjutkan pelajaran ke salah sebuah sekolah di atas, hendaklah mereka menyelaraskan jangka masa pembelajaran di peringkat menengah rendah selama 3 tahun. Pada akhir tahun ini, murid-murid harus bersedia untuk mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, selain dari peperiksaan Sijil Sekolah Agama Negeri Perak yang berasingan. Peperiksaan ini khas dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perak, yang dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, selaku ketua agama Islam negeri.¹⁷

Murid-murid yang lulus kedua-dua peperiksaan di atas dari Madrasah Saadiyah-Salihiah, dan umur mereka bersesuaian, iaitu dalam lingkungan 15 tahun, maka mereka dibenarkan melanjutkan pelajaran di salah sebuah Sekolah Menengah Agama negeri itu. Dua tahun kemudian, sekiranya mereka lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Sekolah Agama Negeri, mereka boleh melanjutkan pelajaran pula ke peringkat menengah tinggi, yang juga disediakan di kedua-dua buah sekolah itu atau ke Kolej Islam Kelang.¹⁸

¹⁷Sila lihat Peraturan-peraturan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Agama 1974) (tidak tercetak). Lampiran C.

¹⁸Kolej Islam ialah sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang pertama didirikan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1955 di Kelang, Selangor.

Dari situ, mereka boleh pula melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti tempatan atau di luar negeri, terutama di Universiti Al-Azhar di Kahirah.

Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang menerima bantuan dari Kementerian Pelajaran, Kerajaan Negeri dan juga dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak, harus juga bekerja keras jika hendak menempatkan madrasahnyanya selari dengan cita-cita perancang perkembangan pelajaran agama di Jabatan Agama negeri; sebab ia juga bercita-cita untuk mengenalkan kursus matrikulasi sains dengan bantuan Universiti Kebangsaan Malaysia. Para pelajar dari Sekolah Perempuan Raja Taayah dan Izzuddin Shah akan diberi keutamaan.¹⁹ Pertimbangan akan juga diberi bagi para pelajar dari sekolah agama Rakyat, seperti Madrasah Saadiah-Salihiah. Mereka harus disediakan dengan mata pelajaran sains tulen semasa dalam tingkatan empat, iaitu selepas lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Sekolah Menengah Agama yang layak memberikan pelajaran ini hanyalah sekolah Raja Perempuan Taayah dan sekolah Izzuddin Shah sahaja, kerana kedua-duanya mempunyai guru-guru yang berkelayakan dan alat-alat sains yang cukup.²⁰ Dengan itu peranan yang boleh dimainkan oleh Madrasah Saadiah-Salihiah ialah untuk menyediakan murid-murid supaya lulus dengan baik dalam mata pelajaran am dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Madrasah Saadiah-Salihiah mulanya hanya mampu menyediakan murid-muridnya dengan pelajaran agama hingga ke peringkat menengah rendah sahaja. Oleh kerana kekurangan tenaga pengajar dan alat-alat, pihak madrasah menjemput sanak saudara pengasas dan sukarelawan yang lain, yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau School Certificate, supaya dapat mengajar mata-mata pelajaran umum.²¹ Hasil dari ini mereka telah berjaya menyediakan murid-muridnya yang pertama menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, pada tahun 1964. Sebelum ini, iaitu pada tahun 1959, satu peperiksaan khas yang dijalankan oleh Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Perak untuk mengambil beberapa orang guru agama, telah

¹⁹Rancangan Kursus Matrikulasi (Sains) di Ipoh, Perak & Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak tercetak) UK/PKKM/0033. Lampiran A.


²⁰Lihat Susunan Dan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Agama Negeri Perak (tidak tercetak).

²¹Antara guru-guru yang sukarela mengajar di sini ialah penulis sendiri, pada tahun 1961.

diadakan juga di madrasah ini. Hasilnya, beberapa orang pelajar telah berjaya dan dipilih.²²

Walaupun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak menggalakkan pengajaran mata pelajaran sains tetapi Madrasah Saadiyah-Salihiah tidak mampu untuk menyambut seruan itu. Dasar pelajaran madrasah ini masih tetap lebih memberatkan pengajaran mata pelajaran 'agama' dengan matlamat supaya pelajaran itu boleh digunakan sebagai panduan hidup sehari-hari mengikut ajaran Islam.


Rajah Sistem Persekolahan dan Pelajaran Agama Negeri Perak²³



²²Antara yang telah berjaya dipilih ialah Ustazah Arfah bt. Mujadi yang sekarang mengajar di Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh.

²³Diambil dari Susunan Dan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Agama Negeri Perak, (tidak tercetak), Lampiran A.

RAJAH SISTEM PERSEKOLAHAN DAN PELAJARAN AGAMA NEGERI PERAK²⁴



²⁴ibid.

PENUTUP

Kajian ini telah menambahluaskan fahaman kita mengenai dua perkara yang khusus, iaitu, penubuhan sebuah perkampungan golongan imigran Jawa di Temoh, Perak, dan perkembangan pengajaran agama Islam di tempat yang sama.

Beberapa rumusan boleh dibuat berdasarkan dua perkara tersebut. Biarlah kita lihat satu persatu.

Pada awal 1900-an sekumpulan orang Jawa dari Indonesia telah menetap di kawasan yang sekarang dinamakan Kampung Haji Salleh, Temoh, 30 batu di selatan Ipoh, Perak. Mereka telah tinggal di situ sebagai satu masyarakat yang bebas tetapi sangat tertutup. Ketua mereka, Kiyai Haji Salleh b. Haji Abd. Rahman, telah diberi kepercayaan sepenuhnya oleh anggota-anggota masyarakat tersebut, dalam segala hal. Beliau telah bertindak sebagai ketua agama, ketua kampung, hakim dalam sebarang masalah, sama ada masalah keluarga ataupun masyarakat. Tidak ada campur tangan dibuat oleh pentadbir-pentadbir tempatan, sama ada dari pihak Penghulu atau Pegawai Daerah (Inggeris). Pada hal kawasan perkampungan orang Jawa itu berada dalam kawasan pentadbiran mereka. Dengan itu lahirlah seakan-akan sebuah pentadbiran yang *autonomous* di Kampung Haji Salleh yang dijalankan oleh Kiyai Haji Salleh sendiri.

Kadaan di atas boleh menimbulkan beberapa andaian. Penghulu, iaitu pentadbir Melayu di kawasan mukim Chenderiang, tidak cenderung untuk campur tangan di kawasan baru ini, mungkin kerana ia fikirkan bahawa kawasan-kawasan perkampungan seperti ini tidak penting. Atau, mungkin juga bahawa golongan imigran dari

Jawa ini bukan termasuk sebagai satu suku rumpun bangsa Melayu, maka perpaduan dengan mereka tidak perlu. Atau, mungkin juga kuasa yang ada di tangan Penghulu tadi tidak termasuk pentadbiran kawasan-kawasan baru seperti di Kampung Haji Salleh.

Andaian-andaian di atas dibuat berdasarkan kepada keadaan yang berlaku di perkampungan imigran-imigran tadi. Misalnya, anggota masyarakat ini tidak ada hubungan langsung dengan pihak penghulu atau pegawai daerah Inggeris yang ada di Tapah. Urusan rasmi, seperti mengambil surat kuasa menjual beli tanah, diuruskan oleh ketua mereka sahaja. Sedangkan dalam hal ekonomi, anggota-anggota ini bebas membuka tanah atau membuka kawasan baru yang lain. Justeru itu lahirlah Kampung Haji Ariff, Kampung Haji Dahlan dan Kampung Tengah.

Dalam hal pentadbiran, mereka melantik ketua kampung mereka sendiri. Dalam hal sosial, mereka telah mendirikan Madrasah Saadiyah-Salihiah. Sekolah ini tidak perlu pula didaftarkan. Unsur-unsur adat istiadat yang mereka amalkan pun berbeza dengan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tempatan. Pergaulan antara mereka juga sangat kurang. Buktinya, jarang, atau tidak ada perkahwinan antara orang Melayu dengan orang Jawa di kawasan tersebut. Juga, tidak ada murid-murid Melayu yang bersekolah di madrasah ini. Pada hal orang Jawa yang lain, dari negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, seperti Johor, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan dari Perak Selatan sendiri, telah menjadikan Madrasah Saadiyah-Salihiah sebagai pusat pengajian Islam yang maju, terutama pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Walau bagaimanapun terdapat satu kelemahan di madrasah ini. Daripada permulaannya hinggalah pada tahun 1934, bahasa pengantarnya adalah bahasa Jawa, *Kromo Inggil*. Namun demikian alasan ini tidak pula boleh dipakai untuk menerangkan perhubungan nipis antara suku Jawa dan Melayu di situ, kerana mulai tahun 1934 hingga seterusnya, bahasa pengantarnya ditukar kepada bahasa Melayu. Penukaran ini tidak dikemukakan oleh mana-mana pentadbir tempatan, tetapi oleh perubahan yang berlaku di dalam madrasah itu sendiri yang telah menerima pengaruh dari guru-guru yang lebih muda dan progresif, yang telah mendapat didikan di Indonesia, dan terkenal sebagai golongan Kaum Muda. Perubahan sedemikian telah berjaya menyerapkan masyarakat orang Jawa ini dengan masyarakat tempatan.

Perpaduan antara suku-suku orang Jawa dan Melayu di Temoh

ini, mula ketara pada tahun 1950-an. Ini berlaku kerana beberapa sebab. Anak-anak orang Jawa sudah mula bersekolah di Sekolah Melayu Temoh, walaupun pada masa ini persekolahan tidak diwajibkan. Tetapi ini pun belum berjaya membawa orang Melayu ke kawasan orang Jawa sehingga pada pertengahan 1950-an. Hal ini terjadi secara tidak sengaja, akibat perubahan sistem pelajaran Persekutuan Tanah Melayu sendiri. Pada awal tahun 1950-an satu jenis peperiksaan kerajaan telah dikenakan kepada murid-murid sekolah Inggeris dalam Darjah Enam iaitu Malayan Secondary School Entrance Examination, dan Tingkatan Tiga iaitu Lower Certificate Examination. Mereka yang gagal telah tidak diberi tempat untuk meneruskan pelajaran di mana-mana sekolah kerajaan. Bagi mereka yang tidak mampu untuk meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah swasta, mereka telah masuk pula ke Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh, sebagai tempat tampungan belajar bagi mereka. Sejak dari masa ini barulah didapati ramai murid-murid dari keturunan Melayu belajar di sini. Dari sini perhubungan antara kedua golongan masyarakat ini mula rapat dan jurang bezamembekakan antara Jawa dan Melayu mula berkurangan.

Dari pihak pentadbiran Inggeris pula, Pegawai Daerah yang bertempat di Tapah, tidak juga menjalankan pentadbirannya ke kawasan perkampungan yang baru ini. Buktinya, Kiyai Haji Salleh telah membawa bersama-sama ramai orang-orang dari Tanah Jawa untuk menetap di sini. Mereka telah membawa sanak saudara mereka dan menjalankan mata pencarian, seperti berladang, berkebun kecil, dan membuka kawasan baru dengan tidak payah meminta kebenaran dahulu dari mereka, atau mana-mana pentadbir. Kedatangan mereka tidak pula didaftarkan dalam pendaftaran penduduk atau kewarganegaraan. Apa yang diperlukan hanya jika mereka membeli atau menjual tanah, atau hal-hal yang sedemikian, barulah mereka dikehendaki menukar nama atau mendaftar untuk mendapatkan geran tanah. Selain dari itu pentadbir British tidak terlibat langsung dalam pentadbiran di perkampungan baru ini. Ini menyebabkan pentadbiran secara berautonomi yang dijalankan oleh ketua orang Jawa di kawasan ini tidak terjejas langsung. Jadi alasan Inggeris untuk menyelaraskan pentadbiran semasa menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, malahan juga dalam penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, adalah tidak tepat. Ia mungkin tepat dalam penyelarasan pentadbiran Inggeris di kawasan-kawasan yang ada hubungan dan kepentingan bagi orang Inggeris sahaja. Ini

bererti bahawa kawasan perkampungan orang Melayu (kalau orang Jawa dan suku-suku imigran yang lain sudah boleh ditakrifkan sebagai 'Melayu'), yang merupakan kawasan yang jauh lebih luas dari kawasan perbandaran orang Inggeris dan kawasan-kawasan ekonomi yang lain, yang lebih kecil itu, hanya menerima perhatian yang sangat sedikit atau tiada langsung oleh pentadbiran British. Ini berlaku sehingga pada akhir tahun 1940-an atau awal tahun 1950-an apabila parti-parti politik tempatan mula meminta pembaharuan dan kemajuan sosial, ekonomi dan juga politik.

Perkembangan dalam bidang pelajaran agama Islam yang telah dijalankan oleh Madrasah Saadiyah-Salihiah telah berjaya mengeluarkan ramai alim ulama di negeri Perak dan juga di negeri-negeri yang lain di Semenanjung. Ini telah diakui sendiri oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perak. Ulama-ulama ini pula telah membuka madrasah-madrasah lain di merata perkampungan tempat asal mereka. Dengan ini pelajaran agama Islam menjaral dan mengembang. Dan, pada tahap sebelum tahun 1950-an, apabila pelajaran yang ditadbirkan oleh pemerintah masih belum mendapat sambutan yang memuaskan dari masyarakat Melayu, pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah pondok seperti di Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh ini telah memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan keintelektualan masyarakat Melayu.

Mata pelajaran yang diajarkan di sekolah pondok, seperti di Madrasah Saadiyah-Salihiah, jika diteliti, bukan hanya merupakan pelajaran agama, tetapi boleh juga dianggap sebagai sekular. Misalnya, pelajaran Fiqh adalah pelajaran mengenai hukum-hukum beribadah kepada Allah s.w.t. Demikian juga pelajaran hadis, Mantiq, Balaghah, Usul Fiqh dan al-Quran. Apatah lagi mata-mata pelajaran yang memang jelas sekular, seperti Bahasa, Faraid dan Ilmu Hisab. Hanya salah faham mengenai mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah seperti inilah yang telah menimbulkan pendapat setengah golongan masyarakat bahawa para pelajar keluaran sekolah-sekolah ini tidak boleh dipilih sebagai pegawai-pegawai atau kakitangan yang lain selain dari pegawai atau kakitangan agama semata-mata.

Perkembangan sekolah-sekolah pondok seperti Madrasah Saadiyah-Salihiah, walau bagaimanapun, tidak berterusan. Tahun 1959, atau akhir tahun 1950-an bagi madrasah-madrasah lain umumnya, merupakan bermulanya tahap kemunduran mereka. Kemunduran

madrasah ini bermula dengan adanya tunjuk perasaan pada 20hb. Januari 1959, kerana para pelajar membantah cara-cara pentadbiran yang kurang licin. Mereka juga menghendaki supaya taraf pelajaran dipertingkatkan. Tetapi unsur-unsur kelemahan bukan sebenarnya mula dari detik itu. Ia telah mula dirasai apabila Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan (Melayu) telah mula dibina. Para pelajar dari sekolah-sekolah ini akan mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik dari mereka yang datang dari sekolah pondok. Sekolah-sekolah kerajaan ini pula mula mengambil guru-guru dari madrasah-madrasah sebagai guru agama. Sistem pelajaran Persekutuan yang baru, iaitu Sistem Pelajaran Persekutuan 1956, yang telah dipengerusikan oleh Dato' Abd. Razak b. Hussein, Menteri Pelajaran Persekutuan pada masa itu, telah memberikan peruntukan untuk mengajar pelajaran agama Islam mengikut sukatan pelajarannya. Dengan peluang baru dibuka ini, guru-guru di madrasah atau sekolah pondok ini mula mengalir ke sekolah kerajaan pula. Nilai masyarakat mengenai kehidupan mula bertukar. Nilai material menjadi lebih berharga dari nilai rohani. Bertambah ramai bilangan orang-orang yang sudah tidak sanggup untuk berkhidmat semata-mata atas dasar sabilillah sahaja. Kaum keluarga pengasas Madrasah Saadiyah-Salihiah sendiri, yang lebih muda, mula berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan. Mereka juga telah diberi didikan moden (iaitu di sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris). Peluang pekerjaan di bandar-bandar lebih menarik perhatian mereka. Orang-orang yang boleh menyambungkan pengajaran di Madrasah Saadiyah-Salihiah ini berkurangan. Inilah yang perlahan-lahan telah membawa kemerosotan madrasah ini.

Kemerosotan sekolah-sekolah pondok bukan berlaku di Madrasah Saadiyah-Salihiah sahaja, tetapi di merata tempat di seluruh negeri Perak, bahkan di Semenanjung juga. Perkara ini sangatlah menyedihkan, kerana sekolah-sekolah ini juga telah pernah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat Melayu. Oleh itu pihak Kementerian Pelajaran Persekutuan, kerajaan negeri dan Jabatan Agama Islam telah bertindak untuk campur tangan. Pada tahun 1956, sebuah jawatankuasa Menimbang Bantuan Kepada Sekolah-Sekolah Agama Islam Yang Bukan Kerajaan telah ditubuhkan. Walau bagaimanapun urusan-urusan untuk menyelaraskan sukatan pelajaran, pentadbiran dan lain-lain itu telah dijalankan oleh pihak Jabatan Hal-Ehwal Agama dan Adat Istiadat Negeri. Di Perak Jabatan ini dikelolakan oleh pejabatnya di Ipoh.

Campur tangan Jabatan Hal-Ehwal Agama dan pentadbiran madrasah ini telah membawa kebaikan dan kelemahan. Kebaikannya ialah, ia sekarang telah diselaraskan pengelolaan dan jenis-jenis mata pelajarannya dengan madrasah-madrasah yang lain di seluruh negeri Perak. Dengan ini pelajar-pelajar yang suka berpindah dari sebuah sekolah ke sekolah yang lainnya tidak akan merasa terganggu dengan jenis mata pelajaran atau sukatananya di situ. Sebelum ini keadaan yang bertentangan berlaku. Dengan pengawasan yang dibuat oleh Jabatan tersebut, kemajuan tiap-tiap sebuah sekolah itu dapat diketahui dan diikuti.

Kelemahannya pula ialah, sekatan umur bagi murid-murid yang telah dikenakan oleh pihak Jabatan itu telah menghadkan pula bilangan para pelajar yang ingin mengikuti kursus agama secara formal. Sebelum ini, para pelajar dari apa pun peringkat umur boleh belajar di situ.

Pihak Jabatan Agama telah juga membahagikan sekolah-sekolah pondok itu mengikut peringkat yang tertentu. Tiap-tiap satu kumpulan terpaksa mengikuti sukatan pelajaran yang ditetapkan. Ini adalah baik dari segi kemudahan mentadbir, tetapi kurang baik dari segi perkembangan pelajaran agama itu sendiri. Misalnya, sebelum adanya sukatan pelajaran dari Jabatan Agama, mutu pelajaran di sekolah pondok sangat tinggi. Ini berdasarkan kepada satu cara di mana satu pelajaran itu akan terus ditambah sebaik sahaja satu peringkat yang sebelumnya itu telah selesai. Ini akan berterusan selagi para pelajar masih sanggup untuk meneruskan pengajiannya. Sebab itulah terdapat seseorang pelajar di sekolah pondok ini ada kalanya belajar sampai bertahun-tahun lamanya. Keadaan yang semacam ini jugalah yang dapat melahirkan ulama yang lebih matang, yang berani mendebatkan sesuatu masalah agama dengan lebih yakin. Sekarang, hanya para pelajar agama yang berpeluang meneruskan pelajaran di institusi pengajian tinggi sahaja yang boleh berbuat demikian. Tetapi berapa banyaklah pula orang-orang yang mampu sampai ke peringkat ini? Sedangkan sekolah-sekolah menengah agama pun sekarang tidak boleh mengeluarkan ahli-ahli agama yang berkaliber seperti sekolah-sekolah pondok dahulu.

Sekolah-sekolah pondok atau madrasah-madrasah yang didirikan secara bersendirian ini sekarang dinamakan Sekolah Agama Rakyat. Sukatan pelajaran di sesebuah negeri itu tidak pula selaras dengan sukatan pelajaran di Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di

negeri-negeri yang lain di Malaysia ini. Tanggungjawab ini telah diserahkan sebulat-bulatnya kepada Jabatan Agama masing-masing. Pihak Kementerian Pelajaran tidak campur tangan kerana hal ehwal agama dalam tiap-tiap negeri itu adalah di bawah naungan Sultan di negeri-negeri tertentu. Oleh sebab itu nilai Jabatan Agama Negeri dan Kementerian Pelajaran Mengenai Sekolah-Sekolah Agama Rakyat ini berbeza. Misalnya, pihak Jabatan Agama mengiktirafkan kelulusan dari Sekolah-Sekolah Agama Rakyat yang sudah lama dibentuk dalam pengambilan guru-guru agama kerajaan, tetapi tidak diiktiraf oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Jika agama Islam hendak dijadikan agama rasmi kerajaan dengan ertikata yang sebenarnya, sukatan pelajaran agama harus dikaji semula. Nilai yang sewajarnya patut diberikan kepadanya. Misalnya, para pelajar yang beragama Islam dimestikan mengambil mata pelajaran agama sebagai salah satu mata pelajaran di dalam peperiksaan-peperiksaan persekolahan kerajaan. Kelulusan dalam mata pelajaran ini sepatutnya boleh digunakan sebagai salah satu mata pelajaran yang dikehendaki dalam permohonan pekerjaan. Banyak jenis pekerjaan yang mengenakan syarat-syarat kelulusan dengan kepujian dalam mata-mata pelajaran yang tidak termasuk mata pelajaran agama. Sebab inilah ramai pelajar-pelajar yang lebih suka memilih English Literature atau Lukisan dan lain-lain untuk peperiksaan persekolahan mereka, dan meninggalkan pelajaran agama.

Pentadbiran agama Islam di negeri ini akan menjadi lebih pesat jika ia hanya mempunyai satu sahaja pusat agama Islam yang mutlak. Ia boleh bertanggungjawab membuat sukatan pelajaran agama yang lebih tinggi mutunya, bukan bagi sekolah-sekolah kerajaan; rendah, menengah atau yang paling atas, tetapi juga bertanggungjawab mengenai sukatanannya di sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah agama kerajaan di seluruh negara. Ia juga akan bertanggungjawab mengenai sebarang hal-ehwal agama dan perkembangannya. Hanya jika agama Islam dapat berkembang dengan meluasnya, barulah ia akan dapat dijadikan agama rasmi negeri ini dengan membawa ertikata yang sebenar.



BIBLIOGRAFI

Buku-buku

- Abdul Aziz Andik Acuk, *Ilmu Usul Al-Fiqh*, Tingkatan VI, Kuala Lumpur, DBP, 1976.
- Abdul Malik Karim Amrullah, Haji (Hamka), *Tasawuf Modern*, Melaka, Abbas Bandung, 1970.
- Aboebakar, H., *Sedjarah Masjid*, Jakarta, N.V. Visser, & Co., 1955.
- Bloch, B., and G. Trager, *Outline of Linguistic Analysis*, Baltimore, Linguistic Society of America, 1942.
- Deliar Moer, *The Modernist Moslem Movement in Indonesia 1900 - 1942*, London, Oxford University Press, 1973.
- Fachtur Rahman, *Ikhtisar Mushthalah 'l Hadits*, Bandung, Ft Al-Ma'arif, 1974.
- Kamus Dewan*, disusun oleh Dr. Teuku Iskandar, Kuala Lumpur, DBP, 1970.
- Khoo Kay Kim, *Pensejarahan Malaysia*, Siri syarahan Tun Seri Lanang, Kuching, 1975.
- Mahmud Junus, *Sedjarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta, Pustaka Mahmudiah, 1960.
- Mohammad Iqbal, Sir, *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Lahore Shaikh Muhammad Ashraf, 1951.
- Parmer, *Colonial Labour Policy and Administration*, N.Y., 1960.
- Pike, K.L., *Phonetics, a critical analysis of phonetic theory and technic for the practical description of sounds*, Michigan, University of Michigan Press, 1964.
- Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, Majlis Kebangsaan bagi Hal-Ehwal Agama Islam - Malaysia Barat, Jabatan Perdana Menteri, JI. 1-3, 1974.
- Raja Lob Ahmad b. Raja Mohd. Ali, (penyusun), *Riwayat Pertabolan*, Kuala Kangsar, Baitul Annuar, 1940.
- Roff, W.R., *Nationalisma Melayu*, diterjemahkan oleh Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1975.

_____. *The Origin of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1967.

Shellabear, W.G., (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, MPH., 1947.

Wong Hoy Kee, Francis and Ee Tiang Hong, *Education in Mglaya*, Kuala Lumpur, Heinemann, 1971.

Kajian Ilmiah.

Abdul Aziz Mat Ton, "Gerakan Ansarul Sunnah Dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972/73.

Abdul Rashid b. Haji Ahmad, "Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Kelantan", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966/67.

Hassan Hanafi, "Pondok di Dalam Negeri Kedah", Latihan Ilmiah, Kolej Islam Malaya, Kelang, 1958.

Kamaruzzaman b. Abd. Hamid, "Pendidikan Islam di Kalangan Masyarakat Melayu Kapung Sungai Sumun", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1960/61.

Khairiah bt. Bahari, "Madrasah Al-Tautikiah Al-Khairiah Al-Halimiah." Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/77.

Nabir b. Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyariiff Gunung Semangul 1934-1959*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, 1976.

Rozhan Kuntum, "A General Survey of Moslem Religious Schools", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Singapura, 1956.

Salmiah Mat Isa, "Sejarah Penempatan dan Kehidupan Sosial Orang-orang Banjar di Jajahan Krian", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975/76.

Jurnal, Laporan dan Artikel

Abd. Razak b. Hussain, Dato', (Pengerusi), *Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956*, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur.

Federated Malay States, *Resident General's Annual Report for the Year 1903*.

Khoo Kay Kim, *Malay Society 1894 - 1920s*, (tidak tercetak), l.t., 23 muka surat.

Malik Munip, "Konsep Kaum Muda Kaum Tua", *Sejahtera*, Bil. VI, 1972.

Laporan Bulan mengenai Hilir Perak dan Batang Padang dalam *Perak Government Gazette*, 15 March 1955.

_____, quarterly Report on Education, Mei 1894.

Persekutuan Tanah Melayu, *Penyata Jawatankuasa Menimbang Bantuan Kerajaan Kepada Sekolah-Sekolah Agama Islam yang Bukan Kerajaan Tahun 1956*, Kuala Lumpur, Govt., Press, 1957.

Ramsey, A.R., Indonesians In Malaya, *JMBRAS*, Vol. 29, Part 1, 1956.

Rauf, M.A., Islamic Education in Malaya, *Intisari*, Vol., II Part 1.

Tengku Shamsul Bahrain, Indonesian Labour in Malaysia, *Kajian Ekonomi Malaysia*, Vol. 2, 1965.

Utusan Melayu, 21 Januari 1958.

Qulam Bil. 80, Sya'aban 1376, Mac 1957; Bil. 83 Zul Qaidah 1376, Jun 1957.

Fail-fail dan Surat-surat.

- Buku daftar murid-murid Madrasah Saadiyah-Salihiah 1949, 1950, 1955.
- Buku catatan Kiyai Haji Annuar b. Hj. Abd. Wahid.
- Buku catatan Kiyai Haji Salleh b.Hj. Abd. Rahman.
- Daftar penghuni Asrama Madrasah Saadiyah-Salihiah Temoh, Perak, 1955.
- Daftar rumah Kerajaan Batang Padang 1947 -
- Fail Jabatan Hal Ehwal Agama, dalam Tk (AM) 141/68.
- Fail J.U.Pk 2/F 160/52 Part V
- Fail J.U.Pk 1163/67
- Fail Pejabat Tanah Batang Padang, Registration of Titles Index Grant 6373.
- Fail Perak Religious Department 160/52
- Kertas Kerja Seminar Pelajaran Agama Negeri Perak 1974.
- Kumpulan syarahan-syarahan para pelajar Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh, Perak.
- Peraturan-peraturan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama 1974, Lampiran C.
- Surat dari Datin Hajah Sakinah bt. Haji Junid kepada penulis, bertarikh 23 Jun 1977. Datin Hajah Sakinah telah menjawab surat penulis yang bertanyakan hal-hal mengenai al-marhum ayahandanya, Tuan Sheikh Haji Junid Tola yang telah membuka Madrasah al-Diniah, Padang Rengas, Perak. Datin Hajah Sakinah adalah isteri Dato Haji Mohd. Asri, bekas Presiden Parti Islam Se-Malaysia.
- Surat dari Hasran b. Hj. Tahir, pengerusi pertama, kedua, dan ketiga, PPSST, kepada penulis, bertarikh 27 Mac 1977. Saudara Hasran telah menjawab pertanyaan penulis mengenai pergerakan PPSST, tujuan penubuhannya perkembangannya, aktivitinya, dan sebab-sebab para pelajar melancarkan pemogokan yang telah membawa kepada pembubarannya. Penulis terpaksa mengambil butir-butir keterangan ini daripadanya, kerana ia difikirkan orang yang paling layak dan mengetahui tentang hal-hal itu. Bahan-bahan bertulis mengenai PPSST telah musnah dibakar dalam pemogokan 1959 oleh para pelajar Madrasah Saadiyah-Salihiah. Saudara Hasran sekarang bertugas sebagai seorang guru di sekolah kerajaan.
- Alamat penulis surat: Sekolah Kebangsaan Paya Dalam, Melaka.
- Susunan dan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Agama Negeri Perak. Lampiran A.

ORANG-ORANG YANG DITEMURAMAH

Abdullah bin Haji Annuar, Haji.

Umur: 45 tahun.

Pekerjaan: Guru Agama di Sekolah Menengah Horley Methodist, Teluk Anson.

Latar Belakang: Beliau ialah anak yang kedua kepada Haji Annuar b. Hj. Abd. Wahid. Beliau telah mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Temoh, pada awal tahun 1930-an. Pada masa yang sama beliau telah mengikuti pelajaran agama yang telah diajarkan oleh ayahnya sendiri, dan guru-guru yang lain. Setelah tamat sekolah Melayu beliau telah

dihantar ke Madrasah al-Idrisiah, Kuala Kangsar, untuk melanjutkan pelajaran agamanya. Setelah belajar selama beberapa tahun di sini, beliau dan saudara lelakinya, serta bapa-bapa saudaranya (anak-anak Kiyai Hj. Salleh) telah dihantar pula ke Indonesia untuk melanjutkan pelajaran agamanya lagi di beberapa buah sekolah pondok di Jawa. (sila lihat Lampiran H). Setelah tamat Perang Dunia Kedua, beliau telah pulang ke Temoh dan terus berkhidmat mengajar di Madrasah Saadiyah, iaitu pada tahun 1949. Pada awal tahun 1950-an, beliau telah diambil menantu oleh seorang pengasas sekolah pondok di Parit Tujuh, Sungai Sumun, dan terus mengajar di sana, iaitu, di Madrasah al Huda. Pada akhir tahun 1950-an beliau telah berkhidmat sebagai seorang guru agama di sekolah kerajaan, hingga sekarang.

Tarikh ditemuramah: 20.5.1977.

Alamat sekarang: Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Horley Methodist, Teluk Anson.

Asiah bt. Yeop Ahmad

Umur: 38 tahun.

Pekerjaan: Suri rumahtangga.

Latar belakang: Beliau telah mendapat didikan awal di Sekolah Pondok, Madrasah al-Diniah, Kampung Lalang Padang Rengas, Perak. Beliau ialah cucu saudara kepada Haji Sheikh Junid Tofa, pengasas madrasah tersebut. Beliau telah dapat melanjutkan pelajaran di Madrasah Ihya Syariff Gunung Semanggul pada tahun 1950-an. Setelah tamat pengajiannya di situ, beliau telah kembali ke Padang Rengas dan mengajar di madrasah di situ, sehinggalah beliau berkahwin dengan Ustaz Hj. Zawawi b. Hj. Salleh, Temoh.

Tarikh ditemuramah: 12.4.1977.

Alamat sekarang: Kampung Lalang, Padang Rengas, Kuala Kangsar, Perak.

Busro b. Haji Annuar, Haji.

Umur: 38 tahun.

Pekerjaan: Guru agama di Sekolah Menengah Rendah, Tapah.

Latar belakang: Beliau telah mula menerima pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Temoh. Pada masa yang sama, beliau telah mengikuti pendidikan agama di Madrasah Saadiyah, yang diajar oleh bapanya, dan guru-guru yang lain seperti Ustaz Hj. Mohd. Surur b. Hj. Hassan. Setelah tamat pengajiannya di kedua-dua buah sekolah tadi, beliau telah melanjutkan pelajaran agamanya di Madrasah al-Ulum di Pontian, Johor dan Madrasah Dairah al-Maarif, Kepala Batas, Seberang Prai. Sekembalinya dari situ beliau telah mengajar di Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh. Pada akhir tahun 1950-an, beliau telah membuka madrasah cawangan di Tanjung Malim, Perak. Madrasah tersebut diberi nama Madrasah al-Ibtidaiyah. Daripada situ beliau telah membuka lagi madrasah yang lain, di Balun Slim River, Perak, dengan nama Madrasah al-Diniah. Madrasah ini ditadbirkannya di bawah madrasah yang di Tanjung Malim. Beliau telah dibantu oleh beberapa

orang guru yang telah mendapat latihan di Madrasah Saadiyah-Salihiah. Di Slim Village sendiri, sebuah madrasah cawangan yang lain lagi telah berjaya didirikan, bernama Madrasah Arsyadun Nas. Pada awal tahun 1960-an beliau telah memasuki perkhidmatan guru kerajaan di sekolah menengah kebangsaan, sehingga sekarang.

Tarikh ditemuramah: 12.5.1977 dan 20.5.1977.

Alamat sekarang: Sekolah Menengah Rendah, Jalan Pahang, Tapah, Perak.

Fatimah bt. Haji Salleh, Hajah.

Umur: 70 tahun.

Pekerjaan: Suri rumahtangga.

Latar belakang: Beliau telah dilahirkan di Peowoerdjo, Jawa Tengah, Indonesia. Beliau ialah anak pertama Kiyai Haji Salleh, dan telah mengikutinya berhijrah ke Temoh, Perak ketika beliau berumur tiga tahun, pada tahun 1910. Beliau telah mengikuti perkembangan Kampung Temoh, yang telah dibuka oleh ayahnya, dan juga perkembangan Madrasah-madrasah yang diasaskan oleh orang tuanya itu. Beliau hanya menerima didikan agama yang dijalankan di madrasah di situ. Beliau telah dikahwinkan oleh ayahnya dengan Kiyai Hj. Yahya bin Hj. Salleh, sepupunya sendiri. Kiyai Hj. Yahya adalah orang yang kedua datang dari Jawa untuk mengajar agama di Madrasah al-Umumiah al-Jawawiah, Madrasah Saadiyah dan juga di madrasah-madrasah lain yang telah dibina di kampung-kampung jirannya, seperti di Kampung Haji Ariff, Kampung Haji Dahlan dan di Kampung Tengah Sungai Lesung, Temoh.

Tarikh temuramah: 31.3.1977 dan 16.7.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Hafsatun b. Haji Salleh, Hajah.

Umur: 60 tahun.

Pekerjaan: Suri rumahtangga.

Latar belakang: Beliau ialah anak yang kelima pengasas madrasah Saadiyah-Salihiah. Pendidikan awalnya telah diperolehi di Sekolah Melayu Temoh, sehingga tamat Darjah Tiga. Pendidikan agamanya telah diperolehinya di madrasah yang telah dibina oleh ayahnya. Gurunya ialah Kiyai Hj. Annuar b. Hj. Abd. Wahid, Kiyai Hj. Yahya dan bapanya sendiri. Beliau telah dikahwinkan dengan Ustaz Hj. Mohd. Surur b. Haji Hassan. Setelah Madrasah Salihiah dibina, pada tahun 1955, beliau telah meneruskan pelajarannya lagi. Ketika itu beliau telah mempunyai lima orang anak. Beliau telah megalami sendiri peristiwa-peristiwa perbalahan Kaum Muda-Kaum Tua di antara suaminya dan abang iparnya, Kiyai Hj. Annuar.

Tarikh ditemuramah: 3.6.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Hashim bin Haji Salleh, JP, Haji.

Umur: 62 tahun.

Pekerjaan: Ketua Kampung Temoh; Yang Dipertua Madrasah Saadiyah-Salihiah; Pengerusi Lembaga Kemajuan Kampung; Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu/bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Temoh; dan lain-lain ahli jawatankuasa badan-badan sukarela di daerah Batang Padang. Beliau mempunyai perusahaan sendiri.

Latar belakang: Beliau adalah anak Kiyai Haji Salleh yang keempat. Beliau paling rapat mengikuti aktiviti-aktiviti ayahnya sejak tahun 1930-an lagi. Oleh kerana mempunyai kebolehan untuk mentadbir, ayahnya telah menyerahkan banyak tugas-tugas pembinaan dan pengelolaan madrasah kepadanya. Dengan itu beliaulah yang paling ingat tentang kemajuan yang telah dicapai oleh ayahnya, sama ada dari segi perkembangan kampung atau madrasahnyanya. Beliau telah menerima didikan asas di Sekolah Melayu Temoh. Setelah tamat di situ, beliau telah melanjutkan pelajaran agamanya di Madrasah Al-Idrisiah, Kuala Kangsar. Lepas itu beliau melanjutkan pelajarannya lagi di beberapa buah madrasah di Jawa, Indonesia. Beliau sangat aktif dalam pergerakan-pergerakan masyarakat, oleh itu beliau telah dilantik dengan sebulat suara oleh orang-orang kampung, menjadi Ketua Kampung, setelah kematian Kiyai Haji Salleh. Pada tahun 1972, beliau telah dianugerahkan pingat Jaksa Pendamai oleh D.Y.M.M. Sultan Perak, Sultan Idris Shah ibni Sultan Iskandar Shah.

Tarikh ditemuramah: 17.4.1977 dan 25.5.1977.

Alamat sekarang: /Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Mohd. Amin bin Haji Sadnawi, Haji.

Umur: 57 tahun.

Pekerjaan: Peniaga, dan guru agama sambilan di madrasah-madrasah di kawasan daerah Batang Padang dan Hilir Perak.

Latar belakang: Beliau telah menerima pendidikan agama di pesanteren di Jawa Tengah. Beliau telah datang ke Temoh, Perak, untuk mengahwini sepupunya, Aishah bt. Haji Annuar, anak perempuan pertama Kiyai Hj. Annuar. Sejak itu beliau telah sama-sama mengajar di Madrasah Saadiyah-Salihiah. Pada awal tahun 1950-an beliau telah diminta untuk menjadi mudir di Madrasah al-Islahiah, Sabak Bernam, Selangor. Tetapi pada akhir tahun itu juga beliau telah kembali ke Temoh, dan menyambungkan pengajarannya di Madrasah Saadiyah-Salihiah hingga sekarang (1977).

Tarikh ditemuramah: 20.5.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Mohd. Nor bin Haji Salleh, Haji.

Umur: 50 tahun.

Pekerjaan: Mudir Madrasah Saadiyah-Salihiah; Mubaligh yang berkhidmat di bawah Jabatan Hal-Ehwal Agama Negeri Perak.

Latar belakangnya: Beliau telah menerima didikan asas di Sekolah Melayu Temoh. Setelah tamat, beliau telah disekolahkan di Madrasah Al-Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak. Selepas itu beliau telah dihantarkan oleh bapanya ke Indonesia untuk melanjutkan pelajaran agamanya di sana. Antara madrasah di mana beliau telah mendapat didikan ialah; Madrasah Kediri, Tanah Jawa. Selepas Perang Dunia Kedua tamat, beliau telah pulang ke Temoh, dan mula mengajar di Madrasah Saadiyah. Beliau terus mengajar di situ sehingga Madrasah Salihiah (cawangan sekolah puteri) ditubuhkan pada tahun 1955. Sejak dari itu beliau telah memegang jawatan sebagai mudirnya.

Dalam tahun 1950-an beliau sangat aktif dalam sukan, dan telah menjadi kapten pasukan bola Madrasah Saadiyah. Pasukan ini telah memenangi perlawanan Piala Guru-Guru Batang Padang. Pada masa ini juga Madrasah Saadiyah terkenal juga kerana sukan badmintonnya.

Beliau telah berkahwin dengan Ustazah Mahbee bt. Sheikh Muhammad dari Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang pada 1955.

Tarikh ditemuramah: 21.5.1977, 1.6.1977 dan 16.7.1977.

Alamat sekarang: Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh, Perak.

Mohd. Surur bin Haji Hassan, Haji.

Umur: 65 tahun.

Pekerjaan: Penjelia Kelas Kemajuan Masyarakat, Batang Padang, Perak; Guru agama sambilan di madrasah-madrasah di beberapa buah kampung di daerah Batang Padang; dan guru Madrasah Saadiyah-Salihiah.

Latar belakang: Beliau telah menerima didikan asas di Sekolah Melayu Teronoh, Perak. Beliau telah pernah belajar berzanji di Sungai Korok, Tok Kai, Kedah. Pada tahun 1920 beliau telah meneruskan pelajarannya di Sekolah Melayu, Temoh. Sambil itu beliau telah juga mengikuti pelajaran Bahasa Inggeris di Wah Eng English School (Private), Temoh. Pada tahun 1925, beliau telah dihantarkan oleh Kiyai Haji Salleh ke Tanah Jawa untuk melanjutkan pelajaran agamanya di sana. Semasa di Temoh, beliau telah 'memondok' di Madrasah Saadiyah, dan telah membuktikan bahawa beliau seorang murid yang cergas. Inilah sebabnya beliau telah dipilih oleh pengasas supaya melanjutkan pelajarannya ke Indonesia, atas perbelanjaan pengasas. Sebelum pergi ke sana, beliau telah ditunangkan dengan Hafsatun bt. Hj. Salleh, anak pengasas. Di Indonesia beliau telah bersekolah di Pesanteren Tegal selama setahun; di Termas Pacitan; di Solo. Semasa di Solo, beliau telah juga mengikuti kursus Bahasa Belanda. Pada tahun 1930, beliau telah kembali ke Pesanteren di Tegal dan menamatkan pelajaran agamanya di situ. Lepas ini, selama setahun beliau telah mengajar di Madrasah Muhammadiyah. Beliau tidak lama di sini kerana beliau pergi ke Solo lagi. Kali ini, beliau telah mengikuti pula simpankira kursus dan Bahasa Inggeris di sebuah Sekolah Perdagangan di Solo. Kemudian beliau telah pergi pula Djombang di Jawa Tengah untuk menghabiskan pengajian kitab Bukhari dan Abu Daud. Lepas ini, beliau telah pergi ke Madura untuk belajar menghafal Quran; ke Sampang; dan balik ke Solo lagi. Pada tahun 1936, beliau telah pulang ke Temoh, Perak, dan terus mengajar di Madrasah Saadiyah. Di sini, beliau telah memperkenalkan beberapa buah mata pelajaran yang baru kepada murid-muridnya.

Pelajaran ini termasuklah mata pelajaran agama seperti Musthalah Hadis, Usulul Fiqh; dan juga pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Kesihatan, Lukisan, Bahasa Melayu, dan lain-lain. Beliau juga telah mengenalkan pasukan bola sepak di kalangan murid-muridnya. Pada masanya, beliau yang mula-mula mengenalkan cara pengajaran yang moden, iaitu, menggunakan kerusi meja, papan hitam dan buku tulis. Semua inilah yang telah menjadikan pertentangan antaranya dan birasnya, Kiyai Haji Annuar b. Hj. Abd. Wahid. Inilah yang menyebabkan tuduh-menuduh berlaku di antara mereka dan murid-murid mereka yang mula pihak-memihak. Walau bagaimanapun kekusutan ini akhirnya dapat diselesaikan, dan Madrasah Saadiah dan Salihiah terus berkembang.

Pada tahun 1949, Ketua Kampung parit Baru, Selangor, Tuan Haji Abu Hassan telah meminta supaya Haji Mohd. Surur dapat menjadi mudir di madrasah yang baru dibuatnya, Madrasah al-Saqafiah al-Islamiah. Memandangkan pada ketika itu anak-anak Kiyai Haji Salleh telah ramai pulang dari Indonesia, beliau telah meletakkan jawatan menjadi guru di situ, dan mengajar pula di Parit Baru. Beliau di sini hingga tahun 1962.

Sejak tahun 1964, beliau telah balik ke Temoh, dan mengajar semula di Madrasah Saadiah-Salihiah. Pada masa yang sama, beliau menjadi Penyelia kelas Kemajuan Masyarakat Daerah Batang Padang Utara.

Tarikh ditemuramah: 1.5.1977, 2.6.1977 dan 3.6.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Mohd. Taib bin Haji Abdullah

Umur: 52 tahun.

Pekerjaan: Guru Besar Sekolah Kebangsaan, Bagan Pasir, Perak.

Latar belakang: Beliau telah menerima didikan asas di Sekolah Melayu Temoh hingga tamat. Beliau telah berpeluang melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Setelah tamat, beliau berkhidmat menjadi guru di beberapa buah sekolah Melayu, di antaranya, beliau pernah mengajar di Sekolah Melayu Bagan Datoh, di Sekolah Melayu Tapah Road, di Banir, di Tapah, di Temoh, dan mengetahui serba sedikit tentang perkembangan kampung ini. Beliau juga telah mengikuti didikan agama di Madrasah Saadiah. Keluarga-nya adalah salah satu keluarga yang tertua di Temoh.

Tarikh ditemuramah: 30.9.1977.

Alamat sekarang: Sekolah Kebangsaan, Bagan Pasir, Bagan Datoh, Perak.

Nahrawai bin Haji Annuar, Haji.

Umur: 50 tahun.

Pekerjaannya: Berkhidmat dengan sebuah syarikat perlombongan di Temoh (Syarikat Zain & Nun Sdn., Bhd.,) dan menjadi guru agama sambilan di Temoh.

Latar belakang: Beliau adalah anak sulung Kiyai Haji Annuar. Beliau telah mula mendapat didikan asas di Sekolah Melayu Temoh, dan juga di

Madrasah Saadiyah. Selepas tamat pengajiannya di sini, beliau telah melanjutkan pelajaran di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajarannya pula di beberapa buah pesanteren di Jawa. Di antaranya ialah di Pesanteren Kediri. Selepas Perang Dunia Kedua, beliau telah balik ke Temoh, dan terus mengajar di Madrasah Saadiyah-Salihiah. Beliau telah mengajar di beberapa buah madrasah yang lain dari Madrasah Saadiyah-Salihiah. Mulai akhir tahun 1960-an beliau telah berkhidmat di syarikat perlombongan tersebut di atas.

Tarikh ditemuramah: 20.5.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Rokiah bt. Haji Salleh, Hajah.

Umur: 68 tahun.

Pekerjaan: Suri rumahtangga.

Latar belakangnya: Beliau adalah anak kedua kepada pengasas Madrasah Saadiyah-Salihiah. Beliau telah mendapat didikan agama di madrasah ini. Waktu beliau berumur 13 tahun beliau telah dikahwinkan dengan Kiyai Haji Annuar b. Hj. Abd. Wahid.

Tarikh ditemuramah: 15.4.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Rusiatun bt. Haji Othman, Hajah.

Umur: 62 tahun.

Pekerjaan: Suri rumahtangga.

Latar belakang: Beliau telah dilahirkan di Kali Durin, Poewoerdjo, Jawa Tengah, Indonesia. Beliau telah menerima didikan asasnya di Sekolah Rakyat Indonesia, di tempat lahirnya. Setelah tamat, beliau berpeluang melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah, dan Sekolah Belanda, di Poewoerdjo. Beliau hanya berpeluang di sini selama tiga tahun, kerana beliau telah dikahwinkan kepada Kiyai Haji Salleh, pada tahun 1937. Sejak dari itu, beliau telah berhijrah ke Temoh, Perak. Beliau telah mengikuti perkembangan madrasah-madrasah yang telah dibina oleh suaminya, hinggalah cawangan madrasah puterinya dibina pula pada tahun 1955. Dengan terbuka madrasah ini, beliau telah turut sama memasuki kelas-kelas dan belajar di situ hingga tamat pelajarannya ke peringkat Qisnul Sadis. Selepas tamat, beliau berkhidmat sebagai salah seorang gurunya di situ. Semasa beliau memasuki madrasah ini sebagai seorang murid, beliau telah pun mempunyai anak seramai lima orang. Beliau telah memahami kedudukan setengah dari murid-murid yang belajar di situ, sama ada lelaki atau perempuannya. Oleh itu beliau telah mengambil beberapa orang dari mereka yang susah sedikit kehidupannya sebagai anak angkat.

Tarikh ditemuramah: 27.6.1977 dan 16.7.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Salleh bin Ali, Haji.

Umur: 68 tahun.

Pekerjaan: Telah bersara, dan mengajar sebagai guru agama sambilan.

Latar belakang: Beliau telah menerima didikan awal di Sekolah Melayu Temoh dan di Madrasah al-Umumiah al-Jawawiah, Temoh, yang diasaskan oleh Kiyai Haji Salleh. Oleh kerana beliau merupakan salah seorang yang cergas dalam pelajarannya, maka Kiyai Haji Salleh telah memilihnya untuk melanjutkan pelajarannya ke Indonesia, sebagaimana yang telah dilakukan kepada Ustaz Haji Mohd. Surur. Sebelum beliau pergi, beliau telah ditunangkan kepada anak perempuan Kiyai Haji Salleh, Khadijah. Di Tanah Jawa, beliau telah mengikuti pelajaran di Pesanteren di Termas, Pacitan. Ini adalah pada tahun 1932. Pada tahun 1940, beliau telah melanjutkan pelajarannya lagi di Redjoso, Djombang di Jawa Timur. Dua tahun selepas itu, beliau telah melanjutkan lagi pelajarannya pula di Sampang, Madura. Pada tahun 1944, beliau balik semula ke Termas. Pada tahun hadapannya, iaitu, pada tahun 1945, beliau telah pulang ke Temoh semula. Sekembalinya di Temoh, beliau telah mendapati bahawa Madrasah Saadiah telah pun berkembang di bawah pimpinan Ustaz Haji Mohd. Surur. Tetapi apabila ustaz Haji Mohd. Surur berpindah ke Parit Baru, Selangor, beliau telah mengambil alih jawatan mudir hinggalah pada 1955. Semasa beliau berkhidmat di situ, beliau telah menubuhkan Persatuan Pembantu Pelajar-Pelajar Islam (PPIS), dan berjaya memberikan bantuan kepada beberapa orang pelajar Madrasah Saadiah-Salihiah melanjutkan pelajaran mereka ke madrasah-madrasah lain yang lebih tinggi pelajarannya, di Perak. Selain dari persatuan ini, beliau telah juga menubuhkan Persatuan Sekolah-Sekolah Agama bagi daerah Batang Padang dan Hilir Perak, atau *Wahdatul Madaris*. Beliau berhenti mengajar di Madrasah Saadiah-Salihiah dan menjadi mudir di Madrasah Tarbiah al-Islamiah, di Temoh juga, kerana hendak mengembangkan lagi cawangan madrasah Saadiah-Salihiah. Beliau berkhidmat di situ hingga pada 1964.

Tarikh ditemuramah: 2.5.1977 dan 3.6.1977.

Alamat sekarang: Kampung Haji Salleh, Temoh, Perak.

Zawawi bin Haji Salleh, Haji.

Umur: 48 tahun.

Pekerjaan: Nazir Sekolah-sekolah Agama Rakyat Negeri Perak.


Latar belakang: Beliau telah mendapat didikan asas di Sekolah Melayu Temoh, dan di Madrasah Saadiah. Setelah tamat pengajiannya di sini, beliau telah dihantar ke Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar. Pada tahun 1938, beliau telah dihantarkan pula ke Indonesia, untuk melanjutkan pelajaran agamanya. Di sana beliau telah belajar di Pesanteren di Kediri. Beliau adalah anak yang kesembilan pengasas Madrasah Saadiah. Pada tahun 1945, beliau telah kembali ke Temoh, dan sejak itu beliau telah mengajar di Madrasah Saadiah-Salihiah hinggalah perlantikannya sebagai Nazir Sekolah-sekolah Agama Rakyat Negeri Perak pada tahun 1959.

Semasa beliau menjadi guru di Madrasah Saadiyah-Salihiah, beliau menggalakkan pelajar-pelajar di situ supaya giat dalam bidang bahasa dan sastera. Beliau sendiri sangat berminat dalam jurusan ini. Oleh itu terdapatlah pada tiap-tiap kali diadakan *Ikhthifal* di madrasah ini, telah juga diadakan pementasan-pementasan sandiwara, dan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan yang lain, seperti pencak silat, pertunjukan kehandalan, seperti menunggang motosikal di atas seorang yang sedang berbaring, dan lain-lain.

Pada masa ini juga Persatuan Pelajar-Pelajar Madrasah Saadiyah-Salihiah aktif.

Tarikh ditemuramah: 23.5.1977.

Alamat sekarang: Jabatan Hal-Ehwal Agama, Dan
Adat Istiadat Melayu Perak,
Jalan Douglas,
Ipoh, Perak.



Lampiran A

-79-

CONSULAAT-GENERAAL
DER
NEDERLANDEN
SINGAPORE

LN... ..

No. 2342.

VERKLARING.

Heden den 27sten Mei 1937 verscheen voor mij Consul-Generaal der Nederlanden te Singapore, de persoon, die met zijn zoon HADJI ACHMED oud 26 jaar, op de hieraan gehechte photo's is afgebeeld. Hij verstreefde mij de volgende gegevens:

Naam:	HADJI SALLEH BIN HADJI ABOLRAHMAN.
Oud:	50 jaren.
Landnaard:	Javaan, geboren te Kampong Berer, Poerwodjo.
Beroep:	Kebonsigenaar.
Woonplaats:	Batu Pabat, Jalore.

Belanghebbende verklaarde voorts dat hij ruim 15 jaren geleden zijn Kampong heeft verlaten zonder in het bezit te zijn van een Ned. Ind. paspoort of van een soort ketergang. Hij wenscht thans naar Poerwodjo op fraailig bezoek te gaan.

De ondergetoekende heeft geen reden aan de waarheid van de verklaring van comparant te twifelen, weshalve hij dit certificaat aan belanghebbende uitreikt, teneinde hem in staat te stellen naar Nederlandsch-Indie terug te keeren. Het certificaat is geldig VOOR DEN ENKELLEN REIS VAN SINGAPORE VIA SILLANGI NAAR POERWODJO per s.s. "Piancius" op 28 Mei 1937.

Belanghebbende werd aangeraden om voortaan voor reizen naar het buitenland bij de autoriteiten te Poerwodjo een paspoort aan te vragen.

Singapore, 27 Mei 1937.
De Consul-Generaal der Nederlanden,
Voor dezen:



No. 2342
KONSULAIRRECHTEN
Bijzondere Invoelg
Artikel 1. sub 2
Dit is de... ..

Terjemahan (Lampiran A)

Hari ini 27 Mei 1937. Orang ini, yang gambarnya terlekat bersama-sama anak lelakinya, Haji Ahmad, berumur 26 tahun, di hadapan saya, Konsul Jeneral Belanda di Singapura, telah memberikan kepada saya butir-butir ini.

Nama: Hadji Salleh bin Hadji Abdoerahman.

Umur: 50 tahun

Bangsa: Jawa, diperanakan di Kampung Bener, Poerworedjo.

Pekerjaan: Tuan Tanah.

Alamat: Batu Pahat, Johor.

Orang yang berkenaan telah, selanjutnya, mengatakan bahawa lebih dari 15 tahun yang lalu, ia telah meninggalkan kampungnya dengan tidak ada mempunyai pasport kerajaan Hindia Timur, atau surat keterangan. Sekarang ia bertujuan hendak pergi ke Poerworedjo untuk melawat keluarganya.

Saya, yang bertandatangan di bawah, tidak menaruh sebarang syak mengenai keterangan yang telah diberikan oleh orang yang membuat permohonan ini.

Sijil ini sah hanya bagi satu perjalanan dari Singapura melalui Semarang ke Poerworedjo, dengan kapal, S.S. "Plancius" pada 28hb. Mei 1937.

Orang yang berkenaan telah diberitahu bahawa ia harus membuat permohonan untuk membuat pasport di Poerworedjo bagi perjalanan-perjalanan ke luar negeri.

Singapura, 27hb. Mei 1937,
Konsul Jeneral Belanda.

(tandatangan)

شستن الجوهرة في التوحيد

بسم الله الرحمن الرحيم

ثم صلواته
وقدمى الدين عن التوحيد
بسيه وعذبه للحق
وأبو وصيه وحزبه
مختم يحتاج للسير
فصار به الإحصاء من
(جوهرة التوحيد) قد صديقا
بما مرود في التوكيد طمأنينة
عامة أن يعرف أن ما قد وجبا
ومثل في رسله وأما
إياته ثم يزل من تردد
وبهم حقق فيه الكسما

(العبد لله) على صلواته
عنه يا رسول الله
بما رشده الخلق ليدفن الحق
ألمع (محمدا) العذب أرسل ربه
وأبداه نعم بأهل الدين
ولكن من الظهوره كمال الإجماع
أزجيرة لسهوها
كأنه أرحم من التبول فما
مكف من كلف شر ما وجبا
قد والجسر والامتثال
من فله من التوحيد
بعض التوهم تكفي العظما

قال إن يحزم يقول الدين
وأعزم بان أولا مما
فانظر إلى شك في أنتقل
فندبه سنا يدع الحكيم
وكن ما جز عليه الدم
وغير الأيئات بالتصدقين
فقبل شرطه كالمثل وتقبل على
مثل هذا ألحج والصلوات
ورحمت زيادة الأيئات
وتنصه بقصا وقيل لا
فوامس له الرجود والقدم
• وأنه لما ينال القدم
قدمه بلغم وعذابة
عن صر أو شبه شريك شيئا
وقدمه إرادة وتلويح
ولا يقبل مكتسب

كمن والآن بزل في العير
مترفة وفيه شاكف منتصب
لذاته القلبي ثم السهلي
أكن به فم ذليل القدم
عنه فضا وتقبل القدم
والطق فيه العذاب بالحقائق
شطر والإسلام
كذا العظام فؤور وإرادة
بما تزيد طاعة الإنسان
وقيل لأخاف كذا قد
كذا بما لا يناب بالقدم
ثم دلت برهان هذا القدم
منزهة أو صافية
ووالد كذا أراثة والآراء
أمرأ وأما والإحسا كذا
فأفصة سبل لمن وتروح تريب

Lampiran C

Senarai Kitab

Ilmu Tauhid

1. Al-Sarkowi 'ala hudhydi oleh Sheikh Abdulla Sarkowi.
2. Abdul Salam, oleh Abdul Salam ibni Ibrahim Al-Maliki.
3. Fathul Majid, oleh Nawawi ibni Omar Al-Jawi.
4. Matan Sanusi, oleh Ibrahim Al-Bajuri.
5. Syarah Kifayatul 'Awam, oleh Ibrahim Al-Bajuri.
6. Syarah Sanusi, oleh Ibrahim Al-Bajuri.
7. Hushnul Hamidiah (Ummul Barahin).
8. Risalatul Tauhid.

Ilmu Fiqh

1. Al-Sitini Masa'alah, oleh Sheikh Ahmad Ramlee.
2. Al-Bajuri, oleh Sheikh Ibrahim Bajuri.
3. Al-Irsyadul Imam, oleh Syafuddin ibn Abi Bahrun.
4. Al-Mahali, oleh Jalaluddin Al-Mahali.
5. Al-Sarqowi, oleh Sheikh Abdullah ibn Hijazi.
6. Fathul Qarib, oleh Sheikh Mohd. Kassim Al-'Azi.
7. Fathul Mu'in, oleh Zainuddin ibn Abd. Aziz.
8. Ghayatul Taqrib, oleh Khozi Ahmad ibn Hussin Al-Asfihani.
9. Chayatul Dayan, oleh Sheikh Ramlee.
10. Il'anatul Tholibin, oleh Sheikh Abu Bakar ibn Sheikh Mohd. Al-Misri.
11. Manhajut Tholibin, oleh Imam Abu Zakaria Yahaya ibn Sharaf an Nawawi.
12. Sulam Al-Taufiq, oleh Sheikh Abdullah ibn Hussin ibn Tohor ibn Mohd. ibn Hasyim Ba'alwi.
13. Syafinatul Naja, oleh Salim ibn Sumairin Al-Hadhori.
14. Tuhfatul Tholabi, oleh Sheikh Islam Abu Yahaya Zakaria.
15. Durusul Fiqh fil 'Akoidi wal 'I adat.

Usul Fiqh

1. Fathul Rahman, oleh Zakaria Al-'Ansori.
2. Ghayatul Usul, oleh Zakaria Al-Ansori.
3. Matan Waraqat (Mabadik Awaliah), oleh Ahmad Mohd. Al-Dimyati.

4. Syarah Waraqat, oleh Ahmad Mohd. Al-Dimyati.
5. Hussyulul Makmul (Jam'ul Jawani), Tajuddin Abd. Wahab ibn Syukri.

Al-Quran/Tafsir

1. Kitab al-Quran.
2. Al-Nasafi, oleh Najmuddin Umar Nasafi.
3. Jalalain, oleh Jalaluddin Al-Nahali Jalidin Al-Sayuti.
4. Tafsir Mohd. Abdul.

Ilmu Tasauf

1. Bidayatul Hidayah, oleh Imam Ghazali.
2. Bidayatul Salikin, oleh Imam Ghazali.
3. Minhajul Abidin, oleh Imam Ghazali.
4. Ibnu 'Arabi.
5. Risalatul Mu'awanah, oleh Afifuddin Sheikh Abdullah Al-Hadadi.

Hadis

1. Al-Majalisu Sahinyah, oleh Sheikh ibn Hijazi.
2. Bulughul Maram, oleh Hafiz Snikhabuddin Ahmad ibn Ali.
3. Matan Arabin, oleh Abu Zakaria Yahya Nawawi.
4. Subulus Salam, oleh Imam Muhammad ibn Ismail.
5. Jawahirul Bukhari.
6. Sohih Bukhari.

Musthalah Hadis

1. Al-Baiquniah, oleh Sheikh Umar ibn Sheikh Muhammad.
2. Hassyiah Baiquniah, oleh Sheikh 'Atiyah Al-Ajhuri.
3. Minhatul Mughiz.
4. Syarah Al-Baiquniah, oleh Sheikh Muhammad Zurkoni.

Nahu

1. Al-Muqoddimah Al-Jurumiah, oleh Sheikh Al-Jurun ibn Suha-ji.
2. Al-Azhariah, oleh Sheikh Khalid Al-Azhari.
3. Alfiah, oleh Jamaluddin Mohd. ibn Abdullah ibn Maliki.
4. Mukhtasran Jiddan 'ala Al-Jurumiah, oleh Sheikh Ahmad ibn Zain Dahalan.
5. Mujibun Nada, oleh Sheikh Abdullah ibn Ahmad Al-Faqihi.

6. Ibnu 'Akil, oleh Sheikh Abdul Mun'ami.
7. Al-Nahu Wathikh, Juz Awal - Al-Sadis.

Ilmu Syaraf

1. Al-Matlub Syarah Limatli'al Maksud.
2. Al-Maksud, oleh Imam Abu Hanifah.
3. Ibnu 'Akil, oleh Sheikh Abdul Mun'ami.
4. Syarah Li Tafsiri Lizzi, oleh Abu Hassan Ali ibn Hisyam Al-Kailani.
5. Talhisul Asas Syarhul Kitabil Binai, oleh Ali bin Usman.

Ilmu Balaghah

1. Al-Sowi.
2. Al-Amarkondi.
3. Al-Jauhari Maknun, oleh Abd. Rahman Al-Akhzuri.
4. 'Akdatul Jumani, oleh Suyuti.
5. Muktasar Ma'ani.

Ilmu Mantiq

1. Al-Sulami, oleh Sheikh Muhammad Al-Anbani.
2. A'idho Hubbani, oleh Sheikh Ahmad Samhuri.
3. Syarah Sulami, oleh Ahmad Malawi.

Geografi

1. Geografiah Al-Malayu, oleh Ibn Rawi.

Lampiran D

Duplicate



.....

I, Haji Katijah bin Abdulrahman upon a Deed of Trust, do hereby
confer on the above of said land unto which No. 1001 is the number
in the title of Chamberlain in the District of Pulau Pinang, or
hereby appoint Haji Katijah bin Abdulrahman upon a Deed of Trust
Trustee of the said land for the benefit and on the behalf of
Perderantat Muzamil Jannah of the abo.

These things are done in witness whereof:-

1. That Haji Katijah bin Abdulrahman, the Trustee shall manage
the said land and take any of the income for the benefit of
Perderantat Muzamil Jannah.

2. That Trustee shall keep a true account of the income and
expenditures on behalf of the said child.

3. The said land shall not be sold, charged or otherwise disposed of.

4. In the event of the Trustee's death or resignation, his trustee's
legal heir shall succeed here.

In witness whereof the Trustee has signed and his hand and seal at Kuala
Lumpur this 5th day of March, 1931.

Signed, sealed and attested
by the above named Haji
Katijah bin Abdulrahman
in the presence of:-

*RTM
Haji Katijah*

*Witnessed by
[Signature]
as called*



Lampiran F

Senarai nama orang yang telah mewakafkan tanah mereka kepada Madrasah Saandiah-Salihiah Temoh, Perak (termasuk bagi Madrasah al-*Ngumumil Jawawiah*).

Nama-nama	Dari	Tarikh	Banyaknya
1. Kassan b. Setro	Temoh, Perak	28.3.1928	Tidak disebut
2. Kaji Katijah bt. Pawirowinangan	Chenderiang, Perak	5.3.1931	Tidak disebut
3. Basar b. Ranadikarma	Hutan Melintang, Perak	9.8.1937	nilai \$500.00
4. Saru b. Hj. Sapihi & Hj. Idris b. Hj. Ibrahim	Sungai Helang, Selangor.	21.1.1939	nilai \$2,000.00
5. Hj. Salleh b. Hassan	Sungai Manik, Perak.	30.11.1939	Tidak disebut
6. Hj. Abd. Karjnk. Hj. Abu Bakar	Ayer Kuning, Perak.	24.2.1940	Tidak disebut
7. Parikum bt. Hassan	Sungai Manik, Perak.	27.5.1940	Tidak disebut
8. Khatijah bt. Hj. Salleh	Temoh, Perak.	14.7.1941	8 ekar, 2 <i>ela</i> , 26 <i>pl</i>
9. Hj. Salleh b. Hj. Abd. Rahman.	Temoh, Perak.	18.7.1941	6 ekar, 0 <i>ela</i> , 12 <i>pl</i>
10. Hj. Haliman bt. Mustahal.	Temoh, Perak.	27.10.1941	3 ekar, 3 <i>ela</i> , 12 <i>pl</i>
11. Pinah bt. Mohammad	Temoh, Perak.	29.10.1941	2 ekar, 1 <i>ela</i> , 23 <i>pl</i>
12. Atun bt. Hj. Salleh	Temoh, Perak.	Feb. 1951	2 ekar, 3 <i>ela</i> , 26 <i>pl</i>
13. Dalian bt. Jodi Kromo	Temoh, Perak.	Feb. 1952	Tidak disebut.
14. Hj. Salleh b. Hj. Abd. Rahman	Temoh, Perak	Feb. 1954	Tidak disebut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي فضل بن آدم بالعلم والعمل على جميع العالم، والصلاة والسلام على
المسطفى صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه أجمعين.

برمول فد هاريون 9. 4. 1949. ايهندا نوان حاج صالح بن حاج عبدالرحمن ننه ميري كت 4 جوك
سياتي وسبه كند اتق ^{دان} چيون. اد فون يتيله مندره بواه يونيون ايبانه: الامتياز حاج محمد ديباني،
حاج خليل، الامتياز حاج نورالاندوسي، الامتياز حاج محمد زاوادي انشراط. الامتياز حاج مرزوق،
حاج امين، الامتياز حاج محفوظ انوار، الامتياز محمد بصري.

بفترده: مدرسة السعدية تبوه دان مدرسة الصالحية (دوناهو، قبهوه) دكواسان كند اتق ^{دان} چيون.
بكدوا: يمدجر مدرسة بقرسوت هان دانوكن. كند اتق ^{دان} چيون.
بكبك: سوما وقف 2 دسهكن ~~كند اتق چيون~~ ^{كند اتق چيون} خزانن سفلي ديهانكي كند املت بدهكم

- (1) بوان مكاجر كند اتق چيون يمدجر سهاج ماهر لون اهن سديري جك تهاد مفاجر مك تهاد مديك كدر
- (2) بوان ميايكر مدرسة بقرسوت جك مديك كروسكن
- (3) بوان مبلجاي بلاجر اتق دان چيون بتياد شرط اوتنو، مبلجان
- (4) بوان بلبجا لركر حاجر اتق چيون بتياد مويوي شرط سوان اك لون

بكدنت: تيدق دايدنكن سياف 2 دودوق اتو برنمفت دنانه 2 وقت ملبكن اتق دان چيون.
بكلب: خزانه بقرسوت سطوي دجادبكن ساهو ميني دكمنواكن منجادي ساتو دان صفلي مندر بركن
سنيوسها، فبنن واع، فمرقا كير 2.

بكبك: نانه 2 وقف سهاي دليركن. اد اوين وان ايبانه درفد خزانه بقرسوت.

مك هارنله اتق دان چيون ج.همن سفلي برلجه بله داننوا ساتو داملايشن. هان اتق دان چيون =
ايلت جك نزلوف كند كانه 2 ايهندا نوان حاج صالح بن حاج عبدالرحمن قبهوه.

ساج صالح
13-10-56

بشير

Lampiran H

Guru-guru yang pernah mengajar di Madrasah Saadiah-Salihiah hingga pada tahun 1959.

Guru Lelaki

	Nama	Kelulusan	Sejak
1.	Kiyai Haji Annuar b. Hj. Abd. Wahid	Sekolah-sekolah pondok di Tegal, Solo, Termas	1918
2.	Kiyai Hj. Yahaya b. Hj. Salleh	Sekolah-sekolah pondok di Termas, Solo.	1922
3.	Hj. Mohd. Surur b. Hj. Hassan	Madrasah Saadiah Temoh, Sekolah-sekolah pondok di Termas Pacitan, Tebui-reng, Madura, Djombang.	1934
4.	Hj. Salleh b. Ali	Madrasah Saadiah, Temoh, Termas Pacitan, Djombang (Redjoso), Madura (Sampang), Tebui-reng.	1948
5.	Hj. Dimiyati b. Hj. Salleh	Sekolah pondok di Solo dan Madrasah Meakh.	1949
6.	Hj. Nor b. Hj. Salleh	Madrasah Saadiah, Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar dan Madrasah Kediri, Indonesia.	1949
7.	Hj. Zawawi b. Hj. Salleh.	Madrasah Saadiah, Temoh Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, Madrasah Kediri, Indonesia.	1949
8.	Hj. Abdullah b. Hj. Annuar.	Madrasah Saadiah, Temoh; Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar; Madrasah Kediri, Indonesia.	1949
9.	Hj. Nahrawi b. Hj. Annuar.	Madrasah Saadiah, Temoh; Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, Madrasah Kediri, Indonesia.	1949
10.	Hj. Busro b. Hj. Annuar.	Madrasah Saadiah, Temoh; Madrasah al-Ulum, Pontian, Johor; Madrasah Daerah al-Maarif, Kepala Batas, Seberang Prai.	1951

- | | | | |
|-----|--------------------------------|--|-------|
| 11. | Juraimi b. Bajuri | Madrasah Saadiah, Temoh;
Maahad II Ihyaa al-Syarif,
G. Semanggul, Perak. | 1949 |
| 12. | Asy'ari Na'im | Madrasah Saadiah, Temoh;
Madrasah Raudatul Sibyan,
Kelang Selangor. | 1950 |
| 13. | Asra b. Ahmad | Madrasah Saadiah, Temoh;
Madrasah Dairah al-Maariff,
Kepala Batas, Seberang Prai. | 1952 |
| 14. | Mohd. Nor b. Said | Madrasah Saadiah, Temoh. | 1950 |
| 15. | Hj. Md. Yusof b.
Abd. Jalil | Madrasah Saadiah, Temoh;
Madrasah al-Ulum, Bagan
Datoh, Perak; Madrasah
Daerah al-Maarif, Kepala
Batas, Seberang Prai. | 1949 |
| 16. | Md. Yusof b. Hj. Salleh | Madrasah Saadiah, Temoh;
Govt. English School,
Tapah, Perak; American
University, Kahirah. | 1951 |
| 17. | Md. Bakir b. Mingin | Madrasah Saadiah, Temoh;
Madrasah Daerah al-Maariff,
Kepala Batas, Seberang Prai. | 1958 |
| 18. | Tarmizi b. Ahmad | Madrasah Saadiah, Temoh. | 1958 |
| 19. | Hassan b. Karwi | Madrasah Saadiah, Temoh. | 1958. |

Guru-Guru Perempuan

	Nama	Kelulusan	Sejak
1.	Mahbee bt. Sheikh Mohammad	Madrasah Al-Masyhur, Pulau Pinang.	1956
2.	Hafsah bt. Abd. Kadir	Madrasah Al-Masyhur, Pulau Pinang.	1955
3.	Fatimah bt. Bakri	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1952
4.	Khamsatun bt. Bajuri	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1952
5.	Zaharah bt. Hassan	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1958
6.	Asiah bt. Said	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1958
7.	Husni bt. Kasin	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1955
8.	Khadijah bt. Md. Ali	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1955
9.	Ainon Ulung Hassan	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1958
10.	Salmiah bt. Yusof	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1958
11.	Hajah Slihah bt. Hj. Yahaya	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1958
12.	Nur Salijah bt. Mandak	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1959
13.	Mariam bt. Md. Surur	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1957
14.	Hajah Rusiatun bt. Hj. Othman	Madrasah Saadiyah-Salihiah, Temoh.	1958



مدرسة النور

جبلان كامري فيراق

بسم الله الرحمن الرحيم

لقد فرغنا من الامتحان

سجيل ففرقنا

بهوا اذاله حجة راسيد بنت عثمان مرید مدرسة معالجة للبنات
 سكره اكام وبيت بنوع سينين بنوع
 سجيل سجيل مدرسة ابن دغن مندالت فلكت استكروا نله اسمر تاهون بلاجر
 بهاتين واستدائهم كلوسن اباله ملرت برايكوت دباوه ابن:

مرکه	فرکارا	مرکه	فرکارا
1	التوحيد	14	الاطالمة
2	الفقه	15	الانشاء
3	ألف	16	الإسلام
4	القرآن	17	المدارسة
5	المجرب	18	الولاية
6	المسوق	19	الربح
7	الحدیث	20	الناطق
8	مصطلح الحدیث	21	جاس ملايو
9	الفرانس	22	حمار
10	السيرة	23	سوراني
11	المسوق	24	سعاد
12	المسوق	25	كسيمان
13	الفقه	26	علم كعادين

تسليم
 يذفرتوا المدرسة

MADRASAH ALIM DUAN
 100, ALI KAJI
 100, ALI KAJI
 100, ALI KAJI

لقد فرغنا من الامتحان
 سجيل ففرقنا

